Perbankan Peribadi

Terma dan Syarat Umum

Tarikh kuat kuasa: 8 Ogos 2024

Kandungan

BAHAGIAN A. TERMA DAN SYARAT UMUM

A. TAKRIFAN

B. AKAUN

1. Pembukaan Akaun
2. Pembukaan Akaun dalam Talian
3. Akaun Bersama
4. "*External Accounts"*
5. Akaun Perkongsian
6. Akaun Perkongsian Liabiliti Terhad
7. Faedah/Keuntungan
8. Deposit dan Pengeluaran
9. Pembayaran dan Pemindahan Dana
10. Penyata Akaun
11. Pengendalian dan Penutupan Akaun

C. KAD

12. Penggunaan Kad Debit

D. PERKHIDMATAN

13. Perkhidmatan Perbankan Telefon
    - Pertanyaan Akaun dan Pertanyaan Kadar melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon
14. Perbankan dalam Talian RHB
15. Mesin Deposit Cek atau Peti Deposit
16. IBG, FTT dan Kiriman Wang
17. Perkhidmatan Western Union® Money Transfer[SM]

E. UMUM

18. Fi, Caj dan Cukai
19. Penepian
20. Representasi dan Waranti
21. Tanggung Rugi dan Liabiliti Terhad
22. Notis Umum
23. Arahan dan Notis tentang Akaun
24. Pemberitahuan Elektronik dan Peringatan
25. Hak untuk Menolak Urus Niaga
26. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLA”)

F. MAKLUMAT, KEIZINAN, PERISYTIHARAN DAN NOTIS PRIVASI

27. Maklumat
28. Pengesahan, Kebenaran dan Perisytiharan
29. Notis Privasi
30. Usaha Wajar Pelanggan
31. Pindaan Terma dan Syarat
32. Undang-undang yang Mengawal/ Badan Pengawalseliaan
33. Berasingan
34. Waris Terikat
35. Notis Dasar Pertukaran Asing

G. PERTANYAAN

BAHAGIAN B. TERMA DAN SYARAT KHUSUS

A. AKAUN

1. Akaun Semasa
   - Cek dan Buku Cek
   - Pengeluaran Melebihi Had
   - Cek Tak Laku
   - Penyata Akaun
   - Akaun MaxCash
   - RHB *Smart Account*
   - RHB *Premier Current Account*
2. Akaun Simpanan
   - Buku Simpanan
   - Akaun Easy-Smart 1
   - Akaun Easy-Smart 2
   - Akaun Simpanan Junior
   - Penyata Akaun
   - RHB *Future Savers Account*
3. Deposit Tetap
   - Peletakan Deposit
   - Faedah
   - Pengeluaran Pra-matang Deposit Tetap
   - Pengeluaran Separa Deposit Tetap
   - *Senior Fixed Deposit dan P.A.Y.S Fixed Deposit*
4. "*Multi Currency Account*"
   - Umum
   - "*MCA Gold and MCA Silver Investment*"

B. PENGURUSAN HARTA

5. Perkhidmatan Pelaburan
   - Maklumat Pelaburan dan Permohonan Pelaburan
   - Pemegangan Pelaburan
   - Penebusan Pelaburan
   - Jualan atau Pemindahan Pelaburan
   - Menukar Pelaburan
   - Pendapatan daripada Pelaburan
   - Urus Niaga dan Rekod Urus Niaga
   - Kebenaran dan Arahan
   - Fi, Caj dan Perbelanjaan
   - Mesyuarat Pemegang Unit
   - Notis
   - Tanggung Rugi
   - Penamatan
   - Tidak Eksklusif
   - Representasi dan Waranti
   - Umum

C. PETI SIMPANAN SELAMAT

D. ISLAMIK

6. Akaun Semasa
   - Cek dan Buku Cek
   - Cek Tak Laku
   - Penyata Akaun
7. RHB *Smart Account-i*
   - Kelayakan
   - Ciri dan Syarat RHB *Smart Account-i*
   - Kadar Keuntungan Bonus
   - Prinsip Syariah
8. *Multi Currency Account-i (MCA-i)"*
9. Akaun Simpanan
   - Buku Simpanan
   - Akaun Kad-Debit-i Easy
   - Penyata Akaun Simpanan
10. Akaun Semasa dan Simpanan-i Qard (Qard CASA-i)
    - Prinsip Syariah
11. RHB Premier Current Account-i
12. Akaun Semasa dan Simpanan-i Komoditi Murabahah (CM CASA-i)
    - Terma dan Syarat Akaun Semasa dan Simpanan-i Komoditi Murabahah (CM CASA-i)
    - Pelantikan Sebagai Ejen
    - Transaksi Perdagangan
    - Penyaluran Keuntungan kepada Amal Kebajikan
    - Terma dan Syarat Khusus untuk RHB *Children Account-i*
    - Lampiran 1: Perlindungan Takaful Kemalangan Diri
13. Komoditi Murabahah Deposit-i (CMD-i)
    - Terma dan Syarat Am Komoditi Murabahah Deposit-i
    - Pelantikan Sebagai Ejen
    - Transaksi Perdagangan
    - Pengeluaran Pra-matang dan Pengeluaran Secara Separa
    - Arahan Pembaharuan
14. Lain-lain

Terima kasih kerana memilih kami sebagai rakan kongsi yang anda percayai. Kami menawarkan pelbagai jenis Perkhidmatan yang boleh disesuaikan dengan keperluan perbankan anda. Perkhidmatan ini tersedia di cawangan kami di Malaysia dan menerusi sistem perbankan elektronik. Perkhidmatan ini dikawal oleh terma dan syarat ("**Terma dan Syarat**") yang telah disediakan di dalam dokumen ini. Luangkan masa anda membaca dokumen ini kerana terma dan syaratnya mengikat anda.

DOKUMEN INI dibahagikan kepada dua (2) seksyen. Seksyen pertama, "Bahagian A. Terma dan Syarat Umum", memberikan terma dan syarat umum akan hubungan perbankan peribadi dan perbankan elektronik kami dengan anda. Seksyen kedua, "Bahagian B. Terma dan Syarat Khusus", mengandungi terma dan syarat yang terpakai kepada setiap produk atau perkhidmatan yang anda beli atau daftar dengan kami. Terma dan Syarat ini dipakai bersama-sama dengan dokumen penggunaan produk yang lain yang telah anda baca, fahami dan persetujui sebagai lembar pendedahan produk yang sedemikian.

Sila ambil perhatian bahawa jika anda bukan penduduk Malaysia, terma dan syarat tambahan akan terpakai sebagaimana yang akan kami maklumkan pada bila-bila masa.

Anda bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Terma dan Syarat ini. Kami boleh membuat apa-apa tambahan dan/atau pindaan dan/atau perubahan dari semasa ke semasa dalam cara yang diberikan dalam Fasal 22 dan 31 di Bahagian A. Terma dan Syarat Umum.

BAHAGIAN A. TERMA DAN SYARAT UMUM

A. TAKRIFAN

Dalam kedua-dua bahagian Terma dan Syarat Umum dan Khusus, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan berikut akan mempunyai makna yang berikut:

(i) "ABM" bermaksud Persatuan Bank-bank Malaysia.

(ii) "ID Akses" bermaksud nombor Kad Debit/kad kredit, atau apa-apa nombor pengenalan akses lain yang kami berikan kepada anda.

(iii) "Akaun" bermaksud mana-mana satu atau lebih akaun yang termasuklah simpanan/-i, kredit, semasa/-i, *multi-currency/ Multi Currency Account-i*, pelaburan, deposit tetap/berjangka, pinjaman/pembiayaan atau apa-apa akaun lain yang anda miliki dengan kami dan boleh diakses menerusi Perbankan dalam Talian RHB dan/atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB di bawah Laman Sesawang atau apa-apa saluran lain sebagaimana yang kami tentukan dari semasa ke semasa (sekiranya berkaitan) dan rujukan kepada "Akaun" akan ditafsirkan sebagai rujukan kepada salah satu daripadanya.

(iv) "AIBIM" bermaksud Persatuan Perbankan Islam dan Institusi Kewangan Malaysia.

(v) "AMLA" bermaksud Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

(vi) "Aplikasi" bermaksud aplikasi yang dipasang kepada peranti Mudah Alih pengguna, tertakluk pada perubahan yang perlu dibuat dan dipinda dari semasa ke semasa oleh kami.

(vii) "ASNB" bermaksud Amanah Saham National Berhad, anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang bertindak sebagai pengurus dana untuk mengumpulkan wang dari pelbagai pelabur untuk melabur dan menghasilkan pulangan.

(viii) "ATM" bermaksud Mesin Juruwang Automatik atau mesin yang dikendalikan melalui kad, sama ada yang kami miliki atau dimiliki oleh bank peserta lain atau institusi kewangan, atau Rangkaian ATM Visa/Master Global, atau rangkaian bersekutu lain, yang dengannya kami mempunyai pengaturan sedia ada untuk membenarkan anda menggunakan Kad pada mesin sedemikian.

(ix) "Hari Perbankan/Hari Perniagaan" bermaksud suatu hari apabila kami dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan jika apa-apa tempoh masa jatuh pada suatu hari yang bukan Hari Perniagaan/Hari Perbankan, maka tempoh tersebut dianggap hanya luput pada hari Perniagaan/Perbankan berikutnya.

(x) "BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.

(xi) “Kad” bermaksud suatu Kad Debit atau kad kredit atau semuanya, sebagaimana konteksnya menghendakinya.

(xii) “CASA” bermaksud akaun semasa atau akaun simpanan dan/atau CM CASA.

(xiii) "CM CASA-i" bermaksud akaun semasa atau akaun simpanan Komoditi Murabahah.

(xiv) “Kandungan” bermaksud apa-apa bahan, maklumat, grafik, teks, imej, Pautan, iklan dan data yang dipaparkan atau terkandung dalam Laman Sesawang.

(xv) “Tempoh Bertenang” bermaksud tempoh apabila anda boleh membatalkan pelaburan tanpa bayaran dan akan menerima amaun pelaburan awal yang penuh.

(xvi) "CRS" bermaksud Standard Pelaporan Biasa (*Common Reporting Standard*) yang ditubuhkan sebagai tindak balas kepada permintaan G20 dan disetujui oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) pada 15 Julai 2014, dan yang meminta bidang kuasa untuk mendapatkan maklumat dari institusi kewangannya dan menukar maklumat tersebut secara automatik dengan bidang kuasa lain pada setiap tahun. Ini menetapkan maklumat akaun kewangan yang akan ditukar, institusi kewangan yang diperlukan untuk melaporkan, berbagai jenis akaun dan pembayar cukai yang dilindungi, serta prosedur pemeriksaan wajar yang harus diikuti oleh institusi kewangan.

(xvii) “Ejen Perkhidmatan Pelanggan” bermaksud kakitangan dan/atau wakil yang ditempatkan di meja bantuan untuk membantu anda melalui telefon dalam mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan dan juga melaksanakan urus niaga perbankan tertentu menurut arahan anda.

(xviii) "CVV2/CVC2" bermaksud nombor tiga (3) digit yang terdapat di belakang kad kredit.

(xix) “Kad Debit” bermaksud kad atau peranti lain yang kami keluarkan kepada anda untuk membuat pembayaran secara debit terus daripada Akaun.

(xx) "Pinjaman/Pembiayaan Ringgit Domestik" bermaksud sebarang pinjaman dalam Ringgit Malaysia yang diperoleh oleh Pemastautin dari Pemastautin lain (termasuk individu, syarikat dan institusi kewangan) dalam bentuk kemudahan kredit, kemudahan pembiayaan, syer terutama boleh ditebus, syer terutama boleh ditebus secara Islam, bon korporat atau sukuk selain daripada:
(a) Syarat kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk semua jenis barang atau perkhidmatan;
(b) Kontrak hadapan (*forward contract*) dengan bank tempatan berlesen tidak termasuk kontrak yang melibatkan pertukaran atau swap Ringgit Malaysia atau obligasi hutang mata wang asing dengan obligasi hutang mata wang asing yang lain atau pertukaran atau pertukaran obligasi hutang mata wang asing dengan obligasi hutang Ringgit Malaysia;
(c) Jaminan kewangan atau jaminan bukan kewangan;
(d) Kemudahan pemajakan operasi;
(e) Kemudahan pemfaktoran tanpa bantuan;
(f) Kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperolehi oleh individu Pemastautin daripada Pemastautin untuk membeli satu harta tanah kediaman dan satu kenderaan;
(g) Kemudahan kad kredit dan kad caj yang diperolehi oleh individu Pemastautin dari Pemastautin.

(xxi) "DuitNow" bermaksud suatu perkhidmatan yang ditubuhkan oleh PayNet, yang membenarkan Pelanggan membayar dan menerima pemindahan kredit segera menggunakan nombor akaun penerima atau ID DuitNow.

(xxii) "ID DuitNow" bermaksud pengenal Pemegang Akaun seperti nombor telefon mudah alih, nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara, nombor pasport, nombor tentera atau nombor polis (dalam kes individu) atau nombor pendaftaran perniagaan (dalam kes pelanggan korporat) atau pengenal lain seperti mungkin diperkenalkan oleh PayNet dari semasa ke semasa.

(xxiii) “e-Penyata” bermaksud penyata perbankan akaun anda dalam bentuk elektronik yang dihantar ke peti e-mel anda di mana anda boleh melihat dan mencetak daripada terminal komputer.

(xxiv) “Khidmat e-Penyata” bermaksud perkhidmatan yang kami berikan kepada anda di mana setelah pendaftaran berjaya dilakukan oleh anda, anda akan dapat menerima e-Penyata dan melihat serta mencetaknya.

(xxv) "FATCA" bermaksud Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing yang disahkan sebagai sebahagian daripada Akta Pemberian Insentif untuk Memulihkan Pekerjaan (HIRE), yang secara amnya menghendaki institusi

kewangan asing dan entiti asing bukan kewangan lain melaporkan aset asing yang dipegang oleh Pemegang Akaun Amerika Syarikat atau menjadi tertakluk kepada penangguhan pembayaran ditahan. Akta HIRE juga mengandungi undang-undang yang mengharuskan orang Amerika Syarikat melaporkan, bergantung pada nilainya, akaun kewangan asing dan aset asing mereka.

(xxvi) "Notis Dasar Pertukaran Asing" bermaksud Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh BNM, seperti yang diubah atau dipinda dari semasa ke semasa.

(xxvii) "FPX" bermaksud Pertukaran Proses Kewangan (*Financial Process Exchanges*).

(xxviii) "FSA 2013" bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

(xxix) "FTT" bermaksud Pemindahan Telegraf Asing (*Foreign Telegraphic Transfer*).

(xxx) “Dana” bermaksud unit amanah atau skim pelaburan lain bagi unit tersebut yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkedaan bagi jualan kepada pihak awam.

(xxxi) "GMPC" bermaksud Kad Pelbagai Guna Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Multipurpose Card*).

(xxxii) "IBG" bermaksud *Interbank GIRO*.

(xxxiii) "ID" bermaksud pengenalan diri.

(xxxiv) "Pengenal" bermaksud ID Akses, Nama Pengguna, Kata Rahsia, Kata Laluan Satu Kali (OTP), Kod Keselamatan dan mana-mana satu atau lebih perkara yang sama.

(xxxv) "IFSA 2013" bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(xxxvi) “Maklumat” bermaksud prospektus, laporan tahunan atau laporan berkala lain atau laporan akaun, penulisan dan bahan promosi, dan maklumat statistik berkaitan Pelaburan.

(xxxvii) “Faedah” bermaksud amaun faedah yang kena dibayar berkaitan dengan Pelaburan Produk Berstruktur, sebagaimana ditentukan dan dimaklumkan oleh Bank secara bertulis.

(xxxviii) “Perkhidmatan Pelaburan” bermaksud perkhidmatan yang dirujuk dalam Terma dan Syarat ini sebagaimana yang kami berikan berkaitan dengan Pelaburan.

(xxxix) “Pelaburan” bermaksud unit dalam Dana atau skim pelaburan bersama lain yang boleh kami agihkan dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa.

(xl) “JomPay” bermaksud skim pembayaran bil negara yang diperkenalkan oleh BNM yang diketuai oleh *Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd* (*MyClear*) untuk mempromosikan dan menggalakkan penggunaan pembayaran bil dan invois dalam talian. Perkhidmatan ini ditawarkan menerusi kemudahan perbankan internet/perbankan mudah alih institusi kewangan yang turut serta.

(xli) “Pautan" bermaksud pautan antara satu produk kepada suatu saluran dan/atau kata hiperpautan ke Laman Sesawang yang mengisyaratkan pengguna akan pautan sedia ada ke laman lain pada internet. Hal ini juga bermakna satu pautan yang ditandakan sebagai satu perkataan yang diserlah, perkataan yang diwarnakan dengan warna berbeza dan/atau grafik (misalnya logo yang menjadi cap dagang atau satu butang) pada Laman Sesawang yang mengisyaratkan pengguna Laman Sesawang akan kewujudan pautan ke halaman lain pada *Internet* atau *World Wide Web* di tapak lain selain Laman Sesawang.

(xlii) “Peranti Mudah Alih” bermaksud peranti mudah alih atau peranti komunikasi lain yang seumpamanya yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan Perbankan Mudah Alih.

(xliii) "Bukan Pemastautin" bermaksud:
(a) Mana-mana orang selain Pemastautin;
(b) Cawangan luar negeri, anak syarikat, pejabat wilayah, pejabat penjualan atau pejabat perwakilan syarikat pemastautin;
(c) Kedutaan, Konsulat, Komisi Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa; atau
(d) Warganegara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap negara atau wilayah di luar Malaysia dan menetap di luar Malaysia.

(xliv) "Kata Laluan Satu Kali (OTP)" bermaksud kod abjad angka unik yang hanya sah bagi urus niaga tunggal apabila anda melaksanakan apa-apa urus niaga risiko tinggi. OTP akan dihantar bersama-sama dengan

Kod Keselamatan melalui SMS ke nombor telefon mudah alih berdaftar. Anda mesti memastikan yang Kod Keselamatan yang dipaparkan pada "Halaman Pengesahan" (*Confirmation Page*) merupakan yang tepat dengan Kod Keselamatan yang dihantar menerusi SMS sebelum memasukkan OTP untuk melengkapkan urus niaga.

(xlv) "Kata Laluan" bermaksud serantai aksara abjad angka yang dipilih oleh anda, yang unik kepada anda dan hanya diketahui oleh anda dan sistem komputer kami, yang mengesahkan Nama Pengguna anda setiap kali anda mengakses perkhidmatan Perbankan Dalam Talian RHB dan/atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB dan bersama-sama dengan Nama Pengguna membentuk bahagian lain tandatangan elektronik.

(xlvi) "PayNet" bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd.

(xlvii) “PayPal” bermaksud satu perkhidmatan yang membolehkan anda membuat pembayaran dalam talian, menghantar dan menerima wang.

(xlviii) “PDPA” bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

(xlix) “PIDM” bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

(l) “PIN” bermaksud nombor pengenalan peribadi yang diberikan kepada anda untuk digunakan bersama-sama dengan Kad.

(li) "Keuntungan" bermaksud jumlah keuntungan yang perlu dibayar berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh RHB Islamic Bank Berhad, sebagaimana ditentukan oleh RHB Islamic Bank Berhad.

(lii) “Pemegang Pelaburan Berdaftar” bermaksud RHB Bank Berhad.

(liii) "Pemastautin" bermaksud:
(a) Warganegara Malaysia, tidak termasuk warganegara yang telah memperoleh status pemastautin tetap di negara atau wilayah di luar Malaysia dan tinggal di luar Malaysia;
(b) Seorang bukan warganegara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan biasanya menetap di Malaysia;
(c) Badan korporat yang diperbadankan atau ditubuhkan, atau didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia;
(d) Badan tidak diperbadankan yang berdaftar dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia; atau
(e) Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri.

(liv) "Mata Wang Terhad (*Restricted Currency*)" bermaksud:
(a) Mata wang atau duit syiling yang merupakan tender sah di Negara Israel;
(b) Apa-apa hak untuk menerima mata wang atau duit syiling yang merupakan tender sah di Negara Israel
  (i) Mengenai sebarang kredit atau baki di bank tempatan berlesen atau institusi lain yang serupa di dalam atau di luar Malaysia; atau
  (ii) Dari mana-mana orang di dalam atau di luar Malaysia;
(c) Apa-apa dokumen, instrumen atau peranti yang membolehkan seseorang memperoleh nota mata wang atau duit syiling yang disebut dalam subperenggan (a) dari orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada cek kembara (*traveller's cheque*), surat kredit dan draf bank; atau
(d) Sebarang perwakilan elektronik atau digital mata wang atau duit syiling yang merupakan tender sah di Negara Israel.

(lv) "RHB Bank Berhad" bermaksud RHB Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)), sebuah bank berlesen yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan dengan alamat berdaftarnya di Tingkat 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

(lvi) “Kumpulan Perbankan RHB” bermaksud RHB Bank Berhad, anak syarikatnya, syarikat bersekutu dan berkaitan dari semasa ke semasa dan sekiranya konteksnya menghendaki sedemikian, hendaklah bermaksud mana-mana satu atau lebih daripadanya.

(lvii) RHB Investment Bank Berhad bermaksud RHB Investment Bank Berhad (No. Pendaftaran 197401002639 (19663-P)), sebuah bank berlesen yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan dengan alamat berdaftarnya di Tingkat 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

(lviii) “RHB Islamic Bank Berhad” bermaksud RHB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)), sebuah bank berlesen yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan dengan alamat berdaftarnya di Tingkat 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

(lix) "Perbankan Mudah Alih RHB" bermaksud Perkhidmatan Perbankan dalam Talian RHB yang ditawarkan oleh kami, perkhidmatan yang mungkin diakses oleh anda melalui *Internet* atau data mudah alih atau media elektronik lain yang diluluskan oleh kami menurut Terma dan Syarat ini atau peraturan dan undang-undang lain yang kami tentukan.

(lx) "Perbankan dalam Talian RHB" bermaksud Perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda melalui *Internet* melalui Laman Sesawang menurut Terma dan Syarat ini atau apa-apa undang-undang dan peraturan lain yang kami tentukan.

(lxi) "Kata Rahsia" bermaksud serantai aksara abjad angka yang dipilih oleh anda, yang unik kepada anda dan hanya diketahui oleh anda dan dan sistem komputer kami, yang akan dipaparkan pada skrin selepas anda memasukkan Nama Pengguna. Fungsi ini adalah pengesahan bersama yang anda gunakan untuk mengesahkan bahawa laman log masuk adalah daripada laman web kami yang asli.

(lxii) "Kod Keselamatan" bermaksud kod enam (6) digit yang akan dipaparkan pada "Halaman Pengesahan" (*Confirmation Page*) bagi apa-apa urus niaga risiko tinggi dan akan juga dihantar melalui SMS ke nombor telefon mudah alih berdaftar. Anda perlu memastikan yang Kod Keselamatan yang dipaparkan pada "Halaman Pengesahan" (*Confirmation Page*) adalah sama seperti Kod Keselamatan yang dihantar melalui SMS.

(lxiii) “Penyedia Perkhidmatan” bermaksud pihak yang menyediakan perkhidmatan.

(lxiv) "Perkhidmatan" bermaksud apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang kami berikan.

(lxv) "Siri" merupakan “pembantu pintar” yang direka didalam peranti mudah alih Apple yang dapat mengesan arahan suara bahasa semulajadi untuk penggunaan peranti dan aplikasi didalamnya. Pengguna boleh menyebut arahan tersebut dan menerima pengesahan suara daripada Siri untuk menghantar mesej, membuat panggilan, menetap peringatan, menggunakan iTunes dan lain-lain.

(lxvi) "Orang yang Ditentukan" bermaksud:
(a) Negara Israel atau organisasi kerajaan, pihak berkuasa atau agensinya;
(b) Orang semula jadi yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap di Negara Israel;
(c) Mana-mana orang yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan untuk tujuan penggabungan atau penubuhan di Negara Israel atau di bawah undang-undangnya;
(d) Mana-mana entiti yang tidak diperbadankan yang ditubuhkan di Negara Israel atau di bawah undang-undang atau polisinya; atau
(e) Mana-mana orang yang dimiliki atau dikendalikan, secara langsung atau tidak langsung oleh orang yang disebut dalam subperenggan (a), (b), (c), atau (d),
dalam apa jua nama atau gaya, atau orang lain yang berhubung dengan orang yang disebut dalam subperenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) sebagaimana yang ditentukan oleh BNM.

(lxvii) “Rekod Urus Niaga” bermaksud penyata berkala yang kami berikan kepada anda berkaitan akaun pelaburan.

(lxviii) "TIN" (termasuk "setara fungsional") bermaksud *Taxpayer Identification Number* atau setara fungsional jika tidak ada TIN. TIN adalah gabungan huruf atau angka yang unik yang diberikan oleh sebuah bidang kuasa kepada individu atau entiti dan digunakan untuk mengenal pasti individu atau entiti tersebut untuk tujuan mentadbir undang-undang cukai bidang kuasa tersebut. Maklumat lebih lanjut mengenai TIN yang boleh diterimapakai boleh didapati di pautan berikut [https://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-identification-numbers]. Sebilangan bidang kuasa tidak mengeluarkan TIN. Walau bagaimanapun, bidang kuasa berkenaan sering menggunakan beberapa nombor integriti tinggi yang lain dengan tahap pengenalan yang setara ("setara berfungsi"). Contoh jenis nombor tersebut merangkumi, untuk entiti, kod/nombor pendaftaran perniagaan/syarikat.

(lxix) "Nama Pengguna" bermaksud nama yang dihasilkan daripada rantaian aksara yang anda pilih yang unik kepada anda, yang membentuk satu bahagian tandatangan elektronik menurut Terma dan Syarat ini dan merupakan satu-satunya cara untuk membenarkan sistem Perbankan dalam Talian RHB kami mengenali anda dan Akaun anda apabila anda mengakses Perkhidmatan Perbankan dalam Talian RHB dan/atau Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih RHB.

(lxx) “UTMC”, berkaitan dengan Dana, bermaksud syarikat pengurusan unit amanah yang menguruskan Dana.

(lxxi) “Tarikh Sah” bermaksud tarikh matang Kad sebagaimana yang dicetak pada Kad.

(lxxii) "Laman Sesawang" bermaksud laman sesawang korporat kami di http://www.rhbgroup.com.

(lxxiii) “Western Union” bermaksud perkhidmatan yang membolehkan anda menghantar wang secara dalam talian ke bank di negara dipilih atau kepada ejen di lokasi dipilih di seluruh dunia.

(lxxiv) Perkataan “Kami”, “Bank” dan “RHB” bermaksud RHB Bank Berhad dan/atau RHB Islamic Bank Berhad dan/atau entiti lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, rakan kongsinya dan kontraktornya, atau mana-mana satu daripadanya (sekiranya berkaitan).

(lxxv) Perkataan “Anda”, “Diri Anda”, “Pelanggan” dan/atau “Pemegang Akaun” bermaksud pemilik dan/atau pemilik bersama bagi Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank.

(lxxvi) Perkataan "Ringgit Malaysia" dan singkatan "RM" bermaksud mata wang Malaysia yang sah.

(lxxvii) Perkataan yang membawa maksud tunggal hendaklah termasuk yang jamak dan sebaliknya.

(lxxviii) Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk yang perempuan, neutral dan sebaliknya.

(lxxix) Apa-apa rujukan terhadap terma dan syarat dengan apa-apa nama dalam bentuk, pernyataan, brosur dan dokumen lain yang telah kami berikan adalah rujukan bagi terma dan syarat relevan yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini.

(lxxx) Apa-apa istilah perbankan yang tidak dinyatakan secara khusus atau dihuraikan di dalam Terma dan Syarat ini ini hendaklah ditafsirkan sejajar dengan amalan umum bank dan institusi kewangan di Malaysia.

(lxxxi) Apa-apa rujukan terhadap peruntukan undang-undang termasuklah apa-apa pengubahsuaian, penggabungan atau percantuman semula pada masa berkuat kuasa dan semua instrumen atau perintah undang-undang dibuat berdasarkannya.

(lxxxii) Apa-apa terma yang berkaitan dengan teknologi komputer yang tidak ditentukan, ditakrifkan atau dihuraikan di dalam dokumen ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan umum dan dagangan syarikat komputer dan industri teknologi maklumat di Malaysia.

(lxxxiii) Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih orang atau pihak yang terdapat dalam ungkapan “anda”, perjanjian, waad, penetapan, aku janji, terma dan syarat yang dinyatakan yang hendak dibuat dan ke atas anda dengan ini hendaklah dianggap dibuat untuk dan di pihak anda di dalam Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap dibuat untuk atau mengikat ke atas orang sedemikian atau pihak yang secara bersama dan berasingan.

(lxxxiv) Tajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan semata-mata untuk kemudahan rujukan dan hendaklah tidak menjejaskan pentafsiran peruntukan yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini.

B. AKAUN

1. Pembukaan Akaun

1.1 Anda boleh membuka sebuah Akaun tertakluk pada keperluan dan tatacara yang relevan (termasuk umur, deposit minimum, rujukan, maklumat dan dokumen sokongan yang boleh kami terima) dan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan di dalam borang permohonan yang relevan, dan Bahagian B. Terma dan Syarat Khusus.

1.2 Kami boleh menerima atau menolak permohonan anda dan penerusan Akaun adalah atas budi bicara kami.

1.3 Anda akan diberikan Kad Debit apabila membuka Akaun yang akan dikawal oleh Bahagian B. Terma dan Syarat Khusus di bawah dan terma dan syarat lain yang kami kenakan berkaitan /Kad Debit tersebut.

2. Pembukaan Akaun Dalam Talian

2.1 Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pelanggan yang ingin memohon pembukaan Akaun dalam talian menerusi Perbankan dalam Talian RHB.

2.2 Pembukaan Akaun dalam talian adalah melalui laman sesawang selamat yang disediakan untuk anda menerusi Perbankan dalam Talian RHB dan Laman Sesawang kami.

2.3 Perkhidmatan pembukaan Akaun dalam talian biasanya tersedia dalam Laman Sesawang kami dari 7.00 pagi – 11.59 malam, tujuh (7) hari seminggu melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Terma dan Syarat ini atau dalam Laman Sesawang kami.

2.4 Perkhidmatan pembukaan Akaun dalam talian boleh diakses melalui Perbankan dalam Talian RHB dan mungkin tidak boleh diakses pada masa tertentu disebabkan keperluan penyenggaraan rutin, sistem tidak berfungsi atau gagal berfungsi, permintaan berlebihan bagi sistem dan/atau keadaan yang di luar kawalan kami.

2.5 Dengan memberikan maklumat anda untuk pembukaan Akaun dalam talian, anda memberikan keizinan untuk dan membenarkan kami untuk melaksanakan carian tentang anda (jika berkaitan) bagi tujuan pembukaan Akaun dalam talian.

2.6 Bagi Pelanggan yang Baharu dengan Bank, pelanggan tanpa akses kepada Perbankan dalam Talian RHB atau pelanggan kad kredit RHB yang melakukan pembukaan akaun atas talian tanpa log masuk ke Perbankan dalam Talian RHB, anda perlu mengaktifkan akaun anda di cawangan dengan melakukan pengesahan Pengenalan ("ID") dalam masa 30 hari kalendar dari tarikh pembukaan akaun untuk menikmati penggunaan akaun tersebut. Kegagalan untuk mengaktifkan akaun akan menyebabkan penutupan akaun dan anda tidak dapat menggunakannya untuk melakukan sebarang transaksi perbankan.

2.7 Akaun dalam talian anda akan ditutup secara automatik oleh sistem Perbankan dalam Talian RHB pada penghujung hari ke-tiga puluh (30) jika anda tidak memenuhi yang berikut:

i. melakukan pengesahan ID dan mengaktifkan Akaun dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh pembukaan Akaun; atau
ii. menyediakan apa-apa dokumen sokongan tambahan yang kami perlukan untuk membuka Akaun dalam talian untuk tujuan mengesahkan ID anda; atau
iii. menyediakan maklumat yang tepat; atau
iv. memenuhi apa-apa keperluan tambahan kami untuk membuka Akaun dalam talian.

2.8 Proses pengesahan ID akan memerlukan anda memberikan dokumen yang sah yang akan kami gunakan untuk tujuan penentusahan. Jika maklumat yang anda berikan semasa permohonan pembukaan Akaun dalam talian berbeza daripada maklumat di dalam dokumen ID yang sah, maka Akaun anda tidak akan diaktifkan dan ditutup secara automatik oleh sistem Perbankan dalam Talian RHB. Akaun ini juga tidak akan diaktifkan jika penentusahan oleh GMPC/MyKad ke atas anda didapati salah dan/atau gagal.

2.9 Kami boleh meminta anda memberikan apa-apa dokumen sokongan tambahan untuk mengesahkan ID anda dan/atau apa-apa maklumat yang anda berikan semasa permohonan pembukaan Akaun dalam talian dan anda dikehendaki memberikan dokumen yang dimohon dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar sebelum pengaktifan Akaun, yang sekiranya gagal dilakukan, Akaun anda akan ditutup secara automatik oleh sistem Perbankan dalam Talian RHB. Selanjutnya, kami tidak akan memberikan apa-apa pengecualian atau pelanjutan untuk tiga puluh (30) hari kalendar tersebut.

2.10 Jika anda berjaya log masuk ke Perbankan dalam Talian RHB, anda boleh memohon pembukaan Akaun secara dalam talian dan jika permohonan dalam talian anda memenuhi keperluan, Akaun anda akan diaktifkan serta-merta dan anda boleh melaksanakan apa-apa urus niaga dalam talian menerusi Perbankan dalam Talian RHB.

2.11 Kami berhak, menurut budi bicara kami untuk menolak permohonan pembukaan Akaun secara dalam talian anda dan/atau menutup Akaun anda jika anda tidak memenuhi keperluan kami untuk pembukaan Akaun secara dalam talian.

2.12 Jika anda ingin melaksanakan apa-apa urus niaga di kaunter di cawangan dan/atau memohon buku cek, anda dikehendaki pergi ke cawangan bank dan memberikan tandatangan anda untuk tujuan mengendalikan Akaun ini dan/atau memohon buku cek, mengikut mana yang berkenaan.

2.13 Buku cek akan hanya dikeluarkan apabila anda membuat permohonan dan tertakluk pada syarat bagi memberikan buku cek kepada anda. Bagi pelanggan Bukan Pemastautin, anda dikehendaki memberikan nama dan butiran perhubungan bagi orang yang memperkenalkan anda yang merupakan Pemegang Akaun semasa sedia ada dengan kami dan menyenggara akaun semasa yang aktif dan memuaskan dengan kami

selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan. Kami berhak menurut budi bicara kami untuk menolak permohonan buku cek anda jika anda tidak memenuhi keperluan kami untuk permohonan buku cek.

2.14 Pengaktifan Akaun Dalam Talian

i. Pelanggan boleh melakukan pengaktifan dalam talian melalui eKYC (Electronic Know-Your-Customer) untuk akaun deposit/-i yang layak dan menggunakan akaun tersebut dengan serta merta.

ii. Perkhidmatan ini tersedia melalui aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun dan diakses oleh pelanggan melalui peranti mudah alih iOS atau Android untuk membolehkan pembukaan dan pengaktifan akaun digital.

iii. Aplikasi ini akan menggunakan teknologi penyaringan eKYC untuk RHB melaksanakan usaha wajar elektronik, pengesahan identiti dan pengesahan, dan membuat keputusan berhemat dalam memastikan pematuhan kepada Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Counter Financing of Terrorism Bank Negara Malaysia.

iv. Untuk melengkapkan pengaktifan dalam talian, anda mesti memenuhi kriteria berikut:

a. Pelanggan Baru kepada RHB tanpa sebarang akaun Semasa/ Simpanan/-i atau Kad Kredit/-i
b. Warganegara Malaysia dengan MyKad baharu yang sah (versi cip 80k, dengan imej ghost). Pelanggan haruslah memastikan MyKad berada dalam keadaan baik dan boleh dibaca/ dirakam melalui kamera. Pemegang MyKid, MyPR, MyTentera dan MyKAS tidak layak.
c. Berumur 18 tahun ke atas
d. Memohon untuk akaun individu sahaja
e. Pelanggan mesti memegang nombor telefon bimbit berdaftar Malaysia dan alamat e-mel yang sah.
f. Mesti mempunyai akaun deposit dengan bank lain (selain RHB) dengan akaun atas nama peribadi anda sahaja dengan akses Perbankan Internet untuk tujuan deposit pendahuluan.
g. Untuk permohonan sendiri sahaja (pemohon mestilah orang yang memohon untuk membuka akaun dan nama pemegang akaun adalah berdasarkan nama pemohon sahaja).

Nota:
Jika anda tidak memenuhi kriteria di atas, iaitu memohon akaun Bersama, sila lawati kami di mana-mana cawangan RHB terdekat untuk membuka akaun.

v. Sekiranya anda telah berjaya memohon akaun dalam talian tetapi menunggu pengaktifan, sila lawati kami di mana-mana cawangan RHB terdekat dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh pembukaan akaun untuk melakukan pengesahan dan melengkapkan pengaktifan anda. Kegagalan untuk mengaktifkan akaun anda akan mengakibatkan penutupan akaun dan anda tidak akan dapat melakukan sebarang transaksi perbankan.

vi. Untuk memohon dan mengaktifkan Pembukaan Akaun dalam talian, anda boleh melancarkan Aplikasi Perbankan Internet RHB atau memuat turun Aplikasi Perbankan Mudah Alih, pilih akaun pilihan anda dan ikuti langkah permohonan di bawah:

Langkah 1: Butiran Diri – masukkan nombor mudah alih dan alamat e-mel anda, dan OTP melalui SMS akan dihantar kepada anda untuk tujuan pengesahan.
Langkah 2: Sahkan Identiti anda – imbas bahagian hadapan dan belakang MyKad anda
Langkah 3: Cipta ID Dalam Talian RHB – cipta kelayakan log masuk anda dan daftar untuk Perbankan Dalam Talian RHB.
Langkah 4: Borang Permohonan – isi borang permohonan elektronik dan lengkapkan penerimaan dan pengesahan pengisytiharan, serta persetujuan anda terhadap terma dan syarat.
Langkah 5: Lakukan pengimbasan muka – sahkan identiti anda melalui perisian pengecaman muka
Langkah 6: Biayai Akaun Anda – pindahkan deposit permulaan minimum yang diperlukan daripada akaun bank anda atas nama tunggal anda dengan institusi kewangan lain di Malaysia melalui Financial Process Exchange (FPX). Kegagalan untuk membiayai akaun dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh pembukaan akaun akan mengakibatkan penutupan akaun.

Nota:
- Amaun deposit awal yang dipindahkan tidak akan memperoleh sebarang faedah/keuntungan sekiranya akaun yang dipohon dan dibuka perlu ditutup selepas pengesahan lanjut RHB seperti yang dinyatakan dalam Klausa (ix) dan (x) di bawah.
- Untuk permohonan melalui portal Perbankan Internet RHB, anda akan diarahkan untuk memuat turun Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB setelah anda selesai mengisi Butiran Perhubungan anda.
- Jika pelanggan tidak berhasrat untuk memuat turun Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB (dengan memilih butang "Not Now"), pelanggan akan diarahkan untuk masuk ke mana-mana Cawangan RHB untuk melakukan pengesahan dan melengkapkan pengaktifan anda.

vii. Permohonan untuk Akaun Pembukaan dalam talian adalah tertakluk kepada pelanggan yang telah berjaya menyelesaikan proses pengesahan identiti seperti yang dinyatakan dalam Klausa (vi) dan

langkah-langkah eKYC lain dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB. RHB berhak untuk menolak sebarang permohonan untuk membuka akaun.

viii. Selepas pembukaan akaun dalam talian berjaya dibuka dan diaktifkan, Kad Debit/-i RHB anda akan dihantar melalui pos, dalam tempoh tujuh (7) hingga sembilan (9) hari bekerja, ke alamat surat-menyurat seperti yang anda nyatakan semasa permohonan pembukaan akaun. Anda bertanggungjawab untuk memberikan RHB alamat surat-menyurat anda yang tepat di Malaysia, untuk memastikan bahawa Kad Debit/-i RHB yang baru dikeluarkan boleh dihantar dengan selamat kepada anda. Anda perlu mengaktifkan Kad Debit/-i RHB anda dengan mencipta PIN 6 digit peribadi anda sendiri untuk Kad Debit/-i RHB tersebut sebelum sebarang penggunaan.

ix. RHB berhak untuk melakukan pengesahan lanjut ke atas anda untuk tujuan eKYC sehingga tujuh (7) hari bekerja selepas akaun telah berjaya dibuka.

x. Sekiranya berlaku keputusan yang tidak memberangsangkan akibat daripada pengesahan lanjut yang dinyatakan dalam Klausa (ix) di atas, kami dukacita untuk memaklumkan bahawa 'Debit Tidak Diterima' akan ditandakan pada akaun anda yang akan menyekat sebarang transaksi debit daripada akaun anda dan memberitahu anda melalui SMS, e-mel, atau sebarang cara komunikasi lain yang boleh dipilih oleh RHB, tentang penandaan akaun tersebut. Sila lawati Cawangan RHB terdekat untuk melakukan pengesahan. Anda bersetuju bahawa hak yang disebutkan di atas untuk menandakan akaun anda sebagai 'Debit Tidak Diterima' adalah tanpa menjejaskan hak RHB untuk menandakan akaun tersebut atas sebab-sebab lain seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat yang mengawal Akaun Deposit/-i.

xi. Semua Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i yang berjaya dibuka di dalam talian akan mempunyai had transaksi debit (iaitu pengeluaran ATM, pemindahan dalam talian, dll) sebanyak RM5,000 sehari. Had baharu akan dimuat semula selepas 12 tengah malam. Pelanggan boleh pergi ke mana-mana cawangan RHB untuk melakukan pengesahan penuh dan mengeluarkan had transaksi RM5,000.

3. Akaun Bersama

3.1 Jika Akaun dibuka dan disenggarakan atas nama bersama atau lebih nama, yang berikut akan terpakai:

i. Pemegang Akaun berhak mendapat apa-apa baki deposit atau kredit dalam akaun bersama bergantung pada syarat pengendalian akaun bersama (sama ada simpanan, deposit tetap, semasa atau akaun lain).

ii. Liabiliti dan obligasi setiap Pemegang Akaun adalah secara bersama dan berasingan, dan notis kepada seorang Pemegang Akaun akan dianggap sebagai notis kepada semua Pemegang Akaun.

iii. Kami diberi kuasa oleh setiap Pemegang Akaun bersama untuk mengumpul dan menerima kredit bagi akaun bersama dan apa-apa cek yang kena dibayar kepada mana-mana seorang Pemegang Akaun bersama secara peribadi atau kepada dua (2) atau lebih Pemegang Akaun secara bersama;

iv. Setiap Pemegang Akaun bersama bersetuju bahawa kami tidak mempunyai obligasi untuk memastikan cara dana yang dikreditkan dalam Fasal 3.1(iii) di atas digunakan atau dikeluarkan selagi penggunaan atau pengeluaran adalah menurut mandat yang diberikan kepada kami.

v. Sekiranya berlaku kematian mana-mana Pemegang Akaun, kami berhak mengendalikan akaun bersama dalam cara yang berikut:

Akaun dikendalikan secara bersama oleh Pemegang Akaun	Akaun dikendalikan oleh salah seorang Pemegang Akaun bersama
Jika mana-mana seorang Pemegang Akaun bersama meninggal dunia, maka wang dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan.	Jika mana-mana seorang Pemegang Akaun bersama meninggal dunia, maka wang dalam akaun bersama tersebut akan dipegang oleh Pemegang Akaun bersama yang masih hidup.
Akaun bersama akan diaktifkan semula setelah kami menerima surat pentadbiran atau probet atau perintah pejabat tanah atau perintah daripada mana-mana pihak berkuasa yang relevan (mana-mana yang berkaitan) berkaitan Pemegang Akaun yang meninggal dunia.	Pembayaran oleh kami berhubung amaun baki dalam akaun bersama kepada Pemegang Akaun bersama yang masih hidup adalah pelepasan penuh kami berkaitan akaun bersama tersebut.
Jika mana-mana seorang Pemegang Akaun bersama meninggal dunia dan Pemegang Akaun bersama yang masih hidup ialah seorang yang di bawah umur, maka wang dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan.	Jika mana-mana seorang Pemegang Akaun bersama meninggal dunia dan Pemegang Akaun bersama yang masih hidup ialah seorang yang di bawah umur, maka wang dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan.
Kami akan membuat pembayaran wang dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir harta Pemegang Akaun yang meninggal dunia.	Kami akan membuat pembayaran wang dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir harta Pemegang Akaun yang meninggal dunia.

Akaun dikendalikan secara bersama oleh Pemegang Akaun	Akaun dikendalikan oleh salah seorang Pemegang Akaun bersama
Pembayaran oleh kami berhubung amaun baki dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir adalah pelepasan penuh kami berkaitan akaun bersama tersebut.	Pembayaran oleh kami berhubung amaun baki dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir adalah pelepasan penuh kami berkaitan akaun bersama tersebut.
Jika semua Pemegang Akaun bersama meninggal dunia, maka wang dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan. Kami akan membuat pembayaran wang dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir pertama harta mana-mana Pemegang Akaun yang meninggal dunia. Pembayaran oleh kami berhubung amaun baki dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir tersebut adalah pelepasan penuh kami berkaitan akaun bersama tersebut.	Jika semua Pemegang Akaun Bersama meninggal dunia, maka wang dalam akaun bersama tersebut akan dibekukan. Kami akan membuat pembayaran wang dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir pertama harta mana-mana Pemegang Akaun yang meninggal dunia. Pembayaran oleh kami berhubung amaun baki dalam akaun bersama kepada wasi atau pentadbir tersebut adalah pelepasan penuh kami berkaitan akaun bersama tersebut.

4. *"External Accounts"*

4.1 "External Accounts" merujuk kepada akaun dalam Ringgit Malaysia yang dibuka dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia:

a. oleh Bukan Pemastautin
   i. Secara individu;
   ii. Bersama dengan Bukan Pemastautin yang lain; atau
   iii. Bersama dengan Pemastautin **selain daripada**:
      - untuk usaha sama di Malaysia;
      - suami dan isteri; atau

b. oleh Pemastautin yang mengendalikan akaun itu dalam amanah untuk atau bagi pihak Bukan Pemastautin.

4.2 Sebarang pembayaran, penerimaan atau pemindahan ke atau dari "*External Account*" adalah tertakluk kepada had seperti berikut:

i. Sehinga RM10,000 setiap cek;
ii. Sehingga RM10,000 setiap akaun sehari melalui ATM; atau
iii. Sehingga RM10,000 setiap akaun setiap hari melalui sebarang cara elektronik lain, termasuk Perbankan dalam Talian RHB, Perbankan Mudah Alih RHB, atau sebarang pembayaran mudah alih; atau
iv. Sehingga RM10,000 setiap akaun sehari dalam deposit tunai.

4.3 Tiada had akan dikenakan untuk apa-apa jumlah pengeluaran tunai di kaunter dari "*External Account*".

4.4 Walau bagaimanapun, batasan dalam Fasal 4.2 di atas tidak akan dikenakan kepada kumpulan yang dikecualikan seperti berikut:

i. Konsulat, komisi tinggi dan kedutaan besar;
ii. Individu yang menyertai Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H); atau
iii. Individu yang bekerja atau belajar di Malaysia termasuk pasangan, anak atau ibu bapa yang tinggal di Malaysia

4.5 "*External Account*" tertakluk kepada peraturan yang dikenakan di bawah FSA 2013 dan ISFA 2013.

4.6 Sumber dan penggunaan dana untuk "*External Account*" adalah seperti di Notis 4 Notis Dasar Pertukaran Asing. Apabila pembayaran, penerimaan atau pemindahan ke atau dari "*External Account*" melebihi had RM10,000 seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4.2, anda perlu memberikan kami dokumen sokongan dan/atau maklumat tambahan yang terkait, antara lain, tujuan urus niaga dan sumber dana.

4.7 Anda akan mengemas kini perincian Pasport baru anda dengan kami sebelum atau pada tarikh luput Pasport sedia ada anda. Sekiranya anda gagal mengemas kini perincian Pasport baru anda, kami berhak dengan pemberitahuan notis bertulis terlebih dahulu untuk menyekat transaksi debit dari CASA/-i anda yang berkuat kuasa pada hari berikutnya setelah Pasport anda tamat tempoh.

5. Akaun Perkongsian

5.1 Rakan kongsi hendaklah terikat secara bersama dan berasingan melalui Terma dan Syarat ini dan akaun perkongsian termasuklah liabiliti dan perkhidmatan.

5.2 Arahan dan mandat yang diberikan untuk pengendalian akaun perkongsian hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan baharu secara bertulis.

5.3 Sekiranya berlaku kematian mana-mana rakan kongsi, kami berhak membekukan pengendalian akaun perkongsian tersebut dan menentukan tindakan seterusnya menurut budi bicara kami.

6. Akaun Perkongsian Liabiliti Terhad

6.1 Rakan kongsi hendaklah terikat secara bersama dan berasingan melalui Terma dan Syarat ini dan akaun perkongsian liabiliti terhad termasuklah liabiliti dan perkhidmatan.

6.2 Tanpa mengambil kira apa-apa perubahan dalam keahlian perkongsian melalui kematian, kebankrapan, persaraan atau selainnya, kami berhak meneruskan pengendalian akaun perkongsian liabiliti terhad.

6.3 Arahan dan mandat yang diberikan untuk pengendalian akaun perkongsian liabiliti terhad kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan baharu secara bertulis.

6.4 “perkongsian liabiliti terhad” bermaksud perkongsian dengan liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

6.5 Kami berhak meminta agar akaun sedia ada yang disenggarakan di bawah syarikat peribadi atau perkongsian ditutup dan akaun perkongsian liabiliti terhad baharu dibuka bagi perkongsian liabiliti terhad berkenaan.

7. Faedah/Keuntungan

7.1 Faedah/Keuntungan, jika ada, akan dibayar kepada anda oleh kami pada kekerapan dan pada kadar yang kami tentukan.

7.2 Kadar Faedah/Keuntungan tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa atas budi bicara kami dan kadar Faedah/Keuntungan terkini boleh dilihat di www.rhbgroup.com.

7.3 Kami berhak mengenakan syarat bagi kelayakan Faedah/Keuntungan untuk CASA, seperti baki yang perlu dikekalkan dalam Akaun yang layak mendapat Faedah/Keuntungan. Kami berhak mengubah syarat keperluan untuk kelayakan Faedah/Keuntungan dengan memberikan notis bertulis kepada anda menurut Fasal 31 di bawah.

7.4 Tiada Faedah/Keuntungan yang kena kami bayar berkaitan Akaun tanpa Faedah/Keuntungan. Selanjutnya, kami berhak menarik balik atau memohon anda mengembalikan apa-apa Faedah/Keuntungan yang telah terakru atau dikreditkan berkaitan Akaun tanpa Faedah/Keuntungan.

7.5 Faedah/Keuntungan ke atas deposit tetap akan berakhir pada tarikh kena dibayar.

8. Deposit dan Pengeluaran

8.1 Deposit dan pengeluaran mesti dibuat menurut keperluan kami mengenai deposit minimum, pengeluaran dan baki minimum yang hendak disenggarakan dalam Akaun.

8.2 Apabila membuat deposit di cawangan kami atau menerusi mana-mana terminal deposit tunai dan deposit cek, anda dikehendaki memeriksa butiran urus niaga sedemikian (jika diberikan selepas tamat urus niaga sedemikian) adalah betul sebelum meninggalkan premis. Apa-apa percanggahan mestilah dilaporkan dengan serta-merta kepada kami, yang sekiranya gagal dilakukan, tiada liabiliti (yang tidak boleh dikaitkan dengan kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami) akan dipegang terhadap kami.

8.3 Penerimaan cek atau instrumen wang yang lain untuk kredit Akaun adalah atas budi bicara kami.

8.4 Semua cek dan instrumen wang yang diterima untuk kredit Akaun tertakluk pada pengumpulan keuntungan.

8.5 Kami berhak memulangkan pembayaran apa-apa wang yang bukan ditujukan untuk Akaun tersebut atau apa-apa wang untuk cek atau instrumen wang yang kemudiannya tidak laku.

8.6 Anda atau wakil anda yang diberikan kuasa boleh memungut apa-apa cek atau instrumen wang yang tak laku daripada kami tanpa sebarang kos, atau dikembalikan melalui pos ke alamat terakhir anda yang diketahui yang didaftarkan dengan kami atas risiko dan perbelanjaan anda sendiri.

8.7 Deposit dan pengeluaran boleh dibuat di mana-mana cawangan kami. Kami boleh menolak untuk menerima apa-apa deposit atau membenarkan apa-apa pengeluaran apabila berlaku kerosakan atau kegagalan dalam sistem komputer dalam talian yang menjejaskan mana-mana cawangan kami sama ada kerosakan atau kegagalan sedemikian adalah sepenuhnya atau sebahagiannya.

8.8 Semua pengeluaran tunai antara bank hanya boleh dibuat di cawangan kami (melainkan dinyatakan dan diberitahu sebaliknya) di Malaysia tertakluk kepada syarat yang dinyatakan (termasuk had pengeluaran) dan penghasilan dan/atau pelaksanaan dokumen sedemikian sebagaimana yang kami anggap perlu.

8.9 Anda hendaklah memastikan terdapat dana yang mencukupi dan dana yang diluluskan dalam Akaun untuk melaksanakan apa-apa urus niaga yang anda arahkan melainkan anda telah membuat perkiraan terlebih dahulu dengan kami dan yang telah kami persetujui bagi perkara yang sama secara bertulis.

9. Pembayaran dan Pemindahan Dana

9.1 Anda mesti mempunyai dana yang mencukupi dalam Akaun untuk membolehkan kami menyempurnakan apa-apa arahan untuk mendebit Akaun dan melaksanakan pemindahan dana.

9.2 Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan atau kegagalan pemindahan dana (melainkan kelewatan atau kegagalan berkenaan disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja,

kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami). Dicadangkan agar anda memberikan masa yang memadai untuk kami melaksanakan pembayaran bil/pemindahan dana/pengiriman wang dan/atau memberitahu anda akan apa-apa masalah atau sekatan dalam melaksanakan perkara yang sama. Kami akan hanya dipertanggungjawabkan terhadap pemindahan dana jika kami telah mengesahkan secara bertulis kepada anda yang perkara itu telah dilaksanakan.

9.3 Kami adalah bebas bagi pihak anda untuk menggunakan mana-mana pihak ketiga yang bebas dalam apa-apa pengeluaran draf permintaan, perintah juruwang (*cashier's order*) atau dalam melaksanakan apa-apa jenis pengiriman wang yang lain (contohnya, Pemindahan Dana IBG dan perkhidmatan RHB-PayPal) dan tidak akan mengambil apa-apa tanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, tiada pengiriman wang atau tiada penerimaan wang bagi hasil yang sedemikian yang timbul di pihak ketiga yang bebas yang sedemikian (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

9.4 Kami akan, atas budi bicara kami, menentukan urutan atau keutamaan pemindahan dana yang anda arahkan, dan boleh atas budi bicara kami menggunakan kemudahan overdraf anda (jika berkaitan) untuk melaksanakan pemindahan dana sedemikian dan bukannya Akaun yang lain (jika tidak anda dinyatakan) dan seterusnya boleh memindahkan dana daripada mana-mana Akaun anda untuk melengkapi mana-mana amaun yang terlebih dikeluarkan dalam akaun semasa anda. Selain itu, kami adalah bebas untuk melaksanakan pemindahan bagi penyelesaian penuh semua pembayaran kad kredit yang masih belum dijelaskan jika kad kredit anda dibatalkan.

9.5 Sekiranya anda memindahkan apa-apa dana daripada Akaun anda kepada mana-mana akaun anda yang lain atau kepada mana-mana akaun yang dimiliki oleh pihak ketiga, amaun tersebut hendaklah secara automatik didebitkan daripada Akaun anda apabila selesai urus niaga tersebut dan dianggap telah dipindahkan kepada akaun penerima. Anda tidak berhak memohon kepada kami untuk membayar balik atau mengkreditkan semula Akaun anda atas apa-apa sebab sekalipun.

9.6 Apa-apa arahan untuk pemindahan dana tertakluk pada apa-apa persetujuan yang sedia ada atau pada masa akan datang wujud antara anda dengan kami berkaitan Akaun anda atau apa-apa persetujuan perbankan yang diberikan kepada anda. Khususnya, kami berhak untuk:

i. pada bila-bila masa, menolak untuk melaksanakan mana-mana satu atau lebih arahan pemindahan dana anda (sama ada berkaitan pemindahan dana sekali gus atau arahan tetap/pembayaran bil berulang) dengan alasan; dan/atauu

ii. mengenakan had, sekatan atau syarat ke atas pemindahan dana anda (sama ada berkaitan jenis, tujuan wang, bilangan atau apa-apa aspek lain daripadanya sebagaimana yang mungkin kami atau mana-mana pihak berkuasa yang relevan kehendaki) atau penyedia perkhidmatan pembayaran dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu dengan alasan kepada anda. Melainkan anda memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh notis berkenaan bahawa anda tidak bersetuju dengan had, sekatan atau syarat tersebut, perkara tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini semasa pelaksanaan Terma dan Syarat ini.

9.7 Jadual di bawah menetapkan contoh pemindahan dana daripada Akaun Debit ke Akaun Kredit dan menggambarkan apabila Akaun Pengkreditan membentuk "transaksi pihak pertama".

	Pemindahan Daripada (Debit Akaun RHB Bank / RHB Islamic Bank)	**Pindahkan Ke (Akaun Pengkreditan Dibuka dengan RHB Bank / RHB Islamic Bank dan/atau Bank Lain)**
Pemindahan ke transaksi pihak pertama	A (Akaun Individu)	• A (Akaun Individu) **ATAU** • Semua Akaun Bersama A (Semua mesti menandatangani atau salah seorang untuk menandatangani)
	A + B (Akaun Bersama) (Salah seorang untuk menandatangani)	• A (Akaun Individu) **ATAU** • B (Akaun Individu) **ATAU** • A + C (Akaun Bersama) **ATAU** B + C (Akaun Bersama) **ATAU** A + B (Akaun Bersama) (Semua mesti menandatangani atau salah seorang untuk menandatangani)
	A + B (Akaun Bersama) (Semua mesti menandatangani)	• A + B (Akaun Bersama) (Semua mesti menandatangani)

10. Penyata Akaun

10.1 Kami mungkin menghantar penyata akaun bagi setiap Akaun atau menghantar penyata gabungan untuk semua Akaun. Gabungan jenis akaun dalam penyata tertakluk pada perubahan.

10.2 Anda dikehendaki mengesahkan ketepatan dan kelengkapan setiap penyata akaun yang diterima daripada kami dan memaklumkan kami dalam masa empat belas (14) hari dari hari terakhir penyata akan apa-apa percanggahan, pengeluaran, ketidaktepatan atau masukan yang tidak betul, yang sekiranya gagal dilakukan, penyata akaun tersebut akan dianggap betul, tepat dan lengkap dan juga muktamad serta mengikat ke atas anda.

10.3 Jika anda memilih penyata berasaskan kertas dan Akaun anda menjadi dorman, anda berhak (dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada kami) untuk tidak meneruskan pengeluaran penyata berasaskan kertas. Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami bersama-sama dengan pemberitahuan yang diterima berkaitan status dorman tersebut untuk mendapatkan penyata berasaskan kertas daripada cawangan kami.

11. Pengendalian dan Penutupan Akaun

11.1 Akaun Dorman

i. Akaun tanpa transaksi debit dan/atau kredit dalam tempoh dua belas (12) bulan bagi produk peruncitan deposit akan dianggap sebagai akaun tidak aktif.

ii. Bagi sebarang akaun yang telah diklasifikasikan sebagai dorman, tiada transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan keuntungan atau Hibah (mana yang terpakai) ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang perlu dibayar oleh pemegang akaun kepada Bank) akan dibenarkan ke atas akaun sehingga akaun telah diaktifkan semula.

iii. Pengaktifan untuk akaun peribadi boleh dilakukan di mana-mana cawangan dan untuk akaun bukan peribadi boleh dilakukan di cawangan domisil sahaja

iv. Kami boleh juga menutup Akaun atau menarik balik, menggantung atau menamatkan mana-mana atau semua Perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda menurut mana-mana garis panduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana badan/pertubuhan/pihak berkuasa pengawal selia atau Bank. Anda memperakui bahawa kami berhak untuk tidak melaksanakan apa-apa arahan dan/atau menggantung penggunaan Akaun termasuk dalam keadaan berikut:

a. apabila kami meragui kesahan arahan sedemikian; atau

b. sekiranya berlaku apa-apa pertikaian antara Pemegang Akaun bersama, pihak yang diberikan kuasa untuk menandatangani, rakan kongsi (sama ada berkaitan perkongsian konvensional atau perkongsian liabiliti terhad) atau pengarah sesebuah syarikat; atau

c. jika kami menerima arahan bertentangan daripada orang yang disenaraikan di bawah (b) di atas; atau

d. jika anda gagal membayar apa-apa fi dan caj yang kami kenakan.

v. Anda boleh menamatkan Akaun tersebut atau menggantung atau menamatkan penggunaan mana mana perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

vi. Caj perkhidmatan dalam jumlah sebagaimana yang boleh kami tentukan dan maklumkan akan dikenakan jika mana-mana Akaun ditutup dalam masa enam (6) bulan (atau dalam tempoh sedemikian sebagaimana yang kami tentukan) dari tarikh Akaun dibuka.

vii. Di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, atau mana-mana pindaan undang-undang, apa-apa wang dalam Akaun yang tidak dikendalikan selama tujuh (7) tahun termasuk apa-apa Faedah/Keuntungan yang terakru terhadap kredit Akaun mesti diwartakan sebagai “Wang Tak Dituntut” dan hendaklah diremitkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Akaun kemudiannya akan ditutup.

11.2 Hak kami untuk membekukan Akaun

Kami berhak untuk tidak melaksanakan atau melakukan apa-apa urus niaga termasuk pembayaran apa-apa wang, cek atau apa-apa instrumen wang lain, atau apa-apa arahan untuk pembayaran Akaun dan/atau penerimaan dan/atau pemungutan cek, deposit wang atau apa-apa instrumen lain, atau apa-apa arahan untuk melaksanakan penerimaan pembayaran ke dalam Akaun apabila kejadian mana-mana satu perkara yang berikut:

i. Apabila kami diberitahu atau menyedari bahawa Pemegang Akaun telah melakukan tindakan kebankrapan, dan/atau suatu petisyen untuk penggulungan atau untuk kebankrapan telah dikemukakan terhadap Pemegang Akaun, dan/atau mana-mana satu atau lebih Pemegang Akaun atau pengarahnya, yang merupakan penandatangan Akaun diadjukasi sebagai bankrap, dan/atau kami diberitahu atau menyedari bahawa apa-apa notis di bawah Seksyen 465 Akta Syarikat 2016 *(Hal keadaan yang syarikat boleh digulung oleh Mahkamah)*, dikemukakan terhadap Pemegang Akaun;

ii. Apabila kami diberitahu dan/atau diminta oleh mana-mana pihak berkuasa BNM, Polis Diraja Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa undang-undang atau kawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa (“**Pihak Berkuasa**”) untuk berhenti daripada melaksanakan apa-apa urus niaga di bawah Akaun;

iii. Jika kami, Polis Diraja Malaysia dan/atau Pihak Berkuasa melakukan apa-apa penyiasatan ke atas mana-mana urus niaga tidak sah atau urus niaga yang disyaki tidak sah yang dilaksanakan menerusi Akaun, salah guna atau disyaki berlaku apa-apa salah guna Akaun atau apa-apa urus niaga bersifat penipuan berkaitan Akaun termasuk pendepositan cek dengan anda tidak berhak ke atasnya sebagai penerima hak;
iv. Apabila kami mengesyaki apa-apa aktiviti bersifat penipuan melibatkan Akaun dan kami, pada pendapat munasabah kami berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada kami untuk membuka Akaun telah didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau dibega dengan dan/atau berlaku salah tafsiran pengenalan;
v. Apabila kami dimaklumkan tentang kematian atau ketidakupayaan mental Pemegang Akaun, di mana Pemegang Akaun adalah seorang individu;
vi. Apabila kami dimaklumkan tentang apa-apa cek dan/atau instrumen wang dan/atau jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun adalah hasil apa-apa instrumen yang dipalsukan dan/atau dibega dan/atau arahan dan/atau urus niaga bersifat penipuan, dengan atau tanpa penglibatan anda;
vii. Apabila kami telah dimaklumkan dan menyedari bahawa terdapat apa-apa tuntutan yang bertentangan, sebaliknya atau bercanggah oleh mana-mana rakan kongsi, pengarah, pemegang saham atau ahli atau Pemegang Akaun bersama yang lain atau oleh mana-mana orang yang mendakwa sebagai rakan kongsi, pengarah, pemegang saham atau ahli berkaitan mana-mana Akaun perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan/atau syarikat atau Akaun mana-mana organisasi lain, badan atau jawatankuasa yang mempunyai status sah, berkaitan hasil atau baki Akaun sedemikian atau pengendalian Akaun sedemikian atau mandat pengendalian.

11.3 Pengaktifan semula Akaun
Kami mungkin akan mempertimbangkan untuk menarik balik akaun yang dibekukan berkenaan dengan keupayaan mental Pemegang Akaun tertakluk kepada yang berikut:
i. Kami diperintahkan oleh mahkamah untuk membenarkan wakil peribadi Pemegang Akaun untuk mengendalikan Akaun dan Pemegang Akaun mesti memberikan pihak Bank salinan perintah mahkamah tersebut; Atau
ii. Kami berpuas hati bahawa keadaan keupayaan mental Pemegang Akaun tidak menjejaskan keupayaan Pemegang Akaun untuk mengendalikan Akaun dan kami boleh meminta salinan laporan perubatan.

11.4 Tolak Selesai dan Penggabungan
Kami berhak dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu yang tidak kurang dari tujuh (7) hari kalendar dalam cara yang dihuraikan dalam Fasal 22 di bawah untuk menggabungkan atau menyatukan Akaun yang telah diaktifkan dengan mana-mana atau semua akaun lain yang anda senggarakan dengan kami untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang ada dalam kredit bagi mana-mana akaun sedemikian termasuk akaun bersama terhadap jumlah yang terhutang kepada kami bagi memenuhi mana-mana atau semua liabiliti terhadap kami, sama ada liabiliti sedemikian adalah sebenar, luar jangka, primer, kolateral, berasingan atau bersama.
Apabila baki kredit dan jumlah terhutang adalah dalam mata wang berbeza, kami mungkin menukar satu mata wang kepada mata wang yang lain pada kadar penukaran yang akan kami tentukan and maklumkan secara bertulis.
Hak kami untuk tolak selesai di sini tidak akan terjejas oleh kematian, ketakwarasan, kebankrapan, kecairan, penggabungan anda dengan pemiutang lain atau apa-apa prosiding undang-undang terhadap anda.

11.4 Gagal membiayai deposit awal
Sistem akan menutup Akaun CASA/-i secara automatik jika tiada deposit permulaan dalam tempoh enam puluh dua (62) hari dari tarikh pembukaan akaun.

C. KAD

12. Penggunaan Kad Debit

12.1 Jika anda berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, anda mesti melengkapkan borang permohonan yang disediakan dan menyerahkan borang permohonan yang lengkap kepada kami atau wakil terlantik atau ejen yang dilantik bersama salinan fotokopi kad pengenalan anda (bahagian depan dan belakang), buku bank CASA atau penyata dengan nombor akaun dan semua dokumentasi lain dan pembayaran sebagaimana yang dinyatakan dalam borang permohonan.

12.2 Jika anda berumur antara dua belas (12) hingga tujuh belas (17) tahun, anda mesti melengkapkan borang permohonan yang disediakan (dengan fasal tanggung rugi ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga sah anda) dan menyerahkan borang permohonan yang lengkap kepada kami atau kepada wakil terlantik atau ejen yang dilantik bersama salinan fotokopi kad pengenalan anda (bahagian depan dan belakang), dan kad pengenalan ibu bapa/penjaga sah anda (bahagian depan dan belakang), buku bank CASA atau penyata dengan nombor akaun dan semua dokumentasi lain dan pembayaran sebagaimana yang dinyatakan dalam borang permohonan.

12.3 Sebaik sahaja menerima Kad, anda hendaklah dengan serta-merta menandatangani panel tandatangan pada Kad. Dengan menggunakan Kad, anda bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan terma dan syarat yang berkaitan dengan Kad (yang mungkin dipinda oleh kami dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan).

12.4 Untuk tujuan menguatkuasakan urus niaga ATM dan MyDebit, kami akan mengeluarkan PIN dan memberikannya kepada anda atas risiko anda sendiri. PIN ini adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa jua di bawah apa jua keadaan atau dengan apa-apa cara sekalipun.

12.5 Kad ini sah hanya sehingga Tarikh Sah. Apabila tamat tempoh Tarikh Sah, anda hendaklah memotong Kad kepada dua merentasi jalur magnetik dan cip bagi memastikan ia rosak sepenuhnya dan mengembalikannya kepada kami untuk digantikan dengan Kad baru, yang akan dikeluarkan atas budi bicara kami.

12.6 Kad ini ialah Kad Debit yang mana Akaun anda akan didebitkan untuk pembelian menggunakan Kad. Kad ini boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan di Malaysia dan di luar negara di peniaga-peniaga yang turut serta selagi terdapat amaun baki tunai yang setara dalam Akaun ketika membuat pembelian. Anda bertanggung jawab memastikan bahawa terdapat baki tunai yang mencukupi dalam Akaun sebelum menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan. Pembelian sedemikian adalah tertakluk pada had maksimum amaun yang terdapat dalam Akaun.

12.7 Mana-mana urus niaga luar negara atau untuk transaksi untuk kad tidak hadir akan disekat secara lalai melainkan anda memilih masuk untuk urus niaga luar negara atau untuk transaksi kad tidak hadir.

12.8 Anda boleh menggunakan Kad di Malaysia di mana-mana ATM kami atau di mana-mana ATM lain yang memaparkan HANYA MEPS untuk pengeluaran tunai daripada Akaun. Walau bagaimanapun, anda boleh menggunakan Kad di luar Malaysia di mana-mana ATM yang memaparkan Visa atau MasterCard atau Visa Plus atau Cirrus untuk pengeluaran tunai daripada Akaun.

12.9 Semua urus niaga menggunakan Kad Debit tertakluk kepada had pengeluaran harian ATM dan had pembayaran terkumpul sehari masing-masing.

D. PERKHIDMATAN

13. Perkhidmatan Perbankan Telefon

13.1 Perkhidmatan Perbankan Telefon akan tersedia untuk anda dua puluh empat (24) jam tertakluk pada apa-apa arahan atau pemberitahuan berkaitan aksesnya dan penggunaan perkhidmatan yang kami keluarkan dari semasa ke semasa. Sesetengah atau semua perkhidmatan Perbankan Telefon yang boleh diakses menerusi telefon mungkin tiada pada masa tertentu disebabkan keperluan penyenggaraan rutin, sistem tidak berfungsi atau gagal berfungsi, permintaan berlebihan bagi sistem dan/atau keadaan yang di luar kawalan kami. Kami tidak membuat apa-apa waranti bahawa perkhidmatan Perbankan Telefon (atau mana-mana bahagian perkhidmatan Perbankan Telefon) yang disediakan menerusi telefon akan tersedia pada masa yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.

- Perkhidmatan Aras 1 – Pertanyaan berkaitan produk, perkhidmatan dan kadar.
  Dalam apa-apa cara pun tanpa menghadkan atau menyekat hak kami di bawah perkhidmatan Perbankan Telefon, Perkhidmatan Aras 1 tersedia kepada anda.
- Perkhidmatan Aras 2 – Pertanyaan berkaitan baki akaun kad kredit, pengaktifan kad kredit dan penukaran PIN kad kredit.
  Dalam apa-apa cara pun tanpa menghadkan atau menyekat hak kami di bawah perkhidmatan Perbankan Telefon, Perkhidmatan Aras 2 tersedia kepada anda jika anda mempunyai Akaun sedia ada dengan kami atau mana-mana cawangan kami dan yang Akaunnya adalah sah apabila Perkhidmatan tersebut diakses dan/atau digunakan.

13.2 Kriteria kelayakan di atas untuk akses dan menggunakan perkhidmatan Perbankan Telefon tidak muktamad dan tidak dalam apa-apa cara pun menyekat kami daripada mengenakan dari semasa ke semasa kriteria tambahan dan keperluan lain atau untuk meminda atau mengubah kriteria kelayakan di atas untuk akses dan penggunaan perkhidmatan Perbankan Telefon atas budi bicara kami, dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda.

Pertanyaan Akaun dan Pertanyaan Kadar melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon

13.3 Melainkan digambarkan dalam penyata berkala Akaun anda, anda bersetuju dan mengakui bahawa baki kad kredit dalam Akaun anda yang dilaporkan kepada anda menerusi Perkhidmatan Perbankan Telefon tidak boleh atas apa-apa tujuan anda anggap sebagai muktamad dan adalah tidak termasuk mana-mana deposit anda yang belum kami sahkan.

13.4 Apa-apa kadar pertukaran atau kadar Faedah/Keuntungan yang kami sebutkan sebagai maklum balas kepada permohonan dan/atau arahan melalui telefon anda sama ada secara elektronik atau menerusi Ejen Perkhidmatan Pelanggan adalah untuk rujukan semata-mata dan tidak mengikat ke atas kami melainkan

seterusnya kami sahkan untuk tujuan urus niaga kewangan. Kadar pertukaran sedemikian yang kami sahkan atau kadar Faedah/Keuntungan hendaklah mengikat ke atas anda tanpa mengambil kira bahawa kadar pertukaran atau kadar Faedah/Keuntungan mungkin telah kami sebutkan pada masa yang relevan menerusi cara komunikasi yang lain.

13.5 Untuk semua urus niaga di dalam negara, kadar pertukaran adalah kadar pertukaran yang diamalkan pada hari urus niaga dijalankan di Malaysia. Penyata kami akan kadar pertukaran yang terpakai hendaklah dianggap terikat dan muktamad.

14. Perbankan dalam Talian RHB

14.1 Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian RHB boleh dilihat di https://www.rhbgroup.com/-/media/Files/others/terms-conditions/RHB-Online-Banking-TnC-Eng.pdf, hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma akses Perbankan Dalam Talian RHB dan Terma dan Syarat Perbankan Peribadi Umum.

15. Mesin Deposit Cek atau Peti Deposit

15.1 Kami diberikan kebenaran untuk menerima pendepositan cek ke dalam Akaun dengan menggunakan mesin deposit cek/peti deposit cek cepat yang kami sediakan disertai dengan sampul yang disarankan dan/atau borang deposit yang kami sediakan (jika berkaitan).

15.2 Apa-apa resit yang dicetak oleh mesin deposit cek/peti deposit cek cepat hendaklah menjadi bukti mencukupi bahawa cek tersebut didepositkan di dalam mesin.

15.3 Anda tidak akan memegang kami bertanggungjawab jika apa-apa cek tidak disertakan di dalam sampul yang disarankan atau borang deposit tidak diisi penuh dengan maklumat relevan atau jika borang yang disarankan diisikan salah dengan nombor akaun, nama yang salah, atau selainnya atau jika nombor akaun, nama atau amaun salah ditaip pada mesin deposit cek/peti deposit cek cepat.

15.4 Kami berhak menggunakan budi bicara kami sama ada atau tidak untuk mengumpul cek yang didepositkan menerusi mesin deposit cek/peti deposit cek cepat, sekiranya berkaitan,dimana:

i. cek berkenaan tidak disertai dengan sampul yang disarankan dan/atau slip deposit cek; dan/atau
ii. nama dan/atau nombor akaun pihak yang kena dibayar tidak ditulis atau diisikan pada slip deposit cek dan/atau di belakang cek; dan/atau
iii. sampul tidak dilekapkan; dan/atau
iv. cek tidak dimasukkan ke dalam peti yang relevan; dan/atau
v. berlaku percanggahan antara nama dan nombor akaun pada slip deposit cek dan cek yang didepositkan atau nombor akaun, nama dan/atau jumlah salah ditaip pada mesin deposit cek atau cek ialah cek “Tunai”.

16. IBG, FTT dan Kiriman Wang

16.1 Kami adalah bebas bagi pihak anda untuk menggunakan mana-mana cawangan, hubungan, ejen, subejen atau agensi lain dalam mengeluarkan draf permintaan, pesanan juruwang, IBG atau melaksanakan pemindahan telegrafi kami berkaitan dengan aplikasi ini. Semua caj dan fi perbankan yang dibenarkan akan ditolak daripada amaun yang dikirimkan.

16.2 Pertunaian draf permintaan atau pembayaran dana yang dipindahkan adalah tertakluk pada apa-apa kaedah dan peraturan negara di tempat draf ditunaikan atau pembayaran dibuat.

16.3 Permintaan untuk penggantian draf permintaan atau perintah juruwang atau IBG sebelum tarikh luput atau pembayaran balik dana yang kami pindahkan hendaklah tertakluk kepada budi bicara kami dan pada pematuhan Terma dan Syarat ini. Kami berhak mengenakan fi ke atas apa-apa pembatalan/pembayaran balik kiriman wang dan amaunnya tertakluk pada perubahan dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda.

16.4 Bagi pemindahan dana melalui RENTAS (Pemindahan Elektronik Masa Sebenar bagi Dana dan Sekuriti-*Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities*) sahaja:

i. Kami berhak mengenakan kos pentadbiran bagi apa-apa permintaan yang anda buat untuk membetulkan/menarik balik pembayaran (berasaskan usaha terbaik) menerusi RENTAS.
ii. Semua caj yang dikenakan oleh bank penerima bagi membetulkan dan/atau mengembalikan pembayaran RENTAS dengan butir pembayaran yang tidak betul/tidak mencukupi akan ditanggung oleh anda. Caj pentadbiran pada masa kini di bawah peraturan operasi RENTAS ialah RM200 yang boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda.

16.5 Terma dan Syarat FTT boleh dilihat di https://www.rhbgroup.com/files/others/terms-conditions/Terma_dan_Syarat_Pindahan_Telegraf.pdf

17. Perkhidmatan Western Union® Money Transfer℠

PERKHIDMATAN WESTERN UNION® MONEY TRANSFER℠ DISEDIAKAN ATAS TERMA DAN SYARAT BERIKUT

17.1 Transaksi Pemindahan Wang Western Union® RHB boleh dihantar dan diambil di kebanyakan lokasi penyedia perkhidmatan Western Union® di Malaysia ("**Penyedia Perkhidmatan**") dan ejen-ejen Western Union, termasuk yang berada di luar Malaysia ("**Ejen**").

17.2 Anda boleh menghubungi nombor Perkhidmatan Pelanggan Western Union yang tersenarai di www.westernunion.com untuk mendapatkan alamat dan waktu operasi lokasi-lokasi yang berdekatan. Sesetengah lokasi dibuka dua puluh empat (24) jam.

17.3 Pemindahan wang yang biasa selalunya tersedia dalam masa beberapa minit untuk diambil oleh penerima, tertakluk kepada waktu operasi lokasi Penyedia Perkhidmatan/Ejen. Perkhidmatan pemindahan wang berasaskan akaun boleh disediakan apabila diminta di negara/wilayah yang terhad. Pemindahan wang berasaskan akaun biasanya mengambil masa sehingga lima (5) Hari Perniagaan, walaupun pemindahan ke dompet mudah alih selalunya tersedia dalam masa beberapa minit sahaja.

17.4 Melebihi had amaun, sekatan kawal selia atau lain-lain sekatan di negara/wilayah tertentu boleh melewatkan transaksi. Western Union tidak bertindak sebagai ejen atau wakil kepada mana-mana bank untuk sebarang tujuan dan tidak menerima deposit bagi pihak mana-mana bank.

17.5 Pemindahan wang biasanya akan dibayar dalam wang tunai. Tetapi sesetengah Penyedia Perkhidmatan/Ejen mungkin akan membayar dengan cek, atau kombinasi tunai dan cek, atau mungkin menawarkan atau penerima mungkin memilih cara lain untuk menerima dana dan sesetengah pemindahan wang mungkin dibayar ke dalam akaun.

17.6 Semua pembayaran tunai adalah tertakluk kepada ketersediaan, dan penerima menunjukkan bukti dokumen identiti mereka dan memberikan semua butiran tentang pemindahan wang yang diperlukan oleh Western Union, termasuk nama pengirim dan penerima, negara/wilayah asal, anggaran jumlah, "*Money Transfer Control Number*" (MTCN) dan sebarang syarat atau keperluan lain yang dikenakan di lokasi Penyedia Perkhidmatan/Ejen. Pengirim memberi kuasa kepada Western Union untuk menunaikan kaedah pilihan penerima untuk menerima dana walaupun jika ia berbeza daripada pilihan pengirim.

17.7 Pemindahan wang tunai akan dibayar oleh Penyedia Perkhidmatan/Ejen kepada orang dianggap berhak untuk menerima transaksi tersebut selepas pengesahan identiti, biasanya melalui pemeriksaan dokumen-dokumen pengenalan. Pembayaran yang sedemikian boleh dibuat walaupun apabila borang yang diisi oleh penerima mengandungi kesilapan kecil. RHB, Western Union dan Penyedia Perkhidmatan/Ejen tidak menjalankan perbandingan borang "Kiriman Wang" terhadap borang "Penerimaan Wang" untuk mengesahkan alamat yang diberikan untuk penerima.

17.8 Di sesetengah lokasi, penerima mungkin akan dikehendaki untuk memberikan dokumen pengenalan, satu ujian soal jawab atau kedua-duanya untuk menerima dana dalam bentuk tunai. Soalan-soalan ujian bukan satu ciri keselamatan tambahan dan tidak boleh digunakan untuk menentukan masa atau melewatkan pembayaran sesuatu transaksi dan adalah dilarang di negara/wilayah tertentu.

17.9 Undang-undang terpakai melarang pemindah wang daripada menjalankan perniagaan dengan individu-individu dan negara/wilayah tertentu. Western Union dikehendaki menyaring semua transaksi terhadap senarai-senarai nama yang diberikan oleh kerajaan negara/wilayah di mana kami menjalankan perniagaan, termasuk Pejabat Kawalan Aset Asing (OFAC) di bawah Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Sekiranya padanan berpotensi dikenal pasti, Western Union akan menyiasat transaksi tersebut untuk menentukan sekiranya nama tersebut sepadan dengan individu pada senarai yang berkaitan. Ada ketikanya pelanggan akan dikehendaki untuk memberikan pengenalan atau maklumat tambahan, dan ini mungkin melewatkan transaksi. Ini ialah keperluan undang-undang untuk semua transaksi yang diproses oleh Western Union (termasuk pemindahan yang berasal dan berakhir di luar Amerika Syarikat).

17.10 FI PEMINDAHAN – Maklumat bertulis yang menerangkan bagaimana Western Union mengenakan caj kepada pengirim di atas pengiriman wang, akan sama ada dipaparkan dengan jelas di lokasi Penyedia Perkhidmatan/Ejen atau ditunjukkan kepada pengirim sebelum melengkapkan arahan pembayaran. Kecuali undang-undang yang terpakai di negara/wilayah destinasi menghendaki sebaliknya, pengirim akan menanggung semua fi untuk pemindahan wang tersebut. Dalam kes-kes tertentu, bayaran pemindahan wang mungkin akan tertakluk kepada cukai dan caj-caj perkhidmatan tempatan.

17.11 PERTUKARAN MATA WANG ASING – Pembayaran pemindahan wang biasanya akan dibuat dalam mata wang negara/wilayah destinasi (di sesetengah negara/wilayah, pembayaran hanya tersedia dalam dolar Amerika Syarikat atau lain-lain mata wang ganti). Di samping fi pemindahan yang dikenakan untuk setiap pemindahan dan jika mata wang yang pengirim serahkan kepada Penyedia Perkhidmatan/Ejen bukan mata wang yang akan diterima oleh penerima, semua mata wang akan ditukarkan pada kadar pertukaran semasa Western Union pada masa tersebut. Mata wang akan ditukarkan pada masa pemindahan dan penerima akan menerima amaun mata wang asing yang ditunjukkan pada borang transaksi. Di beberapa buah negara/wilayah, peraturan tempatan menghendaki mata wang ditukarkan pada masa penerima dibayar, yang mana kadar pertukaran dan sebarang amaun yang ditunjukkan pada borang transaksi boleh tertakluk kepada turun naik kadar pertukaran antara masa pemindahan dan masa penerima mengambil dana.

17.12 Western Union mengira kadar pertukarannya berdasarkan kadar antara bank yang tersedia secara komersial dengan ditambah keuntungan. Kebanyakan kadar pertukaran diselaraskan beberapa kali setiap

hari selari dengan kadar penutupan pasaran kewangan global yang berkaitan. Kadar pertukaran yang dikenakan mungkin kurang menguntungkan berbanding sesetengah kadar pertukaran komersial yang dilaporkan secara umum yang digunakan dalam transaksi antara bank dan lain-lain institusi kewangan. Sebarang perbezaan antara kadar pertukaran mata wang yang ditawarkan kepada pelanggan dan kadar pertukaran mata wang yang diterima oleh Western Union akan disimpan oleh Western Union (dan, dalam sesetengah keadaan, Penyedia Perkhidmatan/Ejen) dan kami di samping fi pemindahan. Maklumat tambahan mengenai kadar pertukaran untuk negara/wilayah destinasi spesifik boleh diperolehi dengan menghubungi kami atau di www.westernunion.com.

17.13 MENGIRIM DAN MENERIMA DI NEGARA/WILAYAH YANG MENYEDIAKAN PEMBAYARAN DALAM BERBILANG MATA WANG: Pengirim mesti memilih mata wang pembayaran pada masa transaksi pengiriman wang dibuat. Fi pemindahan dan wang yang RHB dan Western Union (atau Penyedia Perkhidmatan/Ejennya, telefon mudah alih atau penyedia akaun) jana apabila Western Union (atau Penyedia Perkhidmatan/Ejennya, telefon mudah alih atau penyedia akaun) menukar dana kepada mata wang asing boleh berubah-ubah berdasarkan mata wang pembayaran yang dipilih. Di sesetengah negara/wilayah, penerima boleh memutuskan untuk menerima dana dalam mata wang yang berlainan daripada yang pengirim telah pilih. Western Union (atau Penyedia Perkhidmatan/Ejennya, telefon mudah alih atau penyedia akaun) mungkin akan menjana wang tambahan apabila dana anda ditukarkan kepada mata wang yang dipilih oleh penerima.

PERKHIDMATAN ISTIMEWA

17.14 PEMBERITAHUAN TELEFON kepada penerima bahawa pemindahan wang telah tersedia untuk dipungut ada ditawarkan di kebanyakan negara/wilayah dengan fi tambahan. PENYERAHAN OLEH UTUSAN bagi cek atau draf bank ada tersedia di sesetengah negara/wilayah ke destinasi terpilih dengan fi tambahan. MESEJ TAMBAHAN boleh disertakan dengan fi tambahan untuk pemindahan wang yang dihantar ke kebanyakan negara/wilayah.

17.15 SMS – Di mana tersedia, Western Union menawarkan pemberitahuan SMS percuma untuk menunjukkan bahawa transaksi telah dipungut oleh penerima (untuk pengirim) atau bahawa dana telah tersedia untuk dipungut (untuk penerima). Caj-caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan SMS adalah tanggungjawab eksklusif pengirim atau penerima. Jika dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, SMS tersebut akan dihantar ke nombor telefon mudah alih pengirim dan/atau penerima yang mereka telah berikan. Western Union akan menghantar pesanan SMS kepada “gateway” pihak ketiga untuk penyampaian. Western Union tidak bertanggungjawab ke atas SMS yang tidak disampaikan atau kepincangan tugas teknikal yang berlaku di luar sistem proprietarinya.

17.16 PEMINDAHAN BERASASKAN AKAUN – Di mana tersedia, penerima mungkin akan menanggung fi tambahan untuk menerima dana pengirim melalui telefon mudah alih atau kepada bank atau akaun lain. Pemindahan hendaklah dihantar ke akaun mata wang tempatan (penerima), jika tidak bank yang menerima boleh menukar dana pada kadar pertukarannya sendiri atau menolak transaksi tersebut. Perjanjian penerima dengan penyedia perkhidmatan telefon mudah alihnya, mWallet, bank atau akaun lain mentadbir akaun tersebut dan menentukan hak, liabiliti, fi, ketersediaan dana dan had akaun. Sekiranya nombor akaun yang diberikan (termasuk nombor telefon mudah alih untuk akaun mudah alih) tidak dimiliki oleh penerima yang dinamakan, pemindahan akan dikreditkan ke nombor akaun yang diberikan oleh pengirim. RHB dan Western Union akan menjana wang daripada fi yang berkaitan dengan penggunaan akaun. RHB dan Western Union tidak bertanggungjawab terhadap pengirim atau terhadap mana-mana Pemegang Akaun di atas sebarang fi, kadar pertukaran yang digunakan untuk penukaran kepada bukan mata wang tempatan, tindakan atau tiada tindakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan destinasi atau pengantara.

17.17 BAYARAN BALIK – RHB akan membayar balik amaun prinsipal pemindahan wang (pada kadar pertukaran terpakai yang diterangkan di sini yang berkuat kuasa pada masa bayaran balik dibuat) apabila terdapat permintaan bertulis oleh pengirim jika pembayaran kepada penerima tidak dibuat atau dikreditkan dalam masa empat puluh lima (45) hari. Bayaran balik fi pemindahan dibuat apabila terdapat permintaan bertulis daripada pengirim jika pemindahan wang tidak tersedia kepada penerima dalam masa yang telah ditetapkan untuk perkhidmatan yang dipilih, tertakluk kepada waktu perniagaan dan ketersediaan dana di lokasi yang dipilih untuk pembayaran dan lain-lain syarat, termasuk syarat-syarat di luar kawalan Western Union atau Penyedia Perkhidmatan/ Ejennya, seperti cuaca lembap atau kegagalan telekomunikasi. Fi pemindahan tidak akan dibayar balik sekiranya pemindahan dihentikan atas permintaan pengirim. Pembayaran sebahagian pemindahan wang mungkin akan lewat akibat pengenaan undang-undang Amerika Syarikat atau undang-undang lain yang terpakai. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Western Union mungkin akan memotong caj pentadbiran daripada pemindahan wang yang tidak dipungut dalam masa satu (1) tahun dari tarikh kiriman.

17.18 LIABILITI – RHB ATAU WESTERN UNION TIDAK MENJAMIN PENYERAHAN ATAU KESESUAIAN MANA-MANA BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBAYAR DENGAN CARA PEMINDAHAN WANG. DATA TRANSAKSI PENGIRIM ADALAH SULIT KEPADANYA DAN TIDAK BOLEH DIKONGSIKAN DENGAN MANA-MANA ORANG LAIN SELAIN DARIPADA PENERIMANYA. PENGIRIM DIBERI AMARAN TENTANG MENGIRIM WANG KEPADA MANA-MANA ORANG YANG BELIAU TIDAK KENALI. ANDA HENDAKLAH DIPERTANGGUNGJAWABKAN TERHADAP DAN MENANGGUNG RUGI RHB, WESTERN

UNION ATAU MANA-MANA PENYEDIA PERKHIDMATAN/EJEN SEPENUHNYA TERHADAP APA-APA TUNTUTAN, LIABILITI, PENALTI, PROSIDING, KERUGIAN, DAKWAAN, KEROSAKAN, PERBELANJAAN DAN KOS (TERMASUK SEMUA KOS GUAMAN) YANG RHB, WESTERN UNION ATAU MANA-MANA PENYEDIA PERKHIDMATAN/EJEN TANGGUNG DAN/ATAU ALAMI (MELAINKAN JIKA HAL TERSEBUT DISEBAKAN OLEH KECUAIAN BERAT, SALAH LAKU SENGAJA, KELALAIAN SENGAJA ATAU PENIPUAN OLEH PIHAK RHB, WESTERN UNION ATAU MANA-MANA PENYEDIA PERKHIDMATAN/EJEN) YANG TIMBUL DARIPADA:

i. PENGIRIM BERKONGI DATA TRANSAKSI KEPADA MANA-MANA ORANG SELAIN DARIPADA PENERIMANYA;
ii. KEROSAKAN DISEBAKAN KELEWATAN, TIADA PEMBAYARAN ATAU BAYARAN KURANG DARIPADA PEMINDAHAN WANG INI ATAU TIADA PENYERAHAN SEBARANG MESEJ TAMBAHAN, SAMA ADA DISEBABKAN OLEH KECUAIAN KAKITANGAN ATAU EJEN-EJENNYA ATAU SEBALIKNYA, MELEBIHI JUMLAH YANG SETARA DENGAN US$500 (DI SAMPING PEMBAYARAN BALIK AMAUN PRINSIPAL PEMINDAHAN WANG DAN FI PEMINDAHAN);
iii. SEBARANG KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN ATAU AKIBAT;
iv. PEMINDAHAN ATAU PENDEDAHAN MAKLUMAT (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DI BAWAH) SAMA ADA DISEBABKAN SEBARANG SALAH KENYATAAN, KETIADAANYA, KELEWATAN ATAU SEBARANG JAL LAIN BERHUBUNG DENGANNYA ATAU APA JUA PUN.

17.19 Apabila Penyedia Perkhidmatan/Ejen menerima draf cek, kad kredit atau debit atau lain-lain bentuk pembayaran bukan tunai, RHB, Western Union atau Penyedia Perkhidmatan/Ejen tersebut tidak berkewajipan untuk memproses atau membayar pemindahan wang tersebut jika bentuk pembayaran tidak boleh dipungut, dan RHB, Western Union atau Penyedia Perkhidmatan/Ejennya juga tidak menanggung sebarang liabiliti ke atas kerosakan akibat tiada pembayaran daripada pemindahan wang atas alasan tidak boleh dipungut yang sedemikian. RHB berhak untuk mengubah terma dan syarat ini atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda. RHB, Western Union dan Penyedia Perkhidmatan/Ejennya boleh menolak untuk menyediakan perkhidmatan kepada mana-mana orang.

17.20 PERLINDUNGAN DATA – Maklumat peribadi anda adalah dikawal oleh dan diproses oleh kami dan Western Union di bawah undang-undang yang terpakai. Kami menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami apabila menggunakan produk dan perkhidmatan kami, serta lain-lain maklumat yang dipungut atau dijana sepanjang hubungan kami dengan anda. Ini termasuk maklumat daripada lain-lain perkhidmatan seperti pemindahan wang, pembayaran bil, butiran program kesetiaan atau keahlian, sejarah penggunaan perkhidmatan kami dan pilihan pemasaran. Maklumat ini digunakan untuk menyediakan kepada anda perkhidmatan yang anda minta dan untuk aktiviti-aktiviti seperti pentadbiran, perkhidmatan pelanggan, anti penggubahan wang haram, pematuhan dan tugas-tugas sah, untuk mengesahkan butiran anda, untuk membantu kami memahami para pengguna kami dengan menjalankan analisis dan penyelidikan terhadap maklumat yang kami simpan, untuk membantu mencegah dan mengesan penipuan, hutang dan kecurian, untuk membantu kami memperbaiki produk-produk, perkhidmatan dan operasi kami dan, tertakluk kepada pilihan-pilihan anda, menghantar kepada anda komunikasi komersial melalui e-mel, telefon, pos, SMS dan sebarang saluran lain yang berkaitan.

17.21 RHB dan Western Union boleh menggunakan, memungut daripada dan berkongsi dengan lain-lain perniagaan yang bekerja dengan kami, maklumat daripada lain-lain produk dan perkhidmatan dan program kemudahan dan/atau ganjaran yang anda telah mendaftarkan diri. Maklumat ini boleh digunakan untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam bahagian ini.

17.22 Kami akan menyimpan maklumat yang anda telah berikan tentang orang lain termasuk butiran tentang penerima bagi melaksanakan transaksi tersebut. Sebelum memberikan maklumat ini, anda perlu memaklumkan dan mendapatkan kebenaran daripada orang lain tersebut berkenaan penggunaan maklumat ini oleh kami seperti yang dinyatakan dalam bahagian ini. Penyediaan maklumat ini ialah maklumat pilihan tetapi diperlukan untuk melaksanakan transaksi dan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini kepada anda. Tanpanya, RHB dan Western Union tidak dapat melaksanakan pemindahan wang atau perkhidmatan pembayaran, memudah cara aktiviti-aktiviti kemudahan atau lain-lain perkhidmatan yang diminta.

17.23 Kami mungkin akan memberikan maklumat yang kami simpan kepada pihak-pihak yang berada di negara/wilayah selain daripada negara di mana maklumat dipungut atau dicipta pada asalnya, termasuk kepada syarikat bersekutu Western Union di Amerika Syarikat, bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam bahagian ini. Kategori-kategori maklumat peribadi yang dipindahkan termasuk butiran hubungan, maklumat berkaitan pemindahan wang, sejarah transaksi, maklumat pematuhan dan sebarang maklumat lain yang anda telah berikan.

17.24 Kami juga mungkin akan memberikan maklumat tersebut kepada organisasi lain dan penyedia perkhidmatan sah, termasuk mereka yang membantu kami menjalankan perniagaan, sekiranya terdapat keperluan munasabah untuk berbuat demikian, untuk menjalankan atau membantu pemindahan wang, perkhidmatan masa hadapan atau untuk sebarang sebab atau penggunaan yang dinyatakan dalam

bahagian ini. Kami boleh menambah kepada maklumat yang anda berikan dengan maklumat daripada lain-lain perniagaan atau individu, termasuk maklumat untuk mengesahkan maklumat yang anda berikan.

17.25 RHB dan Western Union (dan syarikat bersekutunya di seluruh dunia) boleh mendedahkan maklumat peribadi anda, termasuk nama, nombor ID pelanggan, alamat dan maklumat akaun bank anda, (i) sekiranya kami dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang domestik atau asing atau proses undang-undang atau (ii) kepada pihak penguatkuasa undang-undang atau lain-lain pegawai kerajaan (termasuk mereka di negara/wilayah ini, Amerika Syarikat atau di mana sahaja) bagi tujuan seperti mengesan, menyiasat, mendakwa dan mencegah jenayah, termasuk penggubahan wang haram dan aktiviti jenayah yang berkaitan dan penerima maklumat selanjutnya boleh mendedahkan maklumat tersebut bagi tujuan-tujuan ini dan lain-lain tujuan yang berkaitan.

17.26 Maklumat yang kami simpan boleh diakses oleh RHB, Western Union dan syarikat-syarikat bersekutu kami termasuk mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan untuk sebarang sebab yang dinyatakan dalam bahagian ini atau bagi lain-lain tujuan yang anda telah persetujui.

17.27 Anda berhak untuk meminta daripada kami untuk melihat dan mendapatkan salinan maklumat anda yang mana kami boleh mengenakan sedikit fi untuknya. Anda juga boleh memperbetulkan, memadam atau mengehadkan penggunaan maklumat yang tidak lengkap, tidak tepat atau lapuk oleh kami. Anda boleh membantah pada bila-bila masa atas alasan yang sah terhadap penggunaan maklumat anda, bila mana pemprosesannya tidak diperlukan untuk melengkapkan perkhidmatan atau tidak diperlukan oleh undang-undang atau peraturan. Sekiranya anda ingin menggunakan hak-hak ini atau tidak lagi ingin menerima komunikasi komersial daripada kami, sila hubungi RHB atau Western Union.

17.28 KONTRAK DAN HUBUNGAN PELANGGAN – Kontrak kami ialah dengan pengirim. Kami tidak mempunyai obligasi terhadap mana-mana pihak lain, seperti pihak yang diwakili oleh pengirim untuk menghantar dana. Sekiranya anda tidak berpuashati dengan perkhidmatan ini, anda harus hubungi kami. Seorang wakil akan menyiasat kebimbangan anda dengan adil dan segera.

17.29 Perkhidmatan Western Union® Money Transfer℠ RHB disediakan oleh kami dan disokong di luar Malaysia oleh Western Union International Limited melalui rangkaian Penyedia Perkhidmatan/Ejen dan wakil-wakil yang sah.

E. UMUM

18. Fi, Caj dan Cukai

18.1 Kami berhak dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis bertulis dengan alasan dalam masa minimum dua puluh satu (21) hari kalendar sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 18.8 di bawah, untuk melevikan fi dan caj sedemikian, atau mengubah fi dan caj yang sedia ada bagi akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan atau item yang diberikan dalam Laman Sesawang, menurut apa-apa undang-undang, peraturan atau arahan lain yang terpakai, yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang relevan. Akses dan penggunaan berterusan Perkhidmatan atau Produk atau item yang disediakan dalam Laman Sesawang akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap fi dan caj sedemikian.

18.2 Fi dan caj yang dinyatakan di atas hanya bagi akses dan penggunaan Perkhidmatan atau Produk atau Laman Sesawang. Anda boleh juga dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa fi atau caj lain yang kami kenakan bagi urus niaga dan arahan yang dibuat di bawah atau menurut Perkhidmatan atau Produk atau Laman Sesawang ini (termasuk caj, caj Faedah/Keuntungan dan sebagainya) dan yang kena dibayar kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah apa-apa perjanjian, terma, syarat atau tatacara terpakai yang lain, yang kami tentukan dan maklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa.

18.3 Anda selanjutnya bersetuju untuk membayar semua cukai, levi, duti setem dan caj kerajaan yang timbul daripada akses dan penggunaan Perkhidmatan atau Produk atau Laman Sesawang.

18.4 Harap diingatkan bahawa kami berhak, dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda, untuk mendebitkan Akaun anda bagi semua fi dan caj bagi akses dan penggunaan Perkhidmatan atau Produk atau Laman Sesawang, dan apa-apa fi, cukai, levi dan/atau duti setem kerajaan, dan juga apa-apa fi dan caj lain yang kena dibayar bagi urus niaga yang anda lakukan dari semasa ke semasa.

18.5 Anda juga diingatkan bahawa sekiranya Akaun terlebih dikeluarkan disebabkan kami melaksanakan hak kami untuk mendebitkan Akaun, amaun bagi Akaun yang terlebih dikeluarkan, termasuk faedah dan/atau caj bank, pentadbiran atau yang lain-lain yang kami kenakan adalah hutang yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar kepada kami, yang mungkin menarik faedah kemudahan overdraf dan kadar penalti yang biasa (jika berkenaan).

18.6 Kami berhak, dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda, mengenakan dan menolak daripada Akaun anda yang berikut:

a. kos, fi dan caj, termasuk caj bank yang biasa, komisen, duti setem ke atas urus niaga yang dilaksanakan dan bagi perkhidmatan yang kami berikan pada kadar sedemikian sebagaimana yang terpakai dari semasa ke semasa;
b. apa-apa caj perkhidmatan ke atas Akaun anda dan ke atas perkhidmatan menurut peraturan mana-mana badan/pertubuhan/pihak berkuasa atau Bank;
c. cukai penahanan atau cukai lain, levi atau caj yang apa jua pun yang boleh dikenakan ke atas atau bagi apa-apa urus niaga atau perkhidmatan atau bagi apa-apa amaun atau faedah (jika berkenaan) yang kena dibayar kepada anda pada masa kini atau pada masa hadapan yang dikenakan melalui undang-undang atau dikehendaki dikenakan caj; dan
d. semua perbelanjaan guaman yang ditanggung bagi perolehan semula mana-mana keterhutangan anda di bawah mana-mana kemudahan kredit atau akaun dengan kami.

18.7 Jika penolakan tidak dapat dilakukan, jumlah sedemikian dengan faedah (jika berkenaan) padanya pada kadar yang kami tentukan dan maklumkan secara bertulis (dikira dari tarikh jumlah sedemikian kami tanggung) hendaklah dibayar kepada kami apabila diminta.

18.8 Kami berhak mengenakan dan/atau mengubah fi dan caj sedemikian dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan. Selanjutnya, mana-mana perubahan atas kadar faedah/keuntungan akan dimaklumkan sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan dengan alasan. Atas budi bicara kami, notis bagi tambahan atau pindaan atau perubahan sedemikian boleh dilaksanakan dalam cara yang dinyatakan dalam Fasal 22 dan/atau 31 di bawah.

18.9 Butiran fi dan caj kami boleh diakses dari Laman Sesawang kami di www.rhbgroup.com dan anda bersetuju untuk terikat dengan fi dan caj kami, yang membentuk sebahagian Terma dan Syarat ini. Fi dan caj kami juga tersedia atas permintaan daripada cawangan kami atau mana-mana saluran penghantaran Bank.

18.10 Anda hendaklah menanggung semua fi profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan atau cukai perkhidmatan), dan perbelanjaan luar poket yang ditanggung dan apa-apa fi, perbelanjaan atau bantuan lain berkaitan Akaun.

18.11 Yuran perkhidmatan bagi penyata akaun fizikal akan dikenakan sebanyak RM1 setiap bulan.

18.12 Yuran perkhidmatan sebanyak RM10 bagi setiap permintaan dan RM2 bagi setiap muka surat akan dikenakan jika penyata tambahan yang diminta adalah dalam tempoh satu tahun daripada tarikh permintaan atau RM20 bagi setiap permintaan dan RM2 bagi setiap muka surat jika penyata tambahan yang diminta adalah melebihi satu tahun dari tarikh permintaan.

19. Penepian

19.1 Jika kami gagal atau mengabaikan untuk menguatkuasakan mana-mana terma, peruntukan atau remedi di bawah Terma dan Syarat ini atau selainnya berkaitan Akaun dan/atau Perkhidmatan atas apa jua alasan, kami tidak akan ditafsirkan telah mengetepikan hak kami terhadap apa-apa pelanggaran yang sebelumnya, berterusan atau selanjutnya bagi perkara yang sama atau apa-apa peruntukan lain yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

20. Representasi dan Waranti

20.1 Melainkan diberikan secara khusus di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, anda faham dan bersetuju bahawa penggunaan Perkhidmatan dan semua maklumat, produk dan Kandungan lain (termasuk maklumat pihak ketiga) yang dimasukkan dalam atau boleh diakses daripada Perkhidmatan adalah atas risiko anda dan disediakan untuk anda hanya untuk akses dan penggunaan persendirian. Perkhidmatan yang diberikan adalah berasaskan “sebagaimana adanya” dan “sebagaimana tersedia”.

20.2 Anda bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya maklumat yang diberikan dan risiko yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Anda dinasihatkan untuk berunding dengan penasihat pelaburan, kewangan, cukai atau undang-undang anda sendiri sebelum membuat keputusan bebas mengenai maklumat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini.

20.3 Anda bersetuju bahawa anda tidak meletakkan kebergantungan terhadap apa-apa representasi, waranti atau jaminan yang kami buat kecuali dan melainkan bagi representasi, waranti atau jaminan yang telah dinyatakan dengan jelas di bawah Terma dan Syarat ini.

20.4 Fasal 20 ini akan mengatasi penamatan atau pelupusan Terma dan Syarat ini atas apa-apa sebab sekalipun.

21. Tanggung Rugi dan Had Liabiliti

21.1 Anda hendaklah dipertanggungjawabkan terhadap dan menanggung rugi kami, kakitangan kami dan ejen kami sepenuhnya terhadap apa-apa tuntutan, liabiliti, penalti, prosiding, kerugian, dakwaan, kerosakan dan kos (termasuk semua kos guaman) yang kami tanggung dan/atau alami (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami) yang timbul daripada:

i. akses yang diberikan kepada Perkhidmatan yang kami sediakan;
ii. kami menguatkuasakan mana-mana hak kami terhadap anda;
iii. penerimaan kami akan apa-apa arahan dan/atau notis yang anda berikan kepada kami (walaupun arahan sedemikian mungkin bersifat penipuan atau tidak dibenarkan);
iv. hasil ratifikasi, pengembalian atau pembayaran balik pembayaran oleh bank penerima menurut permintaan kami/anda atau selainnya dalam menguatkuasakan terma obligasi tanggung rugi bagi pengiriman wang, FTT dan IBG;
v. apa-apa tindakan atau peninggalan atau salah guna atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda berkaitan dengan Perkhidmatan yang disediakan;
vi. apa-apa tuntutan pelanggaran hak atau hak milik harta yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap kami berkaitan penggunaan dan akses kepada Perkhidmatan dan/atau pembelian produk; dan/atau
vii. pematuhan kami dengan mana-mana penghakiman mahkamah atau mana-mana perintah mahkamah, atau apa-apa dekri atau arahan atau perintah sama ada atau tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal, badan, entiti atau pihak berkuasa yang dibentuk secara sah, yang timbul daripada mana-mana tindakan mahkamah atau prosiding mahkamah atau daripada apa-apa tindakan prosiding atau tuntutan selain daripada mahkamah dan yang terpakai kepada atau diarahkan kepada atau dalam apa-apa cara berkaitan dengan anda, dan/atau Akaun tersebut yang apa jua huraiannya yang disenggarakan dengan anda, dan/atau apa-apa maklumat, butiran atau perkara yang terkandung dalam Akaun tersebut.

21.2 Bagi tujuan pembukaan Akaun Minor dan/atau mengeluarkan Kad Debit/-i yang pemohonnya adalah bawah umur yang berumur antara dua belas (12) tahun dan lapan belas (18) tahun:

i. ibu bapa/penjaga yang sah kepada pemohon bawah umur akan bertanggungjawab sepenuhnya dan menanggung rugi kami, pekerja kami dan agen terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, penalti, prosiding, kerugian, saman, kerosakan dan kos (termasuk semua kos undang-undang) yang ditanggung dan/atau dialami oleh kami (melainkan jika perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaian melampau, salah laku yang disengajakan, kelalaian yang disengajakan atau penipuan di pihak kami) dengan sebab atau atas sebab penggunaan Akaun Minor dan/atau Kad Debit/-i oleh pemohon bawah umur; dan
ii. data peribadi ibu bapa/penjaga yang sah bagi pemohon bawah umur akan disimpan oleh kami.

21.3 Tanggung rugi adalah sah dan dikuatkuasakan semasa meneruskan Akaun Minor dan akan terus kekal berkuatkuasa sehingga enam (6) bulan selepas hari lahir kelapan belas (18) pemohon bawah umur dan hendaklah mengikat atas ibu bapa/penjaga yang sah.

21.4 Anda hendaklah melepaskan kami daripada semua liabiliti yang apa jua pun dan bagaimana sekalipun yang akan timbul secara langsung atau tak langsung atau yang berkaitan dengan akses kepada, penyenggaraan, apa-apa penggunaan atau berupa penggunaan anda akan apa jua Perkhidmatan/kemudahan kami

dan/atau Kad/PIN/Kata Laluan oleh anda atau mana-mana orang lain atau sebagai hasil apa-apa tindakan atau peninggalan atau pelanggaran anda akan mana-mana Terma dan Syarat ini.

21.5 Sekiranya kami menanggung liabiliti atas permintaan anda, kami berhak untuk terus memiliki apa-apa dana, sekuriti, wang yang terdapat pada kredit anda dan barangan berharga lain milikan anda yang didepositkan dengan kami atau yang hendak didepositkan dengan kami (sama ada didepositkan dengan cara sekuriti, jagaan selamat atau untuk apa-apa tujuan khusus yang lain). Kami akan mempunyai hak untuk mengekalkan dana, sekuriti, wang tersebut dan barangan berharga lain atau mana-mana bahagian daripadanya dan boleh juga tidak melayani apa-apa cek yang dikeluarkan atau apa-apa pengeluaran yang anda buat daripada Akaun sehingga liabilitinya telah diselesaikan.

21.6 Kami tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian keuntungan, kerugian perniagaan, kerugian penggunaan, kehilangan nama baik, kerugian simpanan atau kerugian turutan, khas, luar jangka, tak langsung, teladan atau punitif yang lain yang anda alami disebabkan apa-apa kelewatan dalam prestasi atau tiada prestasi atau pelanggaran mana-mana obligasi kami sama ada yang timbul daripada apa-apa pelanggaran Terma dan Syarat ini atau bagaimana sekalipun terjadi (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan kami).

21.7 Apabila melibatkan pelaksanaan aplikasi berkaitan IBG, Kiriman Wang dan FTT, kami atau mana-mana koresponden atau ejen kami tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerosakan, gangguan, peninggalan, kesilapan, kelewatan atau daripada salah tafsir apabila diterima menerusi kawat, kabel, teleks, atau mel atau menerusi apa-apa cara pun (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan kami). Kami boleh menghantar apa-apa pesanan berkaitan pemindahan ini dalam bahasa yang jelas, kod atau sifer sebagaimana yang kami anggap sesuai. Bagi arahan IBG, nombor akaun adalah titik rujukan antara bank asal dengan bank penerima.

21.8 Anda dikehendaki mengisytiharkan bahawa semua maklumat dan komunikasi yang diberikan samaada bertulis atau/dan dokumen yang ditandatangani dan/atau disebarkan secara elektronik melalui perkhidmatan Perbankan dalam Talian RHB dan/atau Perbankan Mudah Alih RHB adalah benar, betul dan mematuhi Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan FSA 2013 atau IFSA 2013.

21.9 Segala rekod kami dan apa juga komunikasi daripada pihak anda termasuk sewaktu atau sebelum penggunaan dan akses kepada perkhidmatan Perbankan dalam Talian RHB dan/atau Perbankan Mudah Alih RHB dalam apa jua bentuk atau medium (termasuk media penyimpanan informasi elektronik) akan diterima sebagai bukti muktamad.

21.10 Anda juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa maklumat yang tidak tepat, tidak benar atau tidak lengkap, seperti mana yang diberikan disebabkan kami diberikan kebenaran untuk mendedahkan maklumat yang ada kepada Bank Negara Malaysia sebagai mematuhi Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan FSA 2013 atau IFSA 2013.

21.11 Tanggung rugi ini hendaklah berterusan tanpa mengambil kira penamatan mana-mana Perkhidmatan dan/atau penutupan Akaun.

22. Notis Umum

22.1 Kecuali dinyatakan lain dalam Terma dan Syarat ini, kami boleh menurut budi bicara kami memberikan apa-apa komunikasi atau notis kepada anda menerusi apa-apa cara atau kaedah sebagaimana yang kami anggap sesuai termasuk melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, dengan meletakkan notis di cawangan kami, dengan menyisipkan notis ke dalam penyata akaun berkala, melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimili, telefon mudah alih, peranti lain atau internet) atau dengan menerbitkannya di Laman Sesawang kami atau di ATM atau di terminal lain di bawah kawalan kami.

22.2 Notis atau komunikasi sedemikian daripada kami akan dianggap telah dibuat pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau penerbitan dan/atau tarikh diposkan ke alamat terakhir anda yang diketahui dan/atau dengan menghantar atau mentransmisikan notis ke nombor faksimili, nombor telefon bimbit, e-mel atau alamat lain yang didaftarkan dengan kami (melainkan ada bukti bertentangan bahawa notis atau komunikasi sedemikian sebenarnya tidak diterima).

22.3 Semua notis atau komunikasi daripada kami termasuk e-mel dan apa-apa lampiran padanya, mungkin rahsia dan ditujukan semata-mata untuk kegunaan oleh penerima yang ditujukan. Jika anda bukan penerima yang dimaksudkan bagi notis atau komunikasi tersebut, anda mesti tidak mengambil apa-apa tindakan berdasarkan kandungannya, tidak juga menyalin atau menunjukkannya kepada sesiapa sahaja.

22.4 Komunikasi elektronik tidak boleh dijamin sebagai selamat atau bebas virus. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang anda alami atau tanggung disebabkan kejadian sedemikian (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

23. Arahan dan Notis tentang Akaun

23.1 Semua notis yang anda berikan kepada kami mestilah secara bertulis dan ditandatangani oleh anda dan dihantar ke cawangan tempat Akaun disenggarakan. Apa-apa notis sedemikian akan berkuat kuasa hanya apabila kami telah memperakui penerimaan notis sedemikian.

23.2 Anda bersetuju bahawa apa-apa arahan berkaitan apa-apa perubahan atau pindaan termasuk perubahan terhadap mandat Akaun hanya boleh dikuatkuasakan oleh pihak kami sekurang-kurangnya tujuh (7) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan arahan secara bertulis.

23.3 Penerimaan dan tindakan kami terhadap apa-apa arahan daripada anda tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang kami tentukan.

23.4 Anda mengaku janji untuk menasihati kami dengan serta-merta akan apa-apa perubahan yang boleh menjejaskan operasi Akaun secara langsung atau tidak langsung termasuk perubahan nama, alamat, butir hubungan atau butir lain anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami, yang sekiranya gagal dilakukan, kami berhak untuk bergantung pada butiran terakhir yang diketahui yang didaftarkan dengan kami.

23.5 Jika terdapat apa-apa kemas kini/perubahan terhadap status pemastautin cukai/FATCA/CRS anda, anda bersetuju untuk memaklumkan dan memberikan Kumpulan Perbankan RHB dengan Nombor Pendaftaran Cukai (TIN) asing dan/atau bukti dokumentari dalam masa tiga puluh (30) hari atau apa-apa sebab yang menyebabkan maklumat tidak benar atau tidak lengkap, dan memberikan pengesahan dan perakuan diri dalam masa sembilan puluh (90) hari dari perubahan tersebut. Selanjutnya, anda bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB untuk melakukan salah satu perkara berikut, jika berlaku:

i. Menahan apa-apa pembayaran yang berkaitan dalam Akaun;

ii. Melaporkan/ mendedahkan/ menukar sebarang maklumat/dokumen yang berkaitan dengan Akaun anda / urusan anda kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) atau mana-mana pihak berkuasa cukai asing/pihak berkuasa hasil dalam negeri yang mematuhi sebarang keperluan cukai;

iii. Menamatkan (dengan memberikan notis terlebih dahulu) hubungan kontrak anda dengan Kumpulan Perbankan RHB.

23.6 Semua arahan anda hendaklah kekal berkuat kuasa bagi pembayaran yang dibuat atau arahan yang dilaksanakan dengan niat baik walaupun berlaku apa-apa kematian, kebankrapan atau penggulungan atau pembatalan apa-apa arahan sedemikian dengan apa-apa cara oleh anda, sehingga kami menerima notis bertulis dengan dokumen yang membuktikan kematian, kebankrapan, penggulungan atau pembatalan sedemikian.

23.7 Apa-apa pembayaran atau pemindahan dana yang hendak dibuat atau dilaksanakan menurut apa-apa arahan tetap yang diberikan kepada kami hendaklah tertakluk pada baki minimum yang disenggarakan dalam Akaun yang daripadanya dana dibayar atau dipindahkan sebagaimana yang boleh kami tentukan dan maklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa.

24. Pemberitahuan Elektronik dan Peringatan

24.1 Untuk menerima peringatan dan/atau pemberitahuan daripada kami bagi pembayaran bil, pemindahan dana, dan waktu henti sistem, anda dikehendaki memilih saluran yang digemari sama ada menerusi SMS, pesanan selamat dan/atau e-mel luar daripada Nama Pengguna dengan menggunakan fungsi “Pemberitahuan” yang disediakan dalam talian.

24.2 Anda boleh juga memberikan peringatan kepada benefisiari berkaitan pemindahan dana yang telah anda buat dengan menetapkan e-mel dan nombor telefon mudah alih mereka semasa “tambah kegemaran” bagi pemindahan dana atau fungsi “pemindahan terbuka” yang disediakan menerusi Perbankan dalam Talian RHB.

25. Hak untuk Menolak Urus Niaga

25.1 Anda bersetuju bahawa kami berhak menurut budi bicara kami untuk tidak menerima apa-apa deposit apa-apa wang atau cek dan/atau membenarkan atau melaksanakan apa-apa urus niaga lain termasuk pengeluaran wang berkaitan Akaun anda termasuk apa-apa pemindahan wang dan pemindahan telegrafi dari atau ke Akaun anda dengan memberikan sebabnya kepada anda.

26. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLA”)

Anda dengan ini;-

26.1 **mewakili dan menjamin, dan berjanji dengan Bank;-**

a) Anda tidak terlibat, dan tidak boleh melibatkan diri pada bila-bila masa, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;

b) Anda tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh pada bila-bila masa memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;

c) Anda tidak mengalih keluar atau membawa masuk ke Malaysia, dan tidak boleh pada bila-bila masa mengalih keluar atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;

d) Anda tidak menyembunyikan, menyamar atau menghalang, dan tidak boleh pada bila-bila masa menyembunyikan, menyamar atau menghalang, pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;

e) Anda akan pada setiap masa mematuhi Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 26.2 di bawah);

f) Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati melanggar Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 26.2 di bawah) yang menyebabkan kesan undang-undang kepada Bank disebabkan oleh tindakan Anda; dan
g) Anda memahami bahawa sebarang pelanggaran disebabkan oleh AMLA dan keperluan sekatan adalah tidak boleh dirunding.

Untuk tujuan Klausa ini, berikut adalah definisinya:

"peralatan kesalahan" bermaksud:
a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram; atau
b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram,

sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia;

"hasil daripada aktiviti haram " bermaksud mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia:
a) yang keseluruhan atau sebahagiannya: -
   (i) diperolehi atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
   (ii) diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
   (iii) diperoleh dengan menggunakan harta yang diperoleh atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau

b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh sebarang keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau pada masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperoleh, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dipercayai secara munasabah sebagai harta yang termasuk dalam skop subperenggan (a) (i), (ii) atau (iii);

"harta" bermaksud: -
a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperoleh; atau
b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam sebarang bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset tersebut, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit,

sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau kepentingan ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta itu;

"aktiviti haram bermaksud:
a) sebarang aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
b) sebarang aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing,

tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

"kesalahan berat" bermaksud:
(a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
(b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut; atau
(c) persubahatan mana-mana kesalahan tersebut;

"transaksi" termasuklah suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain.

26.2 mengakui dan bersetuju dengan Bank bahawa;

a) Bank berkewajiban untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, garis panduan, petunjuk praktik, sekatan, piawaian dan amalan industri dan keperluan lain yang terpakai termasuk tanpa had Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana Bank sebagai institusi kewangan berlesen boleh dari semasa ke semasa di Malaysia tertakluk kepada (secara kolektif, "Keperluan Peraturan");

b) Bank berhak untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan apa-apa tindakan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Peraturan;

c) jika Bank berpendapat bahawa sebarang kejadian atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan permohonan pembukaan Akaun dan/ atau operasi Akaun untuk produk dan servis mengikut Perbankan Peribadi, Terma & Syarat Umum telah berlaku atau timbul, atau kelulusan pembukaan Akaun dan/ atau operasi Akaun akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (secara keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had penerimaan Bank bagi sebarang makluman atau padanan nama positif dari semakan berkaitan yang dijalankan ke atas Pelanggan dan mana-mana pihak ketiga yang berkaitan yang terlibat dalam urusniaga asas (termasuk tanpa had vendor / pemaju / penganjur / ejen / pemegang amanah / pembekal yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka, walau apa pun perkara yang bertentangan yang terkandung dalam Perbankan Peribadi Terma & Syarat Umum ini, Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis 21 hari kalendar atau tempoh yang lebih singkat yang diperlukan atau dibenarkan sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan, berhak untuk:
   (i) menggantung Akaun serta-merta, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Peraturan; dan/ atau
   (ii) membatalkan/ menutup Akaun dan menamatkan hubungannya dengan Pelanggan, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Peraturan.

d) Jika Permohonan pembukaan Akaun dan/ atau operasi Akaun dibatalkan/ ditamatkan oleh Bank menurut pematuhan mereka kepada Keperluan Peraturan:-
   (i) tiada pengunaan atau penggunaan selanjutnya di bawah Akaun dan/ atau operasi Akaun dibenarkan; dan
   (ii) Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan pemulihan yang tersedia untuknya dibawah Perbankan Peribadi, Terma & Syarat Umum, undang-undang yang terpakai atau sebaliknya;

e) Anda akan menyediakan semua dokumen dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh Bank (setiap masa sepanjang tempoh hubungan perniagaan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;

f) Pihak Bank berhak untuk menghentikan semua perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan diterima di bawah Perbankan Peribadi, Terma & Syarat Umum sehingga pemberitahuan selanjutnya (perintah pembatalan) diterima dari agensi penguatkuasaan tersebut atau penghentian perintah (yang mana satu yang terdahulu), atau melainkan ada perintah variasi.

F. MAKLUMAT, KEIZINAN, PERISYTIHARAN DAN NOTIS PRIVASI

27. MAKLUMAT

27.1 Anda mesti memberitahu kami dengan serta-merta jika anda menyedari bahawa apa-apa maklumat yang telah anda berikan kepada kami telah berubah atau tidak betul atau mengelirukan.

27.2 Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, anda memberikan keizinan kepada kami untuk mencari apa-apa maklumat berkaitan anda dengan mana-mana biro kredit atau agensi rujukan kredit.

27.3 Anda mewakili dan menjamin bahawa:

i. Anda mempunyai kuasa dan semua kebenaran yang diperlukan untuk memiliki aset anda dan melaksanakan apa-apa perniagaan anda, untuk menyertai setiap Perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda dan untuk mematuhi apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat ini.

ii. Obligasi anda di bawah setiap Perkhidmatan yang kami tawarkan adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan;

iii. Semua maklumat yang anda berikan adalah benar, lengkap dan tidak mengelirukan;

iv. Tidak ada perubahan memudaratkan yang ketara dalam maklumat yang anda berikan kepada kami;

v. Anda menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi semua urus niaga yang dilaksanakan, termasuk urus niaga yang dilaksanakan menerusi perkhidmatan perbankan elektronik dan terutamanya untuk ketepatan dan kelengkapan arahan anda kepada kami;

vi. Anda hendaklah memastikan bahawa sistem dan apa-apa sistem komputer lain yang menerusinya anda akan mengakses perkhidmatan perbankan elektronik adalah bebas daripada apa-apa masalah mekanikal, elektronik, kegagalan atau kerosakan data, virus komputer, perisian hasad dan pepijat. Kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa masalah elektronik, mekanikal, kegagalan atau kerosakan data, virus komputer, perisian hasad dan pepijat atau masalah berkaitan yang boleh disebabkan oleh perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana Penyedia Perkhidmatan, penyedia rangkaian, pelayan atau sistem setara lain yang seumpamanya; dan

vii. Representasi dan waranti ini dan yang berkaitan di bawah Fasal 20 hendaklah digunakan dan kekal terpakai setiap kali anda memohon Perkhidmatan baharu dengan kami. Anda mesti memberitahu kami sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang menyebabkan anda tidak dapat mengulangi sebenar-benarnya representasi dan waranti ini.

27.4 Apa-apa maklumat yang kami berikan kepada anda adalah untuk tujuan rujukan sahaja. Kami akan membuat yang terbaik untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun, kami tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap ketepatan atau kelengkapan maklumat yang diberikan (melainkan jika ketidaktepatan atau ketidaklengkapan tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

28. Pengesahan, Kebenaran dan Perisytiharan

28.1 Bagi semua Akaun:

i. Anda bersetuju bahawa kami berhak mengenakan caj bagi apa-apa Perkhidmatan yang diberikan kepada anda pada kadar sebagaimana yang kami beritahu kepada anda dari semasa ke semasa. Semua caj perbankan apabila kena dibayar akan didebitkan daripada Akaun dengan notis bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar kepada anda.

ii. Anda mengizinkan dan memberikan kebenaran kepada kami untuk mendebitkan akaun anda dan mengembalikan dana yang salah dikreditkan, jika ada.

iii. Anda bersetuju bahawa kami berhak melakukan apa-apa atau semua yang berikut jika kami mendapati bahawa dan/atau diberitahu akan penipuan/wang palsu/tunai/instrumen pembayaran/pemindahan atau hasil daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, didepositkan ke dalam Akaun anda:

a. meletakkan tanda/tindik sama ada amaun spesifik yang dipersoalkan atau amaun keseluruhan dalam Akaun (mengikut mana-mana yang berkaitan) dan tidak membenarkan pengeluaran;
b. mendebitkan amaun daripada Akaun dan/atau mengembalikan dana yang dianggap timbul daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang;
c. menutup Akaun (dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu); dan/atau
d. menamatkan (dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu) hubungan kontrak anda dengan kami.

iv. Anda bersetuju untuk memberikan notis bertulis kepada kami sekiranya anda ingin menutup Akaun.

v. Anda hendaklah secara bersama dan berasingan mengaku janji untuk terus menanggung rugi kami terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain yang apa jua pun dan apabila sahaja berlaku atau yang timbul daripada kebenaran ini menurut Terma dan Syarat ini (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami) dan untuk mengemas kini maklumat terkini kepada kami dengan serta-merta dan dengan betul akan apa-apa perubahan dalam perincian Akaun, maklumat peribadi (maklumat pekerjaan, maklumat pendidikan, sumber dana dan lain-lain) dan maklumat perhubungan (alamat surat-menyurat, alamat e-mel, nombor telefon mudah alih, nombor faks dan lain-lain) yang kami perlukan untuk menghubungi anda. Sekiranya anda gagal mengemas kini kami dengan maklumat Akaun, maklumat peribadi atau maklumat perhubungan yang diperlukan dan terkini, kami berhak dengan pemberitahuan terlebih dahulu untuk menyekat transaksi debit dari Akaun RHB anda.

vi. Anda bersetuju bahawa apa-apa proses pengesahan pengenalan hendaklah dilakukan menerusi pengesahan GMPC/MyKad sahaja dan sekiranya berkaitan, termasuk pengesahan tandatangan.

vii. Anda memahami bahawa Kumpulan Perbankan RHB ("Bank") akan menggunakan, mengumpul, merekodkan, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi anda, termasuk, tanpa batasan:

1. maklumat peribadi termasuk butir-butir, imej dan biometrik (ukuran dan analisis sifat fizikal atau tingkah laku yang unik (seperti cap jari atau pola suara) terutamanya sebagai cara untuk menentusahkan identiti peribadi) anda
2. data kewangan, tempat kediaman percukaian
3. contoh tandatangan, serta tandatangan digital atau elektronik seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai

4. kedudukan kewangan, butiran penggajian, kepercayaan kredit dan/atau kesesuaian bagi mana-mana produk/perkhidmatan Bank yang dimohon
5. maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami, termasuk pandangan atau pendapat anda yang dimaklumkan kepada Bank melalui maklum balas atau tinjauan;
6. maklumat tentang profil risiko, pelaburan, cukai dan insurans/takaful, matlamat pelaburan, pengetahuan dan pengalaman dan/atau kepentingan perniagaan dan aset anda
7. maklumat berkaitan dengan aktiviti, kebiasaan, keutamaan dan minat anda yang timbul daripada penggunaan produk dan perkhidmatan Bank
8. data atau maklumat elektronik lain yang berkaitan dengan anda seperti alamat IP, kuki, log aktiviti, pengenal pasti dalam talian dan data lokasi melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kami oleh anda atau sebagai sebahagian daripada penyampaiannya kepada anda

dan maklumat lain yang berkaitan dengan anda/permohonan anda bagi produk dan / atau perkhidmatan itu yang:

1. telah anda berikan dalam borang ini atau melalui mana-mana hubungan lain dengan Bank (yang hendaklah merangkumi syarikat pemegangan, subsidiari dan mana-mana syarikat bersekutunya, termasuk mana-mana syarikat hasil daripada apa-apa penyusunan semula, percantuman, penjualan atau pemerolehan), atau
2. telah diperoleh daripada analisis pembayaran oleh anda dan transaksi/perkhidmatan lain dalam Bank, atau
3. telah diperoleh daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon/pemegang akaun bersama, penjamin, wakil sah, persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak berkuasa kerajaan/pengawalseliaan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit, peruncit, rangkaian sosial dan agensi pencegahan penipuan atau organisasi lain
4. telah diperoleh daripada rakaman Televisyen Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami termasuk cawangan yang bertempat di dalam atau di luar Malaysia
5. telah diperoleh daripada tuntutan insurans/takaful atau dokumen lain; dan/atau
6. telah diberikan dan/atau dikumpul apabila anda melawati laman web Bank dan/atau memuat turun aplikasi peranti mudah alih Bank yang mungkin merangkumi alamat IP peranti anda atau daripada data yang dikumpul melalui kuki.

Anda, secara nyata, dengan ini bersetuju, akur dengan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan anda, urusan anda dan/atau mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk anda, kepada:

1. pihak ketiga seperti pemberi perkhidmatan, peniaga dan rakan strategik, kakitangan kontrak untuk perkhidmatan (CFS), juruaudit, penasihat undang-undang, vendor termasuk agensi pemungutan hutang, penasihat profesional, persatuan berkaitan industri/kewangan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen dan/atau pekerjanya, dan/atau orang, sama ada bertempat di dalam atau di luar Malaysia, jika berkenaan, pada setiap masa tertakluk pada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, standard, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai bagi Bank.
2. entiti dan/atau syarikat lain dalam kumpulan korporat Bank
3. mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan lain yang kepadanya Bank dikehendaki membuat pendedahan, atau yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, untuk mematuhi apa-apa perintah, tuntutan, permintaan atau kehendak pelaporan, atau bagi maksud litigasi atau kemungkinan litigasi yang melibatkan Bank, bila-bila dikehendaki atau diminta supaya berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
4. mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pelaksanaan transaksi atau arahan yang telah saya/kami minta dan/atau berikan kepada Bank;
5. mana-mana bakal penerima pindahan atau pemegang serah hak yang dengannya Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan novasi hak atau obligasi di bawah, atau dengan rujukan kepada, akaun itu;

bagi mana-mana dan/atau semua maksud berikut, jika berkenaan:

a. memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan produk/kemudahan kewangan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh Bank;
b. menyediakan produk dan/atau perkhidmatan ini dan memberitahu anda tentang perubahan atau perkembangan penting pada ciri-ciri;
c. mengemaskinikan dan mengurus ketepatan dan kesempurnaan rekod Bank;
d. pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan mematuhi obligasi undang-undang dan pengawalseliaan;
e. penilaian dan analisis termasuk risiko kredit, pemberian pinjaman/pembiayaan, insurans/takaful dan/atau maksud risiko lain, pemarkahan tingkah laku (*behaviour scoring*), perlombongan, pemprofilan, analisis data, usaha wajar, analisis pasaran dan produk dan/atau penyelidikan pasaran;
f. komunikasi dan memastikan kepuasan pelanggan, yang boleh merangkumi usaha menjalankan tinjauan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami, menjawab pertanyaan dan aduan dan untuk menyelesaikan pertikaian secara am;
g. menentukan amaun keterhutangan anda dan mendapat balik wang yang anda berhutang pada Bank;
h. menyenggarakan sejarah kredit anda untuk rujukan pada masa ini dan masa hadapan;
i. membolehkan pemegang serah hak Bank yang sebenar atau yang dicadangkan, atau peserta atau subpeserta Bank, untuk menilai transaksi anda yang dimaksudkan untuk menjadi subjek penyerahan hak, penyertaan atau subpenyertaan itu;
j. untuk acara korporat Bank (termasuk acara perangkaian, pelancaran produk dsb) /pertandingan, yang baginya gambar foto / imej anda boleh ditangkap dan boleh digunakan untuk terbitan Bank;
k. melindungi kepentingan Bank; atau
l. semua maksud lain yang bersampingan atau berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.

Anda memahami dan bersetuju bahawa:

1. persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat anda adalah perlu bagi penyediaan / pengendalian akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan anda untuk mematuhi kehendak kontraktual atau untuk mematuhi mana-mana kehendak undang-undang, jika, tanpa maklumat tersebut, Bank tidak akan dapat menawarkan produk/ perkhidmatan yang anda minta.
2. Jika anda telah memberi Bank maklumat peribadi sensitif (terutamanya maklumat yang merangkumi kesihatan fizikal/mental anda untuk permohonan produk/perkhidmatan insurans/takaful), anda memberikan persetujuan bagi Bank untuk memproses perkara tersebut dengan cara yang diperihalkan menurut kehendak data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan garis panduan yang terpakai, termasuk Garis Panduan BNM sebagaimana yang boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.
3. Bank boleh mengubah suai atau mengemaskinikan Pendedahan Maklumat Pelanggannya dari semasa ke semasa, yang salinannya boleh didapati pada pautan www.rhbgroup.com.
4. Anda boleh menggunakan pilihan anda berkenaan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi) dengan mengunjungi cawangan atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB (03-9206 8118).

viii. Dengan menggunakan atau menerima Perkhidmatan ini, anda mengesahkan dan bersetuju bahawa:
a. tanpa menjejaskan terma dan syarat yang menguasai hubungan antara Kumpulan Perbankan RHB dan anda, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca Terma dan Syarat berkaitan dengan FATCA dan CRS and memahami sepenuhnya implikasi Terma dan Syarat ini yang anda bersetuju untuk terikat secara tidak boleh batal;
b. sebarang perjanjian, pengecualian, perwakilan dan/atau pengesahan yang diberikan dalam, atau yang akan diberikan menurut, Terma dan Syarat ini tidak boleh dibatalkan;
c. adalah tanggungjawab anda untuk mendapatkan nasihat profesional bebas dari penasihat undang-undang atau cukai yang berkelayakan mengenai tanggungjawab anda di bawah dan akibat dari Terma dan Syarat ini. Kumpulan Perbankan RHB tidak memberikan nasihat cukai atau undang-undang dan tidak dapat memberi nasihat kepada anda mengenai cukai pendapatan persekutuan Amerika Syarikat atau akibat cukai lain dalam keadaan tertentu anda;
d. sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan di antara mana-mana kandungan Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat lain yang menguasai hubungan anda dengan kami, Terma dan Syarat ini yang berkaitan dengan FATCA dan CRS adalah terpakai.

ix. Dengan menerima Terma-terma & Syarat-syarat ini, saya/kami memberi jaminan kepada RHB bahawa:
a. Saya/kami akan mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-sogokan, seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 beserta kesemua undang-undang dan

peraturan lain berkaitan anti-rasuah dan anti-sogokan seperti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;

b. Saya/kami telah membaca dan memahami RHB Banking Group's Anti-Bribery & Corruption Policy (tersedia di laman web www.rhbgroup.com) dan mengesahkan pendirian sifar toleransi RHB terhadap rasuah;

c. Saya/kami akan memastikan semua urusan perniagaan yang dijalankan dengan Kumpulan Perbankan RHB akan dijalankan dengan penuh integriti;

d. Sekiranya saya/kami mengetahui atau mengesyaki sebarang tawaran atau permintaan berbaur suapan atau rasuah seperti pembayaran, hadiah atau pemindahan nilai lain sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pihak berkaitan yang akan melanggar mana-mana undang-undang anti-rasuah atau anti-sogokan atau peraturan lain yang berkaitan, saya/kami akan segera mendedahkan aktiviti tersebut kepada RHB melalui saluran saluran permberian maklumat utama Kumpulan RHB, speakup@rhbgroup.com. Saya/kami mengesahkan bahawa semua urusan pemberian maklumat akan diuruskan mengikut RHB's Group Whistleblowing Policy (tersedia di www.rhbgroup.com).

Untuk sebarang maklumat tambahan oleh RHB mengenai amalan anti-sogokan dan rasuah, anda boleh menghubungi bahagian Group Integrity & Governance melalui integrity.governance@rhbgroup.com.

28.2 Akaun Semasa

i. Anda mengizinkan untuk dan membenarkan kami membayar semua cek yang dikeluarkan atas akaun semasa anda dan untuk mendebitkan Akaun anda sama ada dalam kredit atau selainnya. Sekiranya anda adalah sebuah syarikat, pembayaran bagi cek hendaklah menurut resolusi lembaga pengarah yang diberikan kepada kami. Dipersetujui bahawa dengan ketiadaan apa-apa pengaturan khusus, kami tidak terikat untuk menerima apa-apa cek apabila Akaun tidak mencukupi dalam kredit.

ii. Anda mengizinkan untuk dan membenarkan kami untuk tidak melayan dan mengembalikan cek yang pada pendapat munasabah kami, mempunyai apa-apa bentuk pengubahan (sama ada ditandatangani balas oleh pengeluar atau selainnya).

28.3 Akaun Bersama/Perkongsian

i. Anda mengizinkan untuk dan membenarkan kami untuk membolehkan operasi Akaun sebagaimana ditunjukkan pada kad tandatangan spesimen.

ii. Anda mengizinkan untuk dan membenarkan kami meletakkan semua amaun daripada cek dan instrumen lain yang diterima yang memihak kepada semua atau kedua-dua atau mana-mana daripada anda (mengikut mana-mana yang berkaitan) terhadap kredit Akaun bersama anda. Walau bagaimanapun, kami berhak menolak pada bila-bila masa dan atas apa-apa sebab sekalipun apa-apa cek atau instrumen yang diterima.

iii. Sekiranya berlaku kematian mana-mana Pemegang Akaun, sila rujuk Fasal 3 di atas.

28.4 Perisytiharan

i. Anda mengisytiharkan bahawa anda bukan seorang bankrap yang tidak dilepaskan.

ii. Anda mengaku janji untuk melakukan yang berikut bagi membolehkan kami mematuhi AMLA dan keperluan pengawalseliaan/akta yang dan boleh dikenakan dari semasa ke semasa:

a. mengisytiharkan bahawa anda akan melakukan jagaan sewajarnya untuk memastikan Akaun anda tidak digunakan dalam apa-apa cara sekalipun untuk menggalakkan aktiviti penipuan dan/atau menyalahi undang-undang;

b. memberikan kepada kami semua maklumat dan dokumen yang relevan, sebagaimana dan apabila diminta; dan

c. membenarkan kami melaksanakan mana-mana yang berikut (jika berkaitan) jika kami berpandangan bahawa pengendalian Akaun menggagalkan langkah usaha wajar (atau usaha wajar yang diperkukuh, mengikut mana-mana yang berkaitan) yang kami lakukan:

i. menolak pembukaan apa-apa Akaun baharu;

ii. menutup Akaun (dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu); dan

iii. menamatkan (dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu) hubungan kontrak anda dengan kami.

iii. Anda mengakui bahawa pembukaan, pengendalian, penyenggaraan dan penutupan Akaun tertakluk pada terma dan syarat yang terpakai yang mengawal pengendalian Akaun yang relevan yang anda tandatangani untuk, undang-undang Malaysia dan peraturan lain yang terpakai, notis dan arahan daripada BNM dan mana-mana pihak berkuasa yang relevan.

iv. Anda mengisytiharkan bahawa maklumat di atas adalah lengkap, betul dan tidak mengelirukan kerana kami akan bergantung pada maklumat yang anda berikan bagi apa-apa Perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda. Anda juga mengaku janji untuk membekalkan kepada kami dengan apa-apa maklumat terkini, maklumat atau dokumen selanjutnya yang diminta dari semasa ke semasa sebaik sahaja boleh dilakukan atas permintaan kami bagi perkara yang sama.

v. Anda memperakui bahawa anda telah dimaklumkan akan kebolehinsuranan produk/Akaun, dan telah menerima, membaca dan memahami sistem insurans deposit yang diberikan oleh PIDM.

vi. IBG/ DuitNow

a. Anda memperakui bahawa sekiranya kami menerima permintaan daripada bank asal untuk pembalikan wang yang dipindahkan/dimasukkan ke dalam Akaun anda ("**Wang Yang Dipertikaikan**") melalui IBG atau DuitNow, kami boleh mendebit akaun anda DENGAN SYARAT kami terlebih dahulu memperolehi persetujuan untuk mendebit daripada anda tertakluk kepada subfasal (b) di bawah.

b. Sekiranya anda tidak memberikan persetujuan untuk mendebit atau jika anda tidak dapat dihubungi disebabkan oleh apa-apa jua sebab di dalam tempoh dua (2) Hari Perniagaan daripada tarikh kami menerima permintaan daripada bank asal untuk pembalikan Wang Yang Dipertikaikan, kami boleh (dengan notis bertulis kepada anda) meminta anda untuk memberikan bukti untuk mengesahkan pemilikan terhadap Wang Yang Dipertikaikan dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan daripada tarikh notis bertulis tersebut, yang mana sekiranya gagal, kami boleh mendebit jumlah Wang Yang Dipertikaikan daripada Akaun anda tanpa rujukan lanjut kepada anda.

c. Melainkan dan sehingga anda memberikan persetujuan anda seperti yang dinyatakan di dalam subfasal (a) atau memberikan bukti pemilikan seperti di dalam subfasal (b) di atas, anda memperakui bahawa kami berhak (dengan notis bertulis kepada anda dan apabila menerima permintaan daripada bank asal untuk pembalikan), untuk menahan Wang Yang Dipertikaikan tersebut dan/atau tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dilakukan (setakat jumlah Wang Yang Dipertikaikan) daripada Akaun anda.

d. Anda memperakui bahawa sekiranya pihak Bank menerima permintaan daripada bank asal untuk pembalikan wang penipuan / tidak disahkan yang dipindahkan/dimasukkan ke dalam Akaun anda ("Wang Yang Dipertikaikan") melalui IBG atau DuitNow, pihak Bank boleh mendebit Akaun anda atau lain-lain akaun anda di RHB, DENGAN SYARAT pihak Bank mengeluarkan notis bertulis kepada anda.

vii. Bersesuaian dengan Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (disemak semula 2002), wang dalam akaun operasi di bawah Pembaharuan Automatik akan dikategorikan sebagai Wang Tidak Dituntut sekiranya Akaun operasi tidak dikendalikan selama tujuh (7) tahun dari tarikh deposit atau tarikh transaksi terakhir yang mana yang lebih terkemudian.

29. Notis Privasi

29.1 Anda faham bahawa kami akan menggunakan, mengumpul, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi anda termasuk butir-butir pengenalan anda, maklumat latar belakang, data kewangan, pemastautin cukai dan maklumat lain yang berkaitan dengan permohonan untuk produk dan/atau Perkhidmatan yang;

a) telah anda berikan di dalam borang atau melalui sebarang perhubungan lain dengan Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, syarikat subsidiari, dan mana-mana syarikat yang berkenaan, termasuk mana-mana syarikat yang terhasil daripada penyusunan semula, penggabungan, jualan atau pengambilalihan), atau

b) diperoleh daripada analisis pembayaran anda dan urus niaga/Perkhidmatan yang lain dalam Kumpulan Perbankan RHB, atau

c) diperolehi daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon bersama/ Pemegang-pemegang Akaun, penjamin-penjamin, wakil-wakil perundangan, persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak-pihak berkuasa kerajaan/pengawal selia, biro kredit atau agensi-agensi pelaporan kredit, penjual-penjual, rangkaian sosial dan agensi-agensi pencegahan penipuan atau organisasi-organisasi lain;

untuk mana-mana dan/atau semua tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkaitan:

(i) menyediakan produk dan/atau Perkhidmatan ini dan memaklumkan anda tentang sebarang perubahan penting atau perkembangan tentang ciri-ciri produk dan/ atau Perkhidmatan tersebut;

(ii) mengemaskini dan menguruskan ketepatan rekod Kumpulan Perbankan RHB;

(iii) pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan pematuhan obligasi-obligasi perundangan dan peraturan;

(iv) penilaian dan analisis termasuk kredit, pinjaman, risiko insurans dan/ atau tujuan-tujuan risiko yang lain, pemarkahan tingkah laku, perlombongan data, pemprofilan data, analisis data, usaha wajar, analisis pasaran dan produk dan/ atau penyelidikan pasaran;

(v) perhubungan dan memastikan kepuasan pelanggan, yang mungkin termasuk menjalankan kajian-kajian meningkatkan kualiti produk-produk dan Perkhidmatan kami, membalas kepada pertanyaan dan aduan serta untuk menyelesaikan percanggahan secara umumnya;

(vi) menentukan jumlah hutang anda dan pemungutan hutang yang anda berhutang kepada kami;

(vii) mengekalkan sejarah kredit untuk rujukan semasa dan akan datang;

(viii) membolehkan pemegang serah hak RHB yang sebenar atau yang dicadangkan, atau peserta atau subpeserta RHB untuk menilai urus niaga anda yang bertujuan menjadi subjek penyerahan hak, penyertaan atau sub-penyertaan;

(ix) penjualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/ atau Perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan rakan-rakan kongsi strategik;
(x) bagi acara-acara korporat RHB (termasuk acara rangkaian, pelancaran produk dan/ atau Perkhidmatan dan lain-lain/ pertandingan dimana gambar foto/ imej anda mungkin diambil dan boleh digunakan untuk penerbitan RHB.
(xi) melindungi kepentingan Kumpulan Perbankan RHB; dan
(xii) semua tujuan sampingan atau tujuan lain yang berkaitan dengan mana-mana tujuan di atas.

29.2 Anda faham dan mengakui bahawa kami perlu memproses maklumat peribadi anda untuk Tujuan tersebut, tanpanya kami tidak akan dapat menyediakan produk/Perkhidmatan yang anda minta daripada kami dan untuk memaklumkan anda tentang sebarang perubahan penting atau perkembangan tentang produk/ Perkhidmatan tersebut.

29.3 Sekiranya anda telah memberikan kepada kami maklumat peribadi yang sensitif (khususnya maklumat tentang kesihatan fizikal/mental anda untuk permohonan bagi produk/ Perkhidmatan insurans), anda dengan ini memberikan kepada kami persetujuan nyata anda untuk memproses perkara yang sama mengikut cara yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

29.4 Anda boleh menjalankan pilihan berkenaan dengan menerima bahan-bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang dinyatakan di atas) pada bila-bila masa dengan melayari www.rhbgroup.com atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan sebagaimana diberikan dalam Bahagian G di bawah.

29.5 Anda faham bahawa kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda (atau maklumat peribadi sensitif, jika berkaitan) kepada syarikat yang lain di dalam Kumpulan Perbankan RHB, penyedia-penyedia Perkhidmatan, peniaga-peniaga dan rakan-rakan kongsi strategik, pembekal-pembekal termasuk agensi pemungutan hutang, penasihat-penasihat profesional, persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan, biro-biro kredit atau agensi-agensi pelaporan kredit dan pencegahan penipuan, agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi kewangan lain dan mana-mana ejen, pekerja, dan/atau mana-mana orang mereka, sama ada bertempat di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkaitan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai bagi kami.

29.6 Anda juga faham bahawa anda boleh meminta untuk membuat pembetulan (jika maklumat anda tidak tepat, tidak terkini, tidak lengkap dan lain-lain), akses kepada (fi yang ditetapkan mungkin dikenakan), atau untuk menghapuskan (jika anda tidak lagi mempunyai apa-apa produk/ Perkhidmatan yang sedia ada dengan Kumpulan Perbankan RHB) ke atas maklumat peribadi anda atau mengehadkan pemprosesan itu pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut melalui pos atau e-mel ke alamat sebagaimana yang diberikan di Bahagian G di bawah.

29.7 Anda mengakui bahawa Kumpulan Perbankan RHB boleh mengubahsuai atau mengemas kini Notis Privasi ini dari masa ke semasa, di mana salinannya boleh didapati di www.rhbgroup.com dan anda boleh menyalurkan apa-apa aduan atau pertanyaan yang anda mungkin ada dalam cara yang dinyatakan di atas.

PENGIKTIRAFAN DAN KEBENARAN

29.8 Dengan memberikan maklumat peribadi anda berserta tandatangan, anda mengizinkan kami memproses maklumat peribadi anda untuk mana-mana pendedahan yang diperlukan dan pemindahan maklumat peribadi anda ke luar negara kepada pihak ketiga yang berkaitan, untuk Tujuan, jika berkenaan.

29.9 Anda bersetuju dengan pendedahan dan/atau pemindahan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga yang berkaitan hasil daripada apa-apa penyusunan semula, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, dengan syarat bahawa penerima menggunakan maklumat peribadi anda untuk Tujuan tersebut sahaja.

29.10 Anda juga menyatakan dan menjamin bahawa anda telah cukup memperolehi persetujuan individu-individu pihak ketiga (contohnya keluarga, pasangan, pihak-pihak berkaitan, pemegang kad tambahan dan/atau orang yang dihubungi ketika kecemasan dan lain-lain) di mana maklumat peribadi mereka telah anda dedahkan kepada kami untuk membenarkan kami membuat pemprosesan yang sama berhubung Tujuan tersebut, jika berkenaan.

[Perenggan yang berikut hanya terpakai untuk Pelanggan RHB Investment Bank Berhad sahaja]

29.11 Anda faham bahawa RHB Investment Bank Berhad dikawal selia oleh Bursa Malaysia, dan data peribadi anda mungkin didedahkan kepada mana-mana entiti Bursa yang berkaitan (di mana akan merangkumi Bursa Malaysia Berhad, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad, atau Bursa Malaysia Derivatives Berhad, dan sebagainya (secara kolektif “Bursa Malaysia”) untuk tujuan perundangan, kawal selia dan pentadbiran, jika berkaitan.

29.12 Di mana data peribadi anda diberikan kepada Bursa Malaysia, anda faham bahawa amalan perlindungan data peribadi Bursa Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Notis Data Peribadi Bursa (yang boleh didapati di https://www.bursamalaysia.com/personal_data_notice) akan terpakai.

[Perenggan yang berikut hanya terpakai untuk penjamin-penjamin individu, jika ada]

29.13 Anda faham bahawa sebagai penjamin, kami akan memproses maklumat peribadi anda mengikut Tujuan yang dinyatakan di atas dan anda akan mempunyai hak-hak yang sama untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda sebagaimana yang dinyatakan di atas.

[Perenggan ini hanya terpakai untuk penandatangan yang diberi kuasa/orang yang boleh dihubungi bagi pelanggan korporat kami, jika ada]

29.14 Sebagai penandatangan yang diberi kuasa/orang yang boleh dihubungi daripada pelanggan korporat RHB, anda memahami bahawa maklumat peribadi pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham individu, pekerja-pekerja, penandatangan lain yang diberi kuasa, penjamin individu, penyedia keselamatan individu, pembekal-pembekal dan/ atau pihak-pihak berkaitan dan lain-lain, boleh dikumpul dan diproses oleh RHB untuk tujuan transaksi komersial antara pelanggan korporat dengan RHB.

29.15 Anda menyatakan dan menjamin bahawa anda berhak memberikan maklumat peribadi tersebut kepada kami dan/atau persetujuan yang sewajarnya telah diperolehi untuk membolehkan kami memproses maklumat peribadi tersebut untuk Tujuan tersebut.

[Perenggan ini hanya terpakai kepada ibu bapa/penjaga undang-undang/waris/wakil bagi pemegang-pemegang Akaun Junior, jika ada]

29.16 Jika anda memberikan persetujuan sebagai ibu bapa/penjaga yang sah/waris/wakil sah bagi pemohon kanak-kanak, anda faham bahawa maklumat peribadi pemohon kanak-kanak akan diproses oleh RHB untuk Tujuan yang dinyatakan di atas.

30. Usaha Wajar Pelanggan

30.1 Anda bersetuju dan memberi kuasa kepada kami, atas budi bicara kami, untuk melaksanakan usaha wajar bagi mengenal pasti dan mengetahui latar belakang anda.

30.2 Jika dikehendaki, anda akan mengeluarkan dokumen tertentu seperti perisytiharan atau menyediakan dokumen tertentu kepada kami untuk tujuan usaha wajar. Sekiranya gagal dilakukan, kami berhak menggantung, menutup atau mengehadkan penggunaan Akaun termasuk tidak membenarkan apa-apa pemindahan dana kepada pihak ketiga.

31. Pindaan Terma dan Syarat

31.1 Terma dan Syarat ini mendahului semua terma dan syarat sebelum ini yang mengawal Perkhidmatan, melainkan kami nyatakan secara khusus.

31.2 Kami berhak meminda, membekalkan, mengubah dan/atau menggantikan Terma dan Syarat ini atau memperkenalkan terma dan syarat baharu untuk produk atau Perkhidmatan baharu dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda sebelum terma dan syarat baharu berkuat kuasa.

31.3 Operasi berterusan atau ketidakpenutupan Akaun atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda selepas tarikh kuat kuasa perubahan Terma dan Syarat sedemikian akan dianggap sebagai penerimaan perubahan sedemikian tanpa keraguan anda.

31.4 Terma dan Syarat ini boleh disediakan atas permintaan daripada mana-mana cawangan kami atau daripada Laman Sesawang kami atau menerusi apa-apa saluran penghantaran sebagaimana yang kami tentukan dari semasa ke semasa.

31.5 Kami boleh menawarkan ciri, produk dan Perkhidmatan baharu atau tambahan kepada anda dan penerimaan anda akan penggunaan ciri, produk dan Perkhidmatan tambahan berkenaan akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat dan terma tambahan sebagaimana yang kami nyatakan.

31.6 Terma dan Syarat ini bersama-sama dengan penambahan seterusnya, pemadaman atau pindaan yang kami buat dari semasa ke semasa akan terpakai bagi apa-apa Akaun akan datang yang mungkin akan anda senggarakan dengan kami.

31.7 Walau bagaimanapun, dalam kes kecemasan atau bagi melindungi keselamatan Perkhidmatan yang diberikan, termasuk perkhidmatan Perbankan Telefon, Perbankan dalam Talian RHB dan/atau Perbankan Mudah Alih RHB atau dalam keadaan lain yang di luar kawalan kami, apabila kami mendapati adalah perlu untuk mengubah, mengubah suai, membuang atau menambah kepada Terma dan Syarat ini dengan notis yang mencukupi kepada anda, kami akan memberitahu anda akan perubahan sedemikian sebaik sahaja boleh dilakukan dan/atau alasan bagi perubahan sedemikian. Anda selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa akses berterusan anda dan penggunaan Terma dan Syarat ini (sebagaimana yang diubah dan diubah suai dari semasa ke semasa) akan membentuk penerimaan anda akan apa-apa perubahan, pembuangan, pengubahsuaian atau penambahan Terma dan Syarat ini.

32. Undang-undang yang Mengawal/Badan Pengawalseliaan

32.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk pada, dikawal oleh, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia atau (jika berkaitan) undang-undang yang wujud di negara yang terbabit dalam urus niaga atau penggunaan dan undang-undang, peraturan dan garis panduan BNM, ABM atau AIBIM dan badan lain yang berkaitan di bawah undang-undang yang terpakai, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Setiap produk dan Perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda akan tunduk pada undang-undang, kaedah, peraturan dan garis panduan, di mana berkenaan.

32.2 Anda akan menggunakan Perkhidmatan selaras dengan Notis Dasar Pertukaran Asing. Sekiranya berkenaan, anda mesti mendapatkan kelulusan yang relevan daripada BNM nenurut Notis Dasar Pertukaran Asing.

32.3 Ia menjadi tanggungjawab anda untuk mematuhi undang-undang Malaysia atau mana-mana negara lain yang terpakai tanpa kami dipertanggungjawabkan untuk memberitahu atau memaklumkan anda akan undang-undang sedemikian.

33. Berasingan

33.1 Mana-mana terma dan syarat dalam Terma dan Syarat ini yang tidak boleh dikuatkuasakan, tidak sah atau dilarang hendaklah tidak menjejaskan kesahan terma dan syarat yang masih ada.

34. Waris Terikat

34.1 Anda tidak boleh menyerahkan hak dan kepentingan anda dalam Akaun dan/atau Perkhidmatan tanpa kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu. Obligasi dan liabiliti anda hendaklah berterusan tanpa mengambil kira apa-apa perubahan melalui penggabungan, pembinaan semula atau selainnya dalam perlembagaan anda.

35. Notis Dasar Pertukaran Asing

35.1 Tanggungjawab / Kewajipan Pelanggan

Anda memahami bahawa di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing BNM:

a) Seperti yang diperuntukkan di bawah Dasar Pertukaran Asing (FEP) Notis 3, Bank tidak dibenarkan untuk membuat transaksi pelaburan dalam aset mata wang asing tanpa kelulusan bertulis daripada BNM jika saya/kami sebagai peminjam ringgit domestik dan jumlah pelaburan saya/kami dalam aset mata wang asing telah melebihi ambang agregat yang ditetapkan setiap tahun kalendar.

b) Pemastautin merujuk kepada:

- Warganegara Malaysia, tidak termasuk warganegara yang telah memperoleh status pemastautin tetap di negara atau wilayah di luar Malaysia dan tinggal di luar Malaysia;
- Seorang bukan warganegara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan biasanya menetap di Malaysia;
- Sebuah badan korporat yang diperbadankan atau ditubuhkan, atau didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa, di Malaysia;
- Sebuah badan yang tidak diperbadankan yang berdaftar dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia; atau
- Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri.

c) Bukan Pemastautin merujuk kepada:

- Mana-mana orang selain pemastautin;
- Cawangan luar negeri, anak syarikat, pejabat wilayah, pejabat penjualan atau pejabat perwakilan syarikat pemastautin;
- Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa*; atau
- Warganegara Malaysia yang telah memperoleh status pemastautin tetap sebuah negara atau wilayah di luar Malaysia dan tinggal di luar Malaysia.
- Semua entiti Labuan, selain daripada entiti Labuan yang menjalankan perniagaan perbankan atau perniagaan insurans atau takaful Labuan, adalah bukan pemastautin.

*Untuk mengelakkan keraguan, ini termasuk Kedutaan Malaysia, Konsulat dan Suruhanjaya Tinggi.

d) Pinjaman/Pembiayaan Ringgit domestik merujuk kepada

Sebarang pinjaman/pembiayaan dalam Ringgit yang diperoleh oleh pemastautin daripada pemastautin lain (termasuk individu, syarikat dan institusi kewangan) dalam bentuk kemudahan kredit, kemudahan pembiayaan, saham keutamaan boleh tebus, saham keutamaan yang boleh tebus secara Islamik, bon korporat atau sukuk selain daripada:

- Terma kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk semua jenis barang atau perkhidmatan;
- Had kredit yang diagihkan oleh bank tempatan berlesen untuk pelanggannya menjalankan transaksi Asas Hadapan, tidak termasuk transaksi yang melibatkan pertukaran atau pertukaran hutang Ringgit atau mata wang asing dengan hutang mata wang asing lain atau pertukaran hutang mata wang asing dengan hutang Ringgit;
- Jaminan kewangan atau jaminan bukan kewangan;
- Kemudahan pajakan operasi;
- Kemudahan pemfaktoran tanpa perlindungan;
- Kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperoleh oleh individu pemastautin dari pemastautin untuk membeli satu harta tanah kediaman dan satu kenderaan;
- Kemudahan kad kredit atau kad caj yang diperoleh oleh individu pemastautin dari pemastautin dan digunakan untuk pembayaran barangan atau perkhidmatan runcit sahaja.

'Pinjaman/pembiayaan Ringgit domestik' di atas juga tidak termasuk pinjaman / pembiayaan dalam Ringgit entiti pemastautin dari entiti pemastautin lain dalam kumpulan entiti dengan hubungan anak syarikat, pinjaman / pembiayaan yang diperoleh dari pemegang saham langsung, dan kemudahan apa pun termasuk kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang hanya digunakan untuk pelbagai perbelanjaan atau perbelanjaan pekerja sahaja.

Individu pemastautin, hak milik tunggal atau perkongsian umum dengan pinjaman/pembiayaan Ringgit Domestik dibenarkan untuk melabur dalam aset mata wang asing sehingga RM1 juta setara setiap tahun kalendar, dan entiti pemastautin dengan pinjaman/pembiayaan Ringgit Domestik dibenarkan untuk melabur dalam aset mata wang asing hingga RM50 juta setara setiap tahun kalendar, menggunakan dana yang diperoleh daripada agregat:

I. penukaran Ringgit menjadi mata wang asing;
II. perdagangan akaun mata wang asing;
III. pinjaman/pembiayaan dalam mata wang asing dari bank tempatan berlesen untuk tujuan selain pelaburan langsung di luar negara; dan
IV. pertukaran aset kewangan denominasi Ringgit di Malaysia untuk aset kewangan di luar Malaysia.

e) Entiti merujuk kepada:

- mana-mana syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, masyarakat, koperasi, perkongsian liabiliti terhad dan mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang, sama ada perbadanan atau tidak diperbadankan, di dalam atau di luar Malaysia; atau
- Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan lain.

Anda dengan ini berjanji seperti di bawah:

I. Hendaklah memastikan segala pembayaran, pindahan dari atau Akaun Matawang Asing (FCA) lain di bank ini atau bank yang lain adalah mematuhi segala garis panduan semasa berkaitan notis dasar dan pembaharuan Notis Dasar Pertukaran Asing dan seterusnya.
II. Hendaklah memastikan segala pertukaran Ringgit untuk pelaburan adalah mematuhi segala garis panduan semasa yang berkaitan notis dan pembaharuan Notis Dasar Pertukaran Asing dan seterusnya.
III. Hendaklah memaklumkan dan membekalkan bank deklarasi yang baharu sekiranya terdapat sebarang pertukaran dengan deklarasi sedia ada.
IV. Hendaklah mengaku menerima dan membaca terma-terma dan syarat-syarat yang tertakluk ke atas akaun semasa matawang asing di atas nama anda.

f) Terma dan Syarat Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir/ Tempatan

Entiti pemastautin dianggap mempunyai peminjaman/pembiayaan Ringgit domestik apabila entiti pemastautin lain yang mempunyai hubungan induk-subsidiari mempunyai peminjaman/pembiayaan Ringgit domestik[1].

[2]Aset mata wang asing merujuk kepada Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir dan Aset Mata Wang Asing Tempatan

[1]Aset Mata Wang Asing Luar Pesisir (sebelum ini dirujuk sebagai "Pelaburan Luar Negara)	*(a)* aset kewangan di Malaysia ditukar dengan aset kewangan di dalam Entiti Labuan atau di luar Malaysia; (b) peminjaman/pembiayaan mata wang asing yang diberikan kepada Bukan Pemastautin; (c) modal kerja yang timbul daripada penubuhan sebarang pengaturan perniagaan di luar Malaysia (termasuk projek usaha sama di mana tiada Entiti diwujudkan atau ditubuhkan); (d) deposit dalam akaun mata wang asing yang dikekalkan dengan Entiti Labuan atau di luar Malaysia tidak termasuk jumlah deposit yang munasabah untuk pendidikan, pekerjaan atau penghijrahan ke luar Malaysia; (e) denominasi mata wang asing (i) aset (ketara atau tidak ketara) yang ditawarkan oleh Bukan Pemastautin atau mana-mana orang yang pemastautinnya tidak dapat ditentukan; (ii) aset (ketara atau tidak ketara) di dalam atau diselenggara dengan Entiti Labuan, atau di luar Malaysia (iii) instrumen kewangan atau instrumen kewangan Islam (tidak termasuk kadar pertukaran derivatif) tanpa komitmen teguh yang ditawarkan untuk pertukaran tertentu di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671) di luar Malaysia yang dijalankan oleh Pemastautin melalui Pemastatin broker dagangan pasaran hadapan; atau (iv) instrumen kewangan atau instrumen kewangan Islam (tidak termasuk kadar pertukaran derivatif) tanpa komitmen tegas yang dikeluarkan atau ditawarkan oleh Bukan Pemastautin.
[2]Aset Mata Wang Asing Tempatan merujuk kepada:	(a) sekuriti berdenominasi mata wang asing atau sekuriti Islam yang ditawarkan di Malaysia oleh Pemastautin sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Bank; (b) instrumen kewangan berdenominasi mata wang asing atau instrumen kewangan Islam yang ditawarkan di Malaysia oleh Pemastautin sebagaimana diluluskan secara bertulis oleh Bank tidak termasuk transaksi derivatif atau derivatif Islam yang dibuat dengan komitmen yang kukuh; (c) deposit di dalam akaun pelaburan mata wang asing dengan bank tempatan berlesen atau institusi kewangan yang diluluskan seperti yang dinyatakan dalam Notis 3 Notis Dasar Pertukaran Asing; atau (d) sebarang instrumen yang ditawarkan oleh bank tempatan berlesen dengan penghantaran mata wang asing pada tempoh matang.

G. PERTANYAAN

Kami menghargai maklum balas anda dan mempunyai sasaran untuk menyediakan pengalaman pelanggan yang kukuh. Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan atau memerlukan bantuan selanjutnya berkaitan Perkhidmatan, Perbankan Telefon atau Perbankan dalam Talian RHB dan Perbankan Mudah Alih RHB, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami, datang ke mana-mana cawangan kami atau layari Laman Sesawang kami di www.rhbgroup.com.

Pengurus
Kumpulan Perbankan RHB
Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 4, Crystal Plaza, No. 4, Jalan 51a/223, Seksyen 51a,
41600, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Nombor telefon: 03 9206 8118
E-mel: customer.service@rhbgroup.com

Anda mungkin dikehendaki mendedahkan semua maklumat yang relevan berkaitan pertanyaan, aduan atau pertikaian, termasuk nama anda, nombor Akaun yang relevan, butir pertanyaan atau aduan, amaun yang terlibat dalam pertanyaan atau aduan, sebagaimana yang relevan.

Sekiranya apa-apa komunikasi melibatkan maklumat rahsia anda berkaitan dengan Akaun atau urus niaga yang dibuat berkaitan pertanyaan atau aduan, kami menggalakkan komunikasi menerusi pesanan selamat.

Sekiranya anda terus meluaskan komunikasi berkaitan maklumat sedemikian menerusi pesanan tak selamat, anda bersetuju untuk dan mengaku janji bahawa semua risiko yang sedia wujud berkaitan dengan cara komunikasi sedemikian dan tidak akan, pada bila-bila masa, memegang kami sebagai bertanggungjawab terhadap keselamatan maklumat sedemikian atau apa-apa kehilangan berkaitan dengannya.

Aduan dan pertanyaan anda akan disiasat dan dilayan. Anda akan dimaklumkan hasil penyiasatan atau jawapan terhadap pertanyaan dalam masa sepuluh (10) Hari Perniagaan selepas penerimaan pertanyaan atau aduan sedemikian.

Sekiranya lebih masa diperlukan untuk menjalankan penyiasatan, tempoh yang dinyatakan dalam Fasal di atas akan dilanjutkan ke tempoh yang munasabah sebagaimana diperlukan yang tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh pertanyaan atau aduan sedemikian diterima. Anda akan dimaklumkan secara bertulis menerusi pesanan selamat atas alasan untuk kelewatan dan keperluan masa tambahan untuk menyelesaikan aduan tersebut.

Jika anda tidak berpuas hati dengan hasil penyiasatan atau aduan, anda boleh merayu terhadap hasil sedemikian dengan merujukkan aduan kepada BNM atau *Ombudsman for Financial Services* (OFS).

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

BNMLINK atau TELELINK: 1-300-88-5465
OFS: 03-2272 2811

PART B : TERMA DAN SYARAT KHUSUS

Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Perkhidmatan yang RHB Bank Berhad tawarkan kepada anda.

Bahagian D Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Perkhidmatan yang RHB Islamic Bank Berhad tawarkan kepada anda. Rujukan kepada "Bank" di Bahagian D merujuk kepada RHB Islamic Bank Berhad.

A. *AKAUN*

1. Akaun Semasa

Cek dan Buku Cek

1.1 Anda hendaklah pada setiap masa hanya menggunakan cek yang dibekalkan oleh kami untuk digunakan dengan apa-apa akaun semasa RHB.

1.2 Anda mengaku janji untuk memastikan keselamatan semua cek pada setiap masa dan untuk membuat laporan polis dengan segera dan memaklumkan kami secara bertulis berkenaan kehilangan cek dan sekiranya gagal berbuat demikian, kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada kehilangan cek yang berlaku dengan apa-apa cara pun.

1.3 Anda hendaklah memastikan bahawa dana yang ada dalam akaun semasa anda adalah mencukupi pada setiap masa bagi pembayaran cek yang dikeluarkan.

1.4 Kami berhak menolak untuk melunaskan cek yang mana tandatangan pemegang akaun berbeza daripada spesimen tandatangan yang diberikan atau cek yang tidak ditunaikan menurut cara yang boleh diterima oleh kami.

1.5 Apa jua perubahan tidak boleh dibuat pada cek. Kami berhak untuk tidak melunaskan dan kemudiannya memulangkan cek yang menurut pendapat kami telah diubah (sama ada ditandatangani balas oleh penyuruh bayar atau selainnya). Kami juga berhak untuk tidak melunaskan apa-apa cek yang cacat atau mempunyai kesilapan teknikal termasuk cek lewat tarikh, cek yang tidak konsisten perkataan dan angkanya atau yang mempunyai tulisan tangan yang tidak dapat dibaca.

1.6 Kami akan melaksanakan apa-apa arahan yang membatalkan pembayaran cek hanya apabila surat arahan ditandatangani oleh anda diterima oleh kami. Kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kegagalan anda untuk memaklumkan kami.

1.7 Semua cek, termasuk semua cek yang tidak digunakan, adalah tetap hak milik kami. Apabila akaun semasa ditutup, sama ada oleh anda atau kami, semua buku/helaian cek yang belum digunakan yang dikeluarkan kepada anda berkenaan dengan akaun semasa hendaklah dikembalikan kepada kami.

1.8 Cek hendaklah tertakluk kepada semua kaedah, peraturan, dasar dan garis panduan yang terpakai termasuk garis panduan BNM tentang Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS).

Mengeluarkan terlebih Wang

1.9 Pengeluaran terlebih wang tidak dibenarkan melainkan anda mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada kami.

1.10 Faedah ke atas pengeluaran terlebih wang bagi akaun semasa hendaklah dikira berdasarkan baki debit harian pada kadar yang ditetapkan dan dimaklumkan secara bertulis oleh kami.

1.11 Faedah ke atas pengeluaran terlebih wang bagi akaun semasa hendaklah didebitkan kepada akaun semasa secara bulanan atau pada selang masa seperti yang ditetapkan dan dimaklumkan secara bertulis oleh kami.

Cek Tidak Laku

1.12 Kami berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan oleh anda sekiranya dana dalam akaun semasa anda tidak mencukupi bagi pembayaran cek dan jika terdapat kesilapan teknikal yang lain (contohnya, kesilapan tulisan tangan atau kesalahan tipografi).

1.13 Kami berhak untuk menutup atau mengenakan sekatan/syarat dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda, ke atas semua atau mana-mana akaun semasa anda dengan kami, jika ia tidak dijalankan dengan memuaskan atau telah disenaraikan dalam sistem pemantauan cek tidak laku oleh Bank.

Penyata Akaun

1.14 Penyata akaun semasa akan dikeluarkan kepada anda pada setiap bulan kecuali untuk Pemegang *MaxCash Account*.

MaxCash Account

1.15 Kami boleh mengenakan sekatan pengeluaran wang, seperti sekatan terhadap berapa kali pengeluaran wang secara percuma yang boleh dibuat dalam satu bulan kalendar dan/atau mengenakan caj perkhidmatan ke atas apa-apa pengeluaran wang yang dibuat melebihi sekatan itu.

1.16 Kami berhak, mengikut budi bicara kami, mengubah syarat bagi kelayakan faedah dan sekatan pengeluaran wang dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda menurut Fasal 31 dalam Terma dan Syarat Umum.

1.17 Penyata akaun semasa akan dikeluarkan kepada Pemegang *MaxCash Account* pada setiap suku tahunan.

Semua akaun semasa dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

RHB *Smart Account*

KELAYAKAN

1.18 RHB *Smart Account* dibuka untuk kedua-dua individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dalam satu nama sahaja ("**Pemegang RHB *Smart Account***"). Akaun bersama tidak dibenarkan untuk RHB *Smart Account*.

1.19 Pemilik Tunggal, Perkongsian, Pengamal Profesional, Kelab, Persatuan, Pertubuhan, Sekolah, Syarikat, Organisasi Bukan Kerajaan dan entiti perniagaan yang lain tidak layak membuka atau mengendalikan RHB *Smart Account*.

1.20 Untuk membuka RHB *Smart Account*, Pemegang RHB *Smart Account* dikehendaki memberikan alamat e-mel dan nombor telefon mudah alih yang sah untuk didaftarkan dengan Perbankan dalam Talian RHB.

1.21 Setiap pelanggan yang layak dibenarkan membuka hanya satu (1) akaun, sama ada Islamik atau konvensional.

CIRI DAN SYARAT RHB *SMART ACCOUNT*

1.22 Deposit awal yang minimum untuk membuka RHB *Smart Account* ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000).

1.23 Tiada pencadang diperlukan untuk membuka RHB *Smart Account*, kecuali untuk "*external account*" (iaitu Ringgit akaun yang dibuka oleh Bukan Pemastautin) yang membuat permohonan untuk buku cek.

1.24 Kemudahan buku cek disediakan atas permintaan. Terma dan syarat umum yang terpakai bersama-sama dengan fi dan caj akan dikenakan bagi kemudahan tersebut.

1.25 Kemudahan overdraf tidak disediakan untuk RHB *Smart Account* ini.

1.26 Pemegang RHB *Smart Account* hendaklah mengekalkan baki akaun harian minimum sebanyak RM1,000 bagi layak untuk memperoleh kadar faedah asas.

1.27 Pemegang RHB *Smart Account* akan memperoleh Kadar Faedah Asas, yang dikira berdasarkan baki akaun harian. Kadar Faedah Asas yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam RHB *Smart Account* pada hari terakhir setiap bulan.

KADAR FAEDAH BONUS

Pemegang RHB *Smart Account* yang memenuhi keperluan di bawah dalam sebulan kalendar layak mendapat kadar faedah bonus:

1.28 Baki Purata Bulanan ("**BPB**")* minimum mestilah RM1,000.

1.29 *BPB ditakrifkan sebagai jumlah baki kredit akaun harian di penghujung hari untuk bulan/jumlah hari dalam kalendar bulan tersebut.

1.30 Untuk menikmati kadar faedah bonus bagi **"BAYAR", "BELANJA**" & **"LABUR"**, Pemegang RHB *Smart Account* mesti memenuhi keperluan untuk "**SIMPAN**" dahulu sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 1.

1.31 Kadar Faedah Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam RHB *Smart Account* pada hari kelima belas (15) bulan kalendar pada bulan berikutnya.

Jadual 1

KATEGORI	**KRITERIA KADAR BONUS	KEPERLUAN
i. SIMPAN	Kadar bonus dikenakan atas akaun dengan BPB minimum RM1,000 sehingga RM100,000	Deposit minimum ialah RM2,000 dalam sebulan. Sila rujuk ***Fasal 1.33*** di bawah.
ii. BAYAR		Pembayaran bil minimum 3 kali secara dalam talian/melalui perbankan mudah alih dalam sebulan. Sila rujuk ***Fasal 1.34*** di bawah.

KATEGORI	**KRITERIA KADAR BONUS	KEPERLUAN
iii. BELANJA		Perbelanjaan terkumpul sebanyak RM1,000 ke atas Kad Debit/-i atau Kad Kredit/-i RHB dalam sebulan. Sila rujuk ***Fasal 1.35*** di bawah.
iv. LABUR	Kadar bonus (kadar samarata) diberikan ke atas nilai pelaburan bersih	Pembelian produk kewangan RHB yang layak dengan jumlah minimum RM1,000. Sila rujuk ***Fasal 1.39*** di bawah.

**Sila merujuk kepada www.rhbgroup.com untuk kaedah faedah asas dan kadar faedah bonus setahun

1.32 Berhubung dengan syarat yang ditetapkan dalam Jadual 1 untuk kategori **"SIMPAN":**

1.32.1 **"SIMPAN"** bermaksud jumlah simpanan baharu dalam RHB *Smart Account* yang dipegang oleh Pemegang RHB *Smart Account*. **"SIMPAN"** dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

SIMPAN (JADUAL A) **(Urus niaga di bawah dimasukkan untuk Kadar Bonus)**		**URUS NIAGA BUKAN SIMPANAN (JADUAL B)** **(urus niaga di bawah terkecuali daripada Kadar Bonus)**
i) Deposit Tunai ii) Deposit Tunai Pos iii) Pemindahan Kredit iv) Kredit Deposit Berjangka v) Kredit Perintah Juruwang vi) Kredit Draf Permintaan vii) Kredit Pemindahan Telegrafi/ RENTAS/ IBG viii) Pembiayaan Peribadi /Kewangan Segera ix) Kredit Auto RHB	x) Kredit Pembayaran MARA xi) Kredit Pembayaran KWSP xii) Deposit Kiriman Wang /Pesanan Pembelian xiii) REFLEX- Kredit Pemindahan Dana xiv) REFLEX-Kredit Pembayaran Gaji xv) REFLEX- Kredit Auto xvi) Kredit MCA/-i xvii) Kredit Pendahuluan Tunai IBK xviii) Kredit ATM IBFT di RHB xix) Kredit ATM IBFT di MEPS xx) DuitNow	i) Pemindahan Dana dalam akaun semasa / simpanan/-i RHB ii) Deposit Cek

1.33 Berkaitan dengan keperluan yang ditetapkan dalam Jadual 1 untuk kategori "**BAYAR**":

1.33.1 "**BAYAR**" membawa maksud pembayaran yang dibuat daripada RHB *Smart Account* yang dipegang oleh Pemegang RHB *Smart Account* melalui Perbankan dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB untuk membayar bil utiliti atau bil lain di bawah organisasi pengebilan yang mengambil bahagian. "**Bayar**" dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

BAYAR (JADUAL A) **(urus niaga di bawah dimasukkan untuk Kadar Bonus)**	**BAYAR (JADUAL B)** **(urus niaga di bawah terkecuali daripada Kadar Bonus)**
Pembayaran bil di bawah Pengebil Lain dan JomPay yang dibuat kepada organisasi pengebilan melalui Perbankan dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB	i) Pembayaran kepada mana-mana Kad Kredit/-i RHB ii) Pembayaran kepada mana-mana Pinjaman/Pembiayaan RHB iii) Pembayaran melalui FPX

1.33.2 Pembayaran yang dibuat dengan mendebit dari RHB *Smart Account* yang dipegang oleh Pemegang RHB *Smart Account* melalui arahan tetap/pembayaran bil berulang termasuk untuk Kadar Bonus.

1.34 Berhubung dengan syarat yang ditetapkan di dalam Jadual 1 untuk kategori "**BELANJA**":

1.34.1 "**BELANJA**" bermaksud jumlah perbelanjaan runcit Pemegang RHB *Smart Account.* "Belanja" dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

PERBELANJAAN RUNCIT (JADUAL A) (Urus niaga di bawah dimasukkan untuk Kadar Bonus)	**PERBELANJAAN RUNCIT (JADUAL B) (urus niaga di bawah terkecuali daripada Kadar Bonus)**	
i) Pembelian runcit di dalam negara dan di luar negara ii) BELANJA melalui JomPAY	i) Pelan Pembayaran Mudah (EPP) ii) Pemindahan Baki (BT) iii) *Cash Access* iv) Baki Kad Kredit/-i yang Belum Dijelaskan v) Caj Kewangan vi) Fi Tahunan vii) Caj Pembayaran Lewat	viii) Urus Niaga Balikan ix) Urus Niaga yang Dipertikaikan x) Urus Niaga Kad/-i Bersifat Penipuan xi) Fi Penggantian Kad/-i xii) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) *xiii) Dial-An-Instalment* xiv) Fi dan Caj lain

1.35 Semua jumlah urus niaga runcit yang dicajkan ke atas dan dimasukkan dalam perbelanjaan prinsipal dan tambahan (jika berkenaan) Kad Kredit dan/atau Kad Debit Pemegang RHB *Smart Account* dalam bulan kalendar akan dikumpulkan untuk pengiraan jumlah keseluruhan yang dicajkan.

1.36 Bagi Kad Debit sedia ada atau baharu, kad tersebut perlu ditandakan sebagai RHB *Smart Account* utama bagi melayakkannya mendapat kadar faedah bonus di bawah kategori "**BELANJA**".

1.36.1 Pelbagai kad di bawah profil pelanggan yang sama boleh digunakan bagi mendapat jumlah perbelanjaan terkumpul. Walau bagaimanapun, untuk melayakkan perbelanjaan runcit Kad Debit, RHB *Smart Account* mesti ditandakan sebagai akaun utama bagi Kad Debit yang berkaitan.

1.36.2 "BELANJA" yang dibuat melalui JomPAY menggunakan Kad Kredit RHB dan/atau Kad Debit Pemegang RHB *Smart Account* melalui arahan tetap/pembayaran bil berulang **termasuk** untuk Kadar Bonus.

1.36.3 Semua perbelanjaan runcit dengan tarikh dicatatkan dalam bulan kalendar yang sama akan dikumpulkan untuk pengiraan. Apa-apa jumlah urus niaga runcit yang tidak dicatatkan tidak akan dikira. Kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam transmisi atau pencatatan apa-apa urus niaga runcit. Rekod kami bagi tarikh pencatatan apa-apa urus niaga runcit adalah mutakhir, muktamad dan mengikat.

1.36.4 Jika berlaku urus niaga yang tidak sah atau dibalikkan (pembatalan perbelanjaan), pengiraan faedah bonus bagi bulan kalendar akan menggunakan jumlah perbelanjaan bersih selepas ditolak jumlah yang tidak sah. Misalnya, jika seorang Pemegang RHB *Smart Account* berbelanja RM2,000 pada 5 Ogos 2020 menggunakan Kad Kredit RHB-nya, seterusnya berlaku urus niaga yang tidak sah berjumlah RM500 dalam Kad Kredit RHB-nya tersebut pada 15 Ogos 2020, pengiraan faedah bonus bagi bulan Ogos 2020 akan dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan bersih sebanyak RM1,500.

1.36.5 Jumlah yang berikut yang terhasil menerusi penggunaan Kad Kredit dan/atau Kad Debit RHB dikecualikan daripada pengiraan jumlah urus niaga runcit:

i. fi dan caj Kad Kredit dan/atau Kad Debit (misalnya fi tahunan, kewangan dan caj pembayaran lewat, dan sebagainya);
ii. pemindahan baki/Pelan Pembayaran Mudah (EPP)/*Cash Excess*;
iii. jumlah yang ditukarkan kepada Pelan Ansuran/ *Dial-An-Instalment*;
iv. urus niaga yang tidak sah, dibalikkan atau dibatalkan dalam bulan kalendar tersebut; dan
v. jumlah lain yang seumpamanya sebagaimana yang diberitahu oleh kami dari semasa ke semasa.

1.37 Jika Kad Kredit dan/atau Kad Debit RHB ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun pada 10hb bulan berikutnya, sama ada oleh Pemegang RHB *Smart Account* atau kami, maka semua jumlah yang dicajkan dan dicatatkan dalam bulan kalendar (jika ada) dibatalkan daripada pengiraan jumlah urus niaga runcit. Misalnya, jika pelanggan yang layak menamatkan Kad Kredit RHB-nya pada 7 September 2020, maka semua jumlah yang dicajkan dan dimuatkan pada Kad Kredit yang ditamatkan tersebut dari 1 Ogos 2020 hingga 31 Ogos 2020 (jika ada) dibatalkan dan tidak akan dikira.

1.38 Berkaitan dengan syarat yang dinyatakan di dalam Jadual 1 bagi kategori *"***LABUR***"*:

1.38.1 "**LABUR**" bermaksud pembelian produk kewangan RHB dengan jumlah minimum sebanyak RM1,000 yang terkumpul dalam bulan kalendar. Pembayaran faedah bonus akan dibayar berdasarkan jumlah pelaburan bersih.

1.38.2 Jumlah Pelaburan Bersih = Jumlah Keseluruhan Pelaburan – (Caj Jualan dan SST).

1.38.3 Untuk menikmati Kadar Bonus, pembelian mesti dilakukan menerusi Cawangan RHB Bank *Retail* dan atau RHB Islamic Bank.

1.38.4 Hanya jumlah pembelian yang disahkan bagi produk kewangan RHB dalam bulan kalendar yang sama akan dikumpulkan bagi pengiraan faedah bonus.
1.38.5 Faedah bonus akan hanya dibayar selepas Tempoh Bertenang (jika ada).
1.38.6 Urusniaga produk pelaburan RHB dalam denominasi Ringgit Malaysia seperti Pelaburan bukan-Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Skim Persaraan Persendirian (SPP) & dana Unit Amanah (UA) yang merangkumi dana yang diagihkan oleh RHB Bank dan RHB Islamic Bank, tidak termasuk dana ASNB-VP, dengan caj perkhidmatan minimum 4% dan ke atas adalah layak.

1.39 Kadar faedah asas dan kadar faedah bonus mungkin berubah dari semasa ke semasa dan Pemegang RHB *Smart Account* boleh mengetahui kadar terkini di laman sesawang kami di www.rhbgroup.com.

1.40 Sekiranya berlaku penutupan RHB *Smart Account* atau status RHB *Smart Account* adalah tidak aktif, Pemegang RHB *Smart Account* tidak layak mendapat apa-apa kadar faedah asas atau kadar faedah bonus bagi bulan kalendar tersebut.

1.41 Penyata Akaun Bulanan bagi RHB *Smart Account* boleh diperoleh menerusi Perbankan dalam Talian RHB.

RHB *Smart Account* dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Produk pelaburan tidak dilindungi oleh PIDM.

RHB Premier Current Account

1.42 *RHB Premier Current Account* terbuka kepada individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas ("Pemegang *RHB Premier Current Account*"). Akaun bersama dibenarkan untuk *RHB Premier Current Account*

1.43 *RHB Premier Current Account* hanya dibenarkan dibuka oleh pelanggan Premier sahaja.

1.44 Pemilikan tunggal, perkongsian, amalan profesional, kelab, persatuan, persatuan, sekolah, perbadanan, organisasi tidak menguntungkan dan entiti perniagaan lain tidak layak untuk membuka atau mengendalikan *RHB Premier Current Account*.

1.45 Deposit permulaan minimum untuk membuka *RHB Premier Current Account* ialah Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000).

1.46 Tiada pencadang diperlukan untuk membuka *RHB Premier Current Account*.

1.47 Kemudahan buku cek disediakan atas permintaan. Terma dan syarat umum yang terpakai bersama-sama dengan fi dan caj akan dikenakan bagi kemudahan tersebut.

1.48 Kemudahan overdraf terhadap kemudahan Deposit Tetap tersedia untuk *RHB Premier Current Account*.

1.49 Pemegang *RHB Premier Current Account* akan memperoleh Kadar Faedah, yang dikira berdasarkan baki akaun harian. Kadar Faedah yang diperoleh akan dikreditkan ke *RHB Premier Current Account* pada hari terakhir setiap bulan.

1.50 Kadar Faedah dikira berdasarkan konsep "split tier". "Split tier" ialah kaedah pengiraan faedah yang memisahkan baki akaun mengikut peringkat julat baki.

1.51 Kadar Faedah dikira berdasarkan (baki akaun untuk setiap julat baki) x (setiap julat Kadar Faedah) x (jumlah bilangan hari dalam sebulan/ jumlah hari dalam setahun)

1.52 *RHB Premier Current Account* dikategorikan kepada dua klasifikasi seperti di bawah: -
(i) *Tier 1*: Pelanggan Premier yang memegang *RHB Premier Current Account*
(ii) *Tier 2*: Pelanggan Bukan Premier yang memegang *RHB Premier Current Account*

1.53 Semasa pembukaan akaun *RHB Premier Current Account*, Pelanggan Premier akan dikategorikan di bawah *RHB Premier Current Account (Tier 1)*.

1.54 Jika keahlian Premier Pemegang *RHB Premier Current Account* ditamatkan, *RHB Premier Current Account* akan ditukar kepada *RHB Premier Current Account (Tier 2)* berdasarkan status pemegang akaun utama.

1.55 Penukaran *RHB Premier Current Account* antara *Tier 1* dan *Tier 2* akan ditukar pada 1hb, 9hb, 16hb dan 23hb setiap bulan sekiranya keahlian Premier ditamatkan.

1.56 Pemberitahuan melalui SMS akan dihantar pada hari akaun pelanggan ditukar antara *Tier 1* dan *Tier 2*.

1.57 Sebagai contoh, pelanggan merupakan Pemegang *RHB Premier Current Account* utama dan menamatkan keahlian Premier pada 12 September 2023. *RHB Premier Current Account* Pelanggan akan ditukar kepada *RHB Premier Current Account (Tier 2)* pada 16 September 2023. Sekiranya pelanggan dinaik taraf kepada RHB Premier semula pada 27 Januari 2024 pada tahun berikutnya, pelanggan *RHB Premier Current Account (Tier 2)* akan ditukar kepada *RHB Premier Current Account (Tier 1)* pada 1 Februari 2024.

1.58 Sila rujuk ke Bahagian E (26) AMLA di bawah Bahagian A. Terma dan Syarat Standard untuk maklumat berkaitan AMLA.

1.59 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Standard Perbankan Peribadi Bank dan Terma dan Syarat Premier untuk Perkhidmatan yang ditawarkan oleh RHB Bank Berhad di https://www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html

2. Akaun Simpanan

Buku Simpanan

2.1 Apabila buku simpanan dikeluarkan berhubung dengan akaun simpanan, anda mestilah menunjukkan buku simpanan itu apabila pengeluaran wang dibuat di mana-mana cawangan kami.

2.2 Entri dalam buku simpanan boleh dibuat sama ada dengan disahkan oleh mesin atau dimasukkan secara manual di bawah tanda tangan pegawai yang diberi kuasa oleh kami.

2.3 Butiran dalam buku simpanan bukanlah konklusif baki semasa akaun simpanan kerana deposit mungkin dibuat atau item dikenakan caj tanpa membuat apa-apa entri dalam buku simpanan.

2.4 Buku simpanan yang rosak, salah letak atau cacat boleh digantikan dengan yang baru dengan syarat adanya surat tanggung rugi yang ditandatangani dengan sempurna dan disetemkan, dan tertakluk kepada pembayaran fi perkhidmatan.

Akaun *Easy-Smart* 1

2.5 Akaun *Easy-Smart 1* dibuka untuk warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dalam satu nama sahaja.

2.6 Akaun bersama tidak dibenarkan.

2.7 Akaun *Easy-Smart* 1 bererti akaun simpanan yang dibuka dan diselenggarakan oleh RHB Bank, yang akan disambungkan terus kepada *Easy Smart Debit Card* yang ditetapkan untuk perbelanjaan *Europay MasterCard Visa* (EMV) dan *MyDebit*.

2.8 Sekiranya pemegang akaun menukar kewarganegaraan mereka kepada bukan warganegara Malaysia, Bank akan menghantar notis bertulis kepada pemegang akaun sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal memaklumkan pemegang akaun untuk menutup akaun secara peribadi di cawangan Bank.

2.9 Sekiranya pemegang akaun gagal menutup akaun dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dihantar, Bank mempunyai hak untuk menutup akaun. Untuk keseluruhan baki dalam akaun, Bank boleh mengeluarkan Draf Permintaan Tempatan dan boleh menghantar Draf Permintaan Tempatan ke alamat terakhir pemegang akaun yang diketahui yang didaftarkan dengan Bank atau melalui pemindahan dana elektronik atau kiriman wang atau dengan cara lain yang Bank anggap sesuai.

Akaun *Easy-Smart* 2

2.10 Akaun *Easy-Smart* 2 dibuka untuk warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dalam satu nama sahaja

2.11 Akaun *Easy-Smart* 2 bererti akaun simpanan yang dibuka dan diselenggarakan oleh RHB Bank, dan deposit yang mana hanya melalui ciri Simpan-Sambil-Anda-Berbelanja. Akaun ini disambungkan terus ke Akaun *Easy-Smart* 1.

2.12 Hanya transaksi debit dibenarkan. Contoh pemindahan Internet ke mana-mana akaun (RHB dan bukan RHB), pengeluaran ATM, pengeluaran dari kaunter dan pelbagai jenis pengeluaran lain. Satu-satunya transaksi deposit (kredit) yang dibenarkan ke Akaun *Easy-Smart* 2 adalah melalui ciri Simpan-Sambil-Anda-Berbelanja.

2.13 Sekiranya pemegang akaun menukar kewarganegaraan mereka kepada bukan warganegara Malaysia, Bank akan menghantar notis bertulis kepada pemegang akaun sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal memaklumkan pemegang akaun untuk menutup akaun secara peribadi di cawangan Bank.

2.14 Sekiranya pemegang akaun gagal menutup akaun dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dihantar, Bank mempunyai hak untuk menutup akaun. Untuk keseluruhan baki dalam akaun, Bank boleh mengeluarkan Draf Permintaan Tempatan dan boleh menghantar Draf Permintaan Tempatan ke alamat terakhir pemegang akaun yang diketahui yang didaftarkan dengan Bank atau melalui pemindahan dana elektronik atau kiriman wang atau dengan cara lain yang Bank anggap sesuai.

Akaun Simpanan Junior

2.15 Untuk membuka akaun simpanan junior ini, seorang daripada Pemegang Akaun hendaklah di bawah umur lapan belas (18) tahun.

2.16 Kami berhak untuk menukarkan akaun simpanan ini kepada akaun lain yang sesuai seperti mana diputuskan oleh kami dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu, jika akaun simpanan tersebut tidak lagi dipegang oleh Pemegang Akaun yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun.

2.17 Jika Pemegang Akaun minor (iaitu individu berumur dua belas (12) hingga lapan belas (18) tahun) membuka akaun simpanan junior, ibu bapa/penjaga sah harus hadir bersama ketika pembukaan akaun.

2.18 Kami berhak, mengikut budi bicara kami, mengubah syarat bagi kelayakan faedah dan sekatan pengeluaran wang dengan memberikan notis kepada Pemegang Akaun menurut Fasal 7 seperti dalam Terma dan Syarat Umum.

2.19 Pengeluaran di kaunter boleh dibuat di mana-mana cawangan kami sebanyak satu (1) kali sebulan tertakluk kepada baki Akaun sedia ada.

2.20 Had perbelanjaan harian Kad Debit dan had transaksi harian ATM ditetapkan pada RM200 sehari atau bergantung kepada nilai baki Akaun jika pengeluaran dilakukan oleh Minor (Pemegang Akaun berumur 12 – bawah 18 tahun).

2.21 Jika pengeluaran dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga sah (jenis akaun amanah / bersama (dikendalikan oleh salah seorang)), had perbelanjaan harian Kad Debit dan had transaksi harian ATM adalah mengikut dan tertakluk kepada baki Akaun sedia ada.

2.22 Perbankan dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB tidak sah untuk Minor. Ibu bapa atau penjaga sah yang membuka jenis akaun amanah / bersama (dikendalikan oleh salah seorang) dapat melihat transaksi Akaun Simpanan Junior dari Perbankan dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB mereka sendiri tetapi tidak boleh melakukan transaksi debit dari akaun tersebut.

Penyata Akaun

2.23 Penyata akaun simpanan akan dikeluarkan kepada anda pada setiap suku tahunan kecuali untuk pemegang buku simpanan.

RHB *Future Savers Account*

2.24 Ini adalah akaun simpanan berdasarkan penyata yang hanya tersedia untuk akaun bersama/amanah dengan ibu bapa/penjaga sah yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan kanak-kanak di bawah lapan belas (18) tahun.

2.25 RHB *Future Savers Account* ini berhak atas faedah asas dan faedah bonus dan berhak mendapat perlindungan insurans seperti yang dinyatakan di bawah.

A. Pengiraan faedah asas dan faedah bonus

i. **Faedah asas** dikira dengan merujuk kepada baki kredit harian dalam RHB *Future Savers Account* setiap hari mengikut kadar faedah yang ditentukan dan dimaklumkan oleh kami.

Faedah asas dikira menggunakan formula di bawah, dan akan terakru setiap hari dan dikreditkan ke RHB *Future Savers Account* pada hari terakhir bulan tersebut.

Pengiraan Faedah Asas
Jumlah baki kredit harian x Faedah asas % setahun x Jumlah hari Kalendar dalam sebulan **Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun Tersebut**

ii. **Faedah bonus** dikira dengan merujuk kepada baki hari terakhir bulan sebelumnya dalam RHB *Future Savers Account* dan tertakluk pada syarat berikut:

a. Anda layak mendapat faedah bonus hanya jika baki hari terakhir bulan semasa lebih tinggi daripada baki hari terakhir bulan sebelumnya dengan kenaikan baki minimum RM100 untuk *Future Saver 100* dan/atau RM300 untuk *Future Saver 300*.
Baki kenaikan minimum bulanan yang pada masa ini ditetapkan pada RM100 dan RM300 mungkin dipinda dari semasa ke semasa oleh kami dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda.

b. Faedah bonus dikira menggunakan formula di bawah, dan akan dikreditkan ke RHB *Future Savers Account* pada hari kalendar pertama selepas bulan semasa.

Pengiraan Faedah Bonus
Baki Hari Terakhir [Bulan N – Bulan (N – 1)] x Faedah Bonus % setahun x Jumlah hari Kalendar dalam sebulan **Jumlah Hari Sebenar untuk Tahun Tersebut**

N=Bulan Semasa

c. Sekiranya anda tidak memenuhi jumlah kenaikan minimum yang diperlukan seperti yang dinyatakan di (ii)(a) di atas, RHB *Future Savers Account* hanya akan berhak atas faedah asas untuk bulan tersebut.

Faedah bonus bulanan hanya akan terakru apabila anda memenuhi jumlah kenaikan minimum yang diperlukan seperti yang dinyatakan di (ii)(a).

d. Faedah bonus maksimum adalah RM50 sebulan.

B. Perlindungan insurans

i. Lingkungan perlindungan insurans ('**Insurans'**) percuma digambarkan dalam jadual di bawah:

Pemegang Akaun	Jenis Insurans
Ibu bapa/Penjaga Sah	Perlindungan Insurans Jangka Hayat (TL), ditaja jamin oleh Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Kanak-kanak	Perlindungan Insurans Kemalangan Diri (PA), ditaja jamin oleh RHB Insurance Berhad

a) Terma dan syarat khusus untuk insurans percuma boleh didapati atas permintaan di cawangan kami.

C.* Kelayakan insurans: Ilustrasi untuk lima (5) tahun pertama dari tarikh pembukaan RHB *Future Savers Account

i. Setiap RHB *Future Savers Account* berhak mendapat Insurans percuma dengan syarat tidak melebihi satu (1) ketinggalan kenaikan baki bulanan minimum seperti yang ditentukan dalam Fasal A (ii)(a) di atas dalam RHB *Future Savers Account* untuk setiap lima (5) tahun pertama dari pembukaan RHB *Future Savers Account* .

D. Kelayakan insurans: Ilustrasi untuk tahun keenam (6) dan seterusnya dari tarikh pembukaan RHB *Future Savers Account*

i. Dari tahun keenam (6) dan seterusnya, anda masih layak mendapat perlindungan Insurans sekiranya anda terus mengekalkan baki minimum hari terakhir bulanan RM5,000 di *Future Saver 100* dan baki minimum hari terakhir bulanan RM15,000 di *Future Saver 300*.

ii. Contohnya, jika anda tidak memenuhi baki minimum hari terakhir bulanan pada bulan Oktober 2020, perlindungan Insurans tidak lagi berkuat kuasa pada 31 Oktober 2020. Anda tidak lagi berhak mendapat perlindungan Insurans walaupun anda mengekalkan baki minimum hari terakhir bulanan pada bulan berikutnya.

Semua akaun simpanan dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3. Deposit Tetap (DT)

Peletakan Deposit

3.1 Deposit Tetap boleh diletakkan untuk tempoh dalam gandaan satu (1) bulan sehingga tempoh enam puluh (60) bulan atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan dan dimaklumkan oleh kami. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya tarikh matang tidak jatuh pada Hari Perniagaan, apa-apa arahan pembaharuan/pelupusan oleh anda akan dilakukan pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

3.2 Kami berhak dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar mengikut cara yang ditetapkan dalam Fasal 22 di Terma dan Syarat Umum untuk menetapkan amaun deposit minimum untuk membuka akaun deposit tetap.

3.3 Kesahihan dan ketersediaan apa-apa dana yang didepositkan dalam akaun deposit tetap melalui cek adalah tertakluk kepada penjelasan cek tersebut.

3.4 Anda mesti mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa yang aktif dengan kami bagi pengkreditan faedah kecuali bagi pengguna Korporat dan Komersial.

3.5 Peletakan dan pengeluaran boleh dibuat melalui Perbankan Dalam Talian RHB atau di mana-mana cawangan di seluruh negara.

Faedah

3.6 Semua deposit tetap dengan pilihan pembaharuan auto akan diperbaharui secara automatik apabila matang mengikut budi bicara Bank bagi tempoh lanjutan yang sama pada kadar faedah semasa pada masa deposit itu diperbaharui. Faedah yang terakru akan dikompaun semasa pembaharuan.

Pengeluaran Pra-Matang

3.7 Sekiranya anda mengeluarkan deposit tetap sebelum tarikh matang **sebelum** 1 Januari 2019, yang berikut akan terpakai:

a) Tiada faedah akan dibayar untuk:
   i) perletakan deposit tetap untuk tempoh satu (1), dua (2) atau (3) tiga bulan yang tidak memenuhi tempoh yang penuh.
   ii) deposit tetap jika dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
b) Faedah akan dibayar berdasarkan kepada 50% daripada kadar kontrak dan bulan yang digenapkan tertakluk kepada penggenapan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh deposit diletakkan.

Sekiranya anda mengeluarkan deposit tetap **selepas** 1 Januari 2019, yang berikut akan terpakai:

a) Tiada faedah akan dibayar untuk pengeluaran deposit tetap sebelum tamat tempoh kontrak, tanpa mengira bilangan bulan yang dilengkapkan pada masa pengeluaran pra-matang.

3.8 Bagi pengeluaran pra-matang, faedah akan dibayar menurut Fasal 3.7 di atas. Kami berhak untuk mendapat balik faedah yang dikreditkan kepada akaun yang ditetapkan daripada amaun prinsipal pada masa pengeluaran pra-matang.

3.9 Untuk peletakan yang dibuat dari pemindahan dana dari bank lain melalui FPX, pengeluaran adalah tidak dibenarkan pada tarikh peletakan melalui Perbankan dalam Talian RHB.

Pengeluaran separa Deposit Tetap

3.10 Pengeluaran separa deposit tetap sebelum tarikh matang adalah dibenarkan untuk semua deposit tetap yang baru dan yang diperbaharui melainkan jika dinyatakan dan dimaklumkan sebaliknya oleh kami. Pengeluaran separa awal dibenarkan dalam gandaan RM1,000 dan baki deposit tetap mestilah tidak kurang daripada RM5,000 melainkan jika dinyatakan dan dimaklumkan sebaliknya oleh kami.

3.11 Faedah akan dibayarkan atas amaun pengeluaran separa menurut Fasal 3.7 di atas, manakala faedah pada kadar kontrak akan terus dibayar atas baki yang masih ada dalam Deposit Tetap dengan syarat Deposit Tetap itu dikekalkan hingga tarikh matang.

Senior Fixed Deposit dan *P.A.Y.S Fixed Deposit*

3.12 Peletakan deposit mesti dibuat dalam tempoh pemegangan yang ditawarkan oleh kami. Kami berhak untuk menentukan apa-apa tempoh pemegangan lain dari semasa ke semasa.

3.13 Pembayaran faedah dibuat sebulan sekali di mana faedah dikreditkan ke dalam akaun simpanan dan akaun semasa RHB yang ditetapkan.

3.14 Pengeluaran separa awal dibenarkan dalam gandaan RM1,000 dan baki di dalam *Senior Fixed Deposit* atau *P.A.Y.S Fixed Deposit* hendaklah tidak boleh kurang daripada RM10,000 dan faedah akan dibayar menurut Fasal 3.7 di atas.

3.15 Bagi pengeluaran pra-matang, faedah akan dibayar menurut Fasal 3.7 di atas. Kami berhak untuk mendapat balik faedah yang dikreditkan kepada akaun yang ditetapkan daripada amaun prinsipal pada masa pengeluaran pra-matang.

3.16 Untuk membuka akaun *Senior Fixed Deposit,* seorang daripada Pemegang Akaun mestilah berumur sekurang-kurangnya lima puluh (50) tahun ke atas.

3.17 Peletakan dan pengeluaran boleh dibuat melalui Perbankan Dalam Talian RHB atau di mana-mana cawangan di seluruh negara.

Semua deposit tetap dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

4. *"Multi Currency Account"*

Umum

4.1 Terma dan syarat ini terpakai bagi kedua-dua akaun deposit bertempoh dan panggilan (secara kolektif dirujuk sebagai "**MCA**") yang dibuka atau akan dibuka dengan kami.

4.2 Kami berhak untuk menetapkan jenis mata wang asing yang boleh diterima dan kadar faedah bagi deposit tertakluk kepada tempoh pemegangan tertentu dan syarat yang perinciannya boleh dilihat sepenuhnya di www.rhbgroup.com.

4.3 Pembukaan MCA dengan kami akan ditakbir dengan mematuhi peruntukan Notis Dasar Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh BN) menurut FSA 2013 dan pindaannya dari semasa ke semasa.

4.4 Selaras dengan Notis Dasar Pertukaran Asing, semua akaun mata wang asing yang dikendalikan oleh Pemastautin Malaysia dengan bank tempatan berlesen di Malaysia akan ditetapkan sama ada Akaun Matawang Asing Perdagangan ("**FCA Perdagangan**") atau Akaun Matawang Asing Pelaburan ("**FCA Pelaburan**") berdasarkan tujuan pembukaan akaun. Sumber dan penggunaan dana yang diluluskan bagi

kedua-dua FCA Perdagangan dan FCA Pelaburan adalah seperti Notis Dasar Pertukaran Asing, peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh BNM.

Bagi individu, Akaun MCA-Individu (INDA) dan Akaun MCA-Pendidikan dan Pekerjaan (EDEA) diklasifikasikan sebagai FCA Pelaburan, sementara, Akaun MCA-Pelaburan Eksport Individu (INEX) diklasifikasikan sebagai FCA Perdagangan.

4.5 Operasi, sumber dan penggunaan dana dalam FCA Perdagangan and FCA Perlaburan dengan kami akan ditadbir oleh peruntukan yang berkaitan di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing, peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM dari masa ke semasa dan pindaannya ke atasnya dari semasa ke semasa.

4.6 MCA adalah akaun bukan tunai. Hasil eksport dan bukan eksport hanya boleh didepositkan melalui penukaran dari RM CASA, pindahan telegraf, draf bank asing, cek atau instrumen boleh niaga dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh kami. Hasil apa-apa Ringgit Malaysia atau cek mata wang asing lain, draf atau instrumen boleh niaga dan wang yang kena dibayar kepada Pemegang Akaun hendaklah dikreditkan kepada MCA pada kadar pertukaran yang berlaku pada tarikh pembayaran atau apa-apa kadar yang disetujui oleh anda pada tarikh pembayaran.

4.7 Tiada pengeluaran wang daripada MCA dibenarkan dalam apa-apa mata wang asing secara tunai di Malaysia.

4.8 Kami berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan berhubung dengan operasi MCA. Caj perkhidmatan yang terpakai akan dimaklumkan kepada Pemegang Akaun dari semasa ke semasa menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini. Penyata akaun akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun setiap bulan.

4.9 Kami tidak bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang berakibat daripada kiriman wang atau pindahan hasil apa-apa deposit yang ditarik balik di mana hasil sedemikian dikirim atau dipindahkan menurut arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

4.10 Melainkan arahan diterima pada tarikh peletakan deposit bertempoh atau sekurang-kurangnya dua (2) Hari Perniagaan sebelum satu deposit bertempoh matang, deposit bertempoh akan diperbaharui secara automatik apabila matang bagi satu tempoh pemegangan yang sama bagi mata wang yang sama pada kadar faedah yang berlaku pada masa deposit itu diperbaharui. Faedah yang terakru akan dikompaunkan semasa pembaharuan dibuat.

4.11 Bagi pembaharuan deposit bertempoh, kami akan menghantar satu makluman rasmi ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang didaftar dengan kami. Maklumat baru itu akan mengatasi dan menggantikan maklumat sebelumnya.

4.12 Pengeluaran wang pra-matang deposit bertempoh tidak dibenarkan melainkan di bawah keadaan berkecuali dan mengikut budi bicara kami. Di mana pengeluaran pra-matang deposit bertempoh dibenarkan oleh kami, faedah tidak akan dibayar pada deposit bertempoh tersebut.

4.13 Tiada deposit boleh diserah hak, dicajkan, disandarkan atau selainnya dibebankan oleh Pemegang Akaun dalam apa-apa cara pun kecuali dengan mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada kami.

4.14 Sekiranya pembayaran balik deposit menjadi salah di sisi undang-undang atau tertunda oleh apa-apa tindakan atau perintah kerajaan bagi mata wang yang terbabit atau negara yang deposit itu diletakkan secara alternatif, Pemegang Akaun hendaklah menerima risiko tindakan undang-undang negara asing tersebut. Kami hendaklah tidak dikenakan liabiliti disebabkan oleh apa-apa perubahan dalam undang-undang terpakai, peraturan atau perintah kerajaan, oleh negara bagi mata wang berkenaan, atau di negara yang deposit itu diletakkan.

4.15 Semua hasil mata wang asing untuk eksport barang hendaklah dikreditkan ke FCA Perdangangan sahaja.

4.16 Bagi Pemastautin dengan pinjaman domestik yang:

i. Menukar Ringgit Malaysia ke mata wang asing; atau

ii. Menggunakan dana mata wang asing dalam FCA Perdagangan,

untuk pelaburan dalam mata wang asing atau deposit ke dalam FCA Pelaburan adalah tertakluk kepada had yang dikenakan oleh BNM, iaitu sehingga RM1 juta setahun untuk akaun individu. Tiada had dikenakan untuk Pemastautin tanpa sebarang Pinjaman/Pembiayaan Ringgit Domestik. Tidak berkenaan dengan Bukan Pemastautin.

4.17 Kami berhak untuk menetapkan had komited atau had dalaman kepada MCA yang mungkin kurang daripada had yang layak menurut FSA 2013 dan Notis 3 Notis Dasar Pertukaran Asing. Ini juga terpakai kepada Akaun di mana tiada had telah dikenakan. Had komited atau had dalaman ini tertakluk kepada semakan berkala oleh kami.

4.18 Semua mata wang Thai Baht ("**THB**") dalam MCA ditakrifkan sebagai Akaun Baht Bukan Pemastautin (NRBA) untuk menampung dana THB bagi tujuan penyelesaian dalam perdagangan, perkhidmatan, pinjaman atau aktiviti pelaburan langsung di Thailand SAHAJA. MCA TIDAK menampung dana THB/penyelesaian yang tidak dalam kategori yang sama seperti Sekuriti Baht Bukan Pemastautin (NRBS).

4.19 Penukaran dana IDR dalam MCA kepada Ringgit Malaysia atau mata wang asing lain tertakluk kepada kedalaman pasaran atau ketersediaan rakan niaga.

4.20 Pemegang Akaun hendaklah memberi kami sebarang maklumat yang dikehendaki oleh kami dari semasa ke semasa berkaitan dengan Notis Dasar Pertukaran Asing.

4.21 Kami bebas pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang dari tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Akaun menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini untuk menolak selesai jumlah wang yang didepositkan atau mana-mana bahagiannya terhadap keterhutangan sedemikian di Malaysia dan luar negara, sebenar atau luar jangka, utama atau kolateral, bersesama dan berasingan walaupun keterhutangan sedemikian adalah dalam mata wang yang berbeza daripada deposit dan Bank diberi kuasa untuk menguatkuasakan apa-apa pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran yang berlaku.

4.22 Walau apa pun terma dan syarat di atas, pembukaan dan operasi MCA adalah tertakluk kepada amalan perbankan dan undang-undang Malaysia, FSA 2013, peraturan dan undang-undang ABM dan peraturan dan notis yang terpakai bagi pertukaran asing urus niaga di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing termasuk apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang dan peraturan dari semasa ke semasa.

"MCA Gold and Silver Investment" "

4.23 Membeli dan menjual pelaburan logam berharga contohnya emas dan perak mestilah dibayar dengan Ringgit Malaysia sahaja.

Pelaburan asas minimum yang diperlukan adalah seperti berikut:

Emas

i. Individu – 5 gram
ii. Perniagaan – 50 gram
iii. Pembelian minimum yang berikutnya - 1 gram dalam gandaan 1 gram

Perak

i. Individu – 300 gram
ii. Perniagaan – 1000 gram
iii. Pembelian minimum yang berikutnya - 10 gram dalam gandaan 1 gram

4.24 Anda tidak akan memperolehi sebarang faedah menerusi pelaburan logam berharga. Oleh itu, pelaburan logam berharga anda akan diletakkan dalam bentuk panggilan tanpa faedah dan tiada peletakan tempoh akan dibenarkan.

4.25 Baki pelaburan logam berharga tidak boleh dipindahkan dari satu akaun ke akaun yang lain sama ada antara cawangan RHB atau ke bank lain. Oleh itu, pemindahan telegraf tidak boleh digunakan.

4.26 Penukaran kertas komoditi kepada bentuk fizikal tidak dapat dilakukan buat masa ini.

4.27 Tiada sijil pelaburan logam berharga akan dikeluarkan. Peringkat cawangan kami akan hanya mengiktiraf urus niaga logam berharga melalui pengesahan sistem kami pada borang permohonan dan juga baki yang dinyatakan dalam penyata bulanan atau ditunjukkan dalam pertanyaan baki perbankan dalam talian.

4.28 Penukaran daripada bentuk fizikal kepada bentuk kertas dan deposit ke dalam Akaun tidak boleh dilakukan sama sekali.

4.29 Harga pembelian dan penjualan komoditi mengikut kadar logam berharga harian akan diterbitkan di www.rhbgroup.com atau mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

4.30 Kami berhak menerima atau menolak urus niaga yang pada pendapat kami boleh melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan seperti AMLA, Notis Dasar Pertukaran Asing dan sebagainya.

"Multi Currency Account" RHB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. *"MCA Gold Investment and MCA Silver Investment"* tidak dilindungi oleh PIDM.

B. *PENGURUSAN HARTA*

5. PERKHIDMATAN PELABURAN

5.1 Maklumat tentang Pelaburan dan Permintaan terhadap Pelaburan

5.1.1 Tertakluk pada peraturan dan/atau undang-undang terpakai, kami hendaklah menghantar maklumat yang relevan kepada anda.

5.1.2 Apabila anda meminta untuk menebus Pelaburan dalam apa bentuk atau cara sebagaimana yang ditetapkan dan dimaklumkan oleh kami, maka kami akan, selaku ejen kepada anda, memohon kepada UTMC yang berkenaan untuk menebus pelaburan yang diinginkan oleh anda.

5.1.3 Anda membenarkan kami untuk mendebit Akaun anda, dengan syarat Akaun anda mempunyai wang yang mencukupi bagi permohonan dan pembelian Pelaburan seperti yang dikehendaki.Sekiranya

wang dalam Akaun anda tidak mencukupi untuk permohonan dan pembelian Pelaburan seperti yang dikehendaki oleh anda, kami mempunyai budi bicara:

i. untuk tidak memohon Pelaburan yang diminta oleh anda; atau
ii. memohon untuk anda hanya amaun Pelaburan di dalam Akaun anda yang jumlahnya mencukupi.

5.1.4 Jika Akaun anda merupakan akaun overdraf, Akaun anda akan dianggap mempunyai kredit yang mencukupi setinggi had kemudahan overdraf yang diberi oleh kami kepada anda.

5.1.5 Anda mengakui bahawa UTMC yang berkaitan mempunyai budi bicara untuk menerima atau menolak apa-apa permohonan Pelaburan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dan kami tidak bertanggungjawab atau tidak dipertanggungjawabkan berkaitan apa-apa kerugian yang apa jua pun yang mungkin dialami oleh anda atau ditanggung disebabkan apa-apa kegagalan untuk membeli, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi Pelaburan yang diminta (yang tidak boleh dikaitkan dengan kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

5.1.6 Dalam meminta kami untuk memohon Pelaburan, anda mengesahkan bahawa anda telah membuat taksiran bebas sendiri atau telah bergantung kepada nasihat daripada penasihat sendiri berhubung dengan Pelaburan yang diminta itu.

5.1.7 Anda mengakui bahawa apa-apa permohonan Pelaburan yang dibuat kepada UTMC menurut permintaan Pelaburan akan dibuat atas nama RHB Capital Nominee (Tempatan) Sdn Bhd atau penama lain sebagaimana yang dinamakan oleh kami dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa untuk menjadi pemegang berdaftar bagi Pelaburan.

5.1.8 Walaupun kami akan berusaha untuk membuat permohonan Pelaburan dengan cepat dan cekap selepas menerima permintaan Pelaburan daripada anda, namun kami tidak bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa jua kerugian yang anda mungkin alami atau tanggung akibat apa-apa kegagalan kami untuk membuat permohanan dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan (melainkan kerugian berkenaan disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

5.2 Pemegangan Pelaburan

5.2.1 Semua Pelaburan yang dibeli oleh kami menurut permintaan Pelaburan yang dibuat oleh anda hendaklah dipegang oleh dan atas nama penama. Sehubungan dengan itu, anda mengakui dengan nyatanya bahawa namanya atau kepentingannya dalam mana-mana Pelaburan mungkin tidak tercatat dalam mana-mana rekod UTMC yang berkenaan.

5.2.2 Walaupun dipegang oleh dan atas nama penama, semua Pelaburan yang dibeli oleh kami menurut permintaan Pelaburan oleh anda akan ditunjukkan dalam akaun pelaburan.

5.2.3 Kami berhak, dan berhak untuk memberi kuasa kepada penama untuk melantik, tanpa kebenaran atau autoriti daripada anda, mana-mana bank, syarikat amanah atau syarikat ahli mana-mana bursa sekuriti untuk bertindak sebagai:

i. penama-kedua untuk memegang dan/atau menjadi pemilik berdaftar bagi mana-mana Pelaburan yang dibeli oleh kami selaras dengan permintaan Pelaburan oleh anda; dan/atau

ii. pentadbir untuk membantu dalam perlaksanaan apa-apa obligasi yang ditetapkan oleh Terma dan Syarat ini;

mengikut terma tersebut sebagaimana yang dianggap wajar oleh kami, atas budi bicara kami.

5.3 Penebusan Pelaburan

5.3.1 Apabila diminta oleh anda untuk menebus Pelaburan (dalam bentuk atau dengan cara sebagaimana yang ditetapkan dan dimaklumkan oleh kami), maka kami akan, selaku ejen kepada anda, memohon kepada UTMC yang berkenaan untuk menebus pelaburan yang diinginkan oleh anda.

5.3.2 Setelah menerima hasil penebusan atau pembayaran dividen daripada UTMC yang berkenaan, kami akan mengkreditkan hasil atau dividen tersebut ke dalam Akaun. Sekiranya kami gagal mengkreditkan hasil atau dividen tersebut ke dalam Akaun seperti yang diarahkan oleh anda atas apa jua sebab, kami berhak mengkreditkan hasil atau dividen tersebut ke dalam Akaun lain yang dimiliki oleh pemegang akaun pelaburan di bawah parti yang sama tanpa notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

5.3.3 Walaupun kami akan berusaha melakukan yang terbaik untuk mempercepatkan permohonan untuk penebusan Pelaburan berikutan permintaan daripada anda, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang anda mungkin alami atau tanggung akibat daripada sebarang kegagalan oleh kami untuk membuat permohanan dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan (melainkan kerugian berkenaan disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

5.3.4 Anda mengakui bahawa hasil penebusan dibayar kepada kami oleh UTMC yang berkenaan dan kami tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang anda mungkin alami atau tanggung akibat kegagalan oleh UTMC yang berkenaan untuk membayar hasil penebusan kepada

kami dalam mana-mana tempoh masa tertentu (melainkan kerugian berkenaan disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

5.4 Jualan atau Permindahan Pelaburan

5.4.1 Tertakluk kepada apa-apa perubahan, peraturan dan/atau prosedur yang boleh dikenakan dan dimaklumkan oleh kami dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa, anda berhak untuk memohon supaya sebarang Pelaburan yang diminta oleh anda dan dibelikan untuk anda oleh kami dipindahkan ke akaun pelanggan lain Bank.

5.5 Pertukaran Pelaburan

5.5.1 Tertakluk kepada dasar sebagaimana yang digunakan oleh kami dari semasa ke semasa (jika ada) berhubung dengan Pelaburan yang berkaitan, anda boleh meminta pertukaran Pelaburan dalam bentuk atau dengan cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan dan dimaklumkan oleh kami.

5.5.2 Pertukaran, jika dibenarkan di bawah dasar yang diamalkan, akan hanya melibatkan Pelaburan yang diedarkan oleh kami sahaja.

5.5.3 Kami berhak untuk mengenakan yuran pertukaran untuk sebarang pertukaran yang dilakukan atas permintaan anda.

5.5.4 Anda mengakui bahawa kami tidak menawarkan pertukaran antara kelas mata wang yang berlainan.

5.6 Pendapatan daripada Pelaburan

5.6.1 Apabila menerima apa-apa pendapatan, pengagihan, bayaran dividen atau bayaran lain berhubung dengan Pelaburan yang dipegang dalam akaun pelaburan, kami akan, melainkan sebaliknya diarahkan secara bertulis oleh anda, melaburkan semula pendapatan, pengagihan, bayaran dividen atau bayaran lain tersebut untuk membeli Pelaburan yang sama dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan tersebut.

5.7 Urus Niaga dan Rekod Urus Niaga

5.7.1 Berhubung dengan semua urus niaga yang dibuat berkaitan dengan Pelaburan menurut Terma dan Syarat ini, kami mempunyai budi bicara untuk menggenapkan harga Pelaburan kepada angka yang lebih tinggi atau lebih rendah sebagaimana yang disifatkan wajar oleh kami.

5.7.2 Kami boleh, atas budi bicara kami, menghendaki supaya anda memegang amaun pelaburan minimum dalam akaun pelaburan anda sebagaimana yang ditetapkan dan dimaklumkan secara bertulis (minimum yang ditetapkan) oleh kami.

5.7.3 Sekiranya pada bila-bila masa jumlah Pelaburan dalam akaun pelaburan kurang dari minimum yang ditetapkan, kami boleh mendapatkan persetujuan dari anda untuk menebus semua Pelaburan dalam akaun pelaburan, dan setelah penebusan tersebut, kreditkan penebusan tersebut ke dalam Akaun dan menutup akaun pelaburan berikutan penebusan tersebut.

5.7.4 Kami akan, sekali dalam setiap enam (6) bulan atau tempoh masa lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh kami atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan, memberikan kepada anda Rekod Urus Niaga yang menunjukkan:

i. amaun Pelaburan yang dibeli dan ditambah kepada akaun pelaburan, jika ada;
ii. amaun Pelaburan yang ditebus dan dipotong daripada akaun pelaburan, jika ada;
iii. amaun Pelaburan yang ditukar dalam akaun pelaburan, jika ada;
iv. amaun Pelaburan yang dipindahkan ke atau dari akaun pelaburan, jika ada;
v. amaun apa-apa Pelaburan bonus yang diisytiharkan dan diterbitkan oleh mana-mana UTMC yang berkaitan dan ditambah kepada akaun pelaburan, jika ada; dan
vi. apa-apa “pecahan unit” atau “penyatuan unit” yang diisytiharkan dan dilaksanakan oleh mana-mana UTMC yang berkaitan bagi mana-mana Pelaburan di dalam akaun pelaburan, jika ada;
vii. tempoh yang diliputi oleh Rekod Urus Niaga tersebut.

5.7.5 Kecuali bagi apa-apa kesilapan yang nyata, baki amaun Pelaburan dalam akaun pelaburan seperti yang ditunjukkan dalam Rekod Urus Niaga akan dianggap betul melainkan kami dimaklumkan secara bertulis mengenai apa jua percanggahan, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh menerima Rekod Urus Niaga tersebut.

5.8 Autoriti dan Arahan

5.8.1 Orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada kami berhubung dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Pelaburan dan akaun pelaburan hendaklah merupakan orang yang sama yang telah diberikan kuasa sewajarnya untuk mengendalikan Akaun.

5.8.2 Sebarang arahan yang melibatkan apa-apa perkara berkait dengan Pelaburan dan akaun pelaburan akan dibuat secara bertulis dan ditandatangani sewajarnya oleh orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan tersebut kepada kami dan hendaklah diberi:

a. melalui surat yang dihantar sendiri atau dihantar melalui pos prabayar; atau
b. dihantar melalui faksimili, dan disusuli oleh surat asal.

5.8.3 Kami sedia menerima arahan melalui telefon daripada anda tetapi arahan melalui telefon mesti disertakan dengan arahan dibuat secara bertulis sepertimana yang tertera diatas.

5.8.4 Berhubung dengan apa-apa arahan yang diterima secara bertulis daripada kami, satu-satunya kewajipan pengesahan yang perlu dilakukan oleh kami ialah untuk memastikan tandatangan yang tertera pada arahan yang dimaksudkan itu merupakan tandatangan orang yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan arahan tersebut. Kami sama sekali tidak dikehendaki untuk mengesahkan kesahan tandatangan atau identiti orang yang bertanggungjawab menurunkan tandatangan tersebut.

5.8.5 Sekiranya kami membuat keputusan untuk mendapatkan pengesahan kesahan mana-mana tandatangan atau identiti mana-mana orang yang bertanggungjawab menurunkan tandatangan tersebut, tindakan tersebut tidak akan dalam apa-apa segi mengikat kami berhubung dengan apa-apa arahan pada masa akan datang diberikan oleh anda yang sama dan kami berhak untuk bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Fasal 5.8.2.

5.8.6 Arahan akan dianggap telah diterima oleh kami hanya apabila ia sampai kepada pengetahuan Jabatan Perkhidmatan Pelaburan Bank. Jika arahan itu diterima selepas jam 2.30 petang atau kemudian daripada itu pada Hari Perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh kami, arahan tersebut akan dianggap telah diterima pada Hari Perniagaan berikutnya.

5.8.7 Kami berhak atas budi bicara kami untuk enggan mematuhi apa-apa arahan yang, pada pendapat kami, adalah tidak jelas atau kabur yang akan atau mungkin menyebabkan kami untuk melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan (sama ada mempunyai apa-apa akibat undang-undang dan mengikat ataupun tidak). Kami tidak akan dipertanggungkan atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang anda mungkin alami atau tanggung akibat daripada keengganan kami untuk bertindak dalam keadaan tersebut (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami).

5.8.8 Arahan yang diberikan oleh anda untuk membatalkan arahan terdahulu akan dianggap diberikan secara sah hanya sekiranya arahan terdahulu itu belum lagi dilaksanakan oleh kami.

5.9 Yuran, Bayaran dan Perbelanjaan

5.9.1 Dalam menggunakan Perkhidmatan Pelaburan, anda mengakui dengan nyatan bahawa anda mengetahui mungkin terdapat yuran dan bayaran yang dikenakan oleh UTMC yang berkaitan bagi Pelaburan yang hendak dibeli, ditebus atau ditukar. Anda bersetuju bahawa, sekiranya berlaku penebusan, ahasil penebusan yang dikreditkan ke dalam Akaun adalah hasil yang bersih setelah ditolak yuran dan bayaran tersebut, jika ada.

5.9.2 Sebagai balasan kerana menggunakan Perkhidmatan Pelaburan yang disediakan oleh kami, anda hendaklah membayar yuran tersebut sebagaimana mungkin ditentukan dan dimaklumkan secara bertulis oleh kami dari semasa ke samasa. Berhubung dengan mana-mana perkhidmatan yang tidak disebutkan dengan nyatanya dalam Terma dan Syarat ini yang disediakan oleh kami berkaitan dengan Perkhidmatan Pelaburan, yang dianggap oleh kami sebagai luar biasa, anda bersetuju untuk membayar kepada kami amaun tertentu sebagaimana yang dipersetujui antara kami dengan anda dari semasa ke semasa.

5.9.3 Kami berhak untuk mendapatkan pembayaran balik daripada anda berhubung dengan perbelanjaan dan pembayaran balik yang mungkin ditanggung oleh kami dalam melaksanakan obligasi kami di bawah Terma dan Syarat ini atau yang perlu dibayar oleh kami kepada mana-mana UTMC berhubung dengan mana-mana urus niaga Pelaburan.

5.9.4 Anda hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan berkaitan Akta Cukai Perkhidmatan 2018), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa yuran lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

5.10 Mesyuarat Pemegang Unit

5.10.1 Anda dengan nyatanya memperakui bahawa anda bukan Pemegang Berdaftar Pelaburan yang dipegang dalam akaun pelaburan dan, sewajarnya tidak berhak untuk menghadiri apa-apa mesyuarat unit pemegang yang boleh dipanggil berkaitan mana-mana Dana dengan unitnya dipegang oleh anda sebagai Pelaburan.

5.10.2 Kami tidak berkewajipan untuk memaklumkan kepada anda tentang apa-apa mesyuarat pemegang unit yang mungkin diadakan bagi mana-mana Dana yang unitnya dipegang oleh anda sebagai Pelaburan, begitu juga kami tidak berwajipan untuk mendapatkan arahan daripada anda berhubung dengan apa-apa perkara atau undi yang dicadangkan untuk dibincangkan atau diambil pada mana-mana mesyuarat tersebut.

5.11 Notis

5.11.1 Sebarang komunikasi atau notis yang diberikan oleh kami atau penama bagi pihak kami kepada anda boleh diberikan secara bertulis dan dihantar melalui pos prabayar atau faksimili yang dialamatkan kepada anda di alamat surat-menyurat yang diketahui atau nombor faksimili yang

terdapat di dalam rekod kami. Komunikasi atau notis berkenaan akan disifatkan sebagai telah diterima pada:-

i. hari ketiga (ke-3) selepas dipos, jika dihantar melalui pos prabayar, dan
ii. apabila mesin faksimili penghantar mendaftarkan pengesahan bahawa penghantaran telah selesai dilakukan,

kecuali jika ada bukti bahawa komunikasi atau notis tersebut sebenarnya tidak diterima.

5.12 Tanggung Rugi

5.12.1 Anda bersetuju untuk menanggung rugi dan memegang kami, penama dan atau/kakitangan dan ejen masing-masing kami sebagai tidak bersalah, berkaitan apa-apa kerugian dan tanggung rugi yang boleh ditanggung atau dialami oleh kami, penama dan atau/kakitangan dan ejen masing-masing kami yang timbul daripada, atau berkaitan dengan, prestasi kami akan perjanjian yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan dalam urusan perkhidmatan yang diberikannya, pada bila- bila masa atau daripada apa-apa sebab, termasuk pembelian, pemegangan, pertukaran dan penebusan Pelaburan, pengendalian Akaun anda dan akaun pelaburan serta penguatkuasaan Terma dan Syarat ini, kecuali dan melainkan kerugian dan kerosakan tersebut telah ditanggung atau dialami akibat kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan.

5.12.2 Anda juga bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini yang berkaitan dengan perlaksanaan setiap pembelian, pertukaran atau penebusan mana-mana Pelaburan oleh kami dan/atau penama.

5.12.3 Kami dan penama tidak dikehendaki untuk mengambil sebarang tindakan undang-undang melainkan ditanggung rugi sepenuhnya sehingga kami/mereka berpuas hati (sebagai prasyarat untuk mengambil tindakan tersebut) bagi semua kos dan liabiliti oleh anda.

5.12.4 Terma dan Syarat ini atau tanggungan rugi yang terkandung dalam Fasal ini tidak akan bertindak untuk mengecualikan atau membataskan apa-apa liabiliti, yang pengecualian atau sekatannya dilarang oleh undang-undang Malaysia.

5.13 Penamatan

5.13.1 Perjanjian yang dimeterai antara anda dengan kami berhubung dengan produk Pelaburan boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas budi bicara kami dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda. Perjanjian tersebut boleh dibatalkan oleh anda dengan memberikan terlebih dahulu kepada kami, notis bertulis yang tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari.

5.13.2 Jika Pemegang Akaun adalah lebih daripada seorang individu, akaun pelaburan akan terus tertakluk kepada mandat atau autoriti yang sama seperti Akaun apabila berlaku kematian atau ketidakupayaan mana-mana seorang atau lebih daripada seorang individu tersebut.

5.13.3 Apabila perjanjian berhubung dengan produk Pelaburan ditamatkan, kami diberikan kuasa oleh anda untuk meminta UTMC yang berkenaan supaya memindahkan Pelaburan kepada nama anda. Kami tidak akan dipertanggungkan untuk mengatur permindahan Pelaburan tersebut sehingga semua liabiliti anda kepada kami menurut Terma dan Syarat ini (termasuklah apa-apa yuran dan perbelanjaan tertunggak yang perlu dibayar dibawah Terma dan Syarat ini) telah dijelaskan sepenuhnya. Selepas pemindahan tersebut kami dan/atau penama akan dibebaskan dari tanggungjawab selanjutnya.

5.14 Ketidak Eksklusifan

5.14.1 Perkhidmatan yang disediakan oleh kami (dan/atau oleh penama bagi pihak kami) kepada anda di bawah Terma dan Syarat ini adalah tidak eksklusif dan kami mahupun penama tidak akan bertanggung atau wajib:

i. Untuk memberikan penjelasan kepada anda tentang apa-apa faedah yang diterima oleh kami dan/atau penama kerana menyediakan Perkhidmatan tersebut kepada orang lain; atau
ii. Untuk mendedahkan kepada anda tentang apa-apa fakta atau perkara yang sampai kepada pengetahuan kami atau penama dan/atau kakitangan dan ejen kami/mereka masing-masing semasa menyediakan Perkhidmatan tersebut kepada orang lain atau semasa menjalankan urusan kami/mereka dalan apa-apa tugas lain atau dengan apa jua cara melainkan semasa menjalankan kewajipan kami/mereka di bawah Terma dan Syarat ini.

5.15 Perwakilan dan Jaminan oleh Pelanggan

5.15.1 Dengan memohon kepada kami untuk peruntukan Perkhidmatan Pelaburan mengikut Terma dan Syarat ini, maka anda (dan jika pelanggan itu lebih daripada seorang individu, maka setiap individu tersebut) menyatakan, menjamin dan mengesahkan bahawa anda telah membaca Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk terikat dengannya dan dengan menerima Terma dan Syarat ini, anda tidak akan melanggar peruntukan mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang anda tertakluk kepadanya atau apa-apa kontrak, akujanji atau perjanjian lain yang mengikat anda, aset anda atau yang tertakluk kepada anda.

5.16 Umum

5.16.1 Kami akan mempunyai lien pertama dan lien umum ke atas semua Pelaburan yang dipegang menurut Terma dan Syarat ini bagi sebarang amaun yang patut dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan Perkhidmatan Pelaburan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Kami mempunyai hak dan diberikan kuasa ke peringkat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada pelanggan untuk:

i. menolak;
ii. menyesuaikan; dan
iii. menggunakan apa-apa baki kredit,

dalam Akaun (sama ada yang sudah matang atau belum berhubung simpanan tetap atau simpanan bertempoh) bagi menjelaskan sebarang amaun yang patut dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan Perkhidmatan Pelaburan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

5.16.2 Jika pelanggan melibatkan lebih daripada seorang, maka perkara berikut akan terpakai:

i. liabiliti semua orang itu adalah secara bersama dan berasingan;
ii. kami berhak untuk meminta orang itu untuk memberitahu kami secara bertulis sama ada urus niaga berhubung dengan Pelaburan hanya dilaksanakan berdasarkan arahan:
   a. seorang sahaja;
   b. dua (2) orang atau lebih;
   c. semua orang;

   sentiasa dengan syarat bahawa orang yang berumur bawah lapan belas (18) tahun tidak layak untuk memberikan apa-apa arahan berhubung dengan Pelaburan;
iii. Kami berhak untuk bertindak atas arahan orang tersebut yang namanya mula-mula tertulis dalam Akaun;
iv. Kami akan menganggap orang yang namanya mula-mula tertulis dalam Akaun sebagai orang yang layak untuk menerima apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini dan penerimaan oleh orang tersebut bagi apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini berhubung dengan Pelaburan tersebut akan menjadi pelepasan yang baik kepada kami;
v. dimana komunikasi atau notis dikehendaki untuk diberikan kepada anda, adalah mencukupi bagi kami untuk memberikan notis tersebut hanya kepada orang yang namanya mula-mula tertulis dalam Akaun;
vi. tertakluk kepada (vii) di bawah ini, sekiranya berlaku kematian salah seorang daripada mereka, kami dan penama akan mengakui orang yang masih hidup sahaja sebagai orang yang mempunyai apa-apa hak milik, hak atau kepentingan kepada dan dalam Pelaburan; dan
vii. dimana satu-satunya orang yang masih hidup atau orang yang masih hidup adalah atau berada di bawah umur lapan belas (18) tahun, kami dan penama akan hanya mengiktirafkan estet atau harta pusaka orang atau orang-orang yang telah meninggal dunia tersebut sebagai mempunyai apa-apa hak milik, hak atau kepentingan kepada dan dalam Pelaburan.

5.16.3 Kami akan, dan akan mengarahkan penama supaya, mematuhi peruntukan mana-mana undang-undang, peraturan atau perintah yang sekarang atau kemudian daripada ini berkuat kuasa yang bermaksud untuk mengenakan apa-apa kewajipan ke atas kami dan/atau penama selaku pemegang kepada mana-mana Pelaburan untuk memberikan apa-apa pemberitahuan atau mengambil atau menahan diri daripada mengambil apa-apa tindakan.

5.16.4 Kami tidak bertanggungjawab untuk mengambil sebarang tindakan selain daripada yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini berhubung dengan apa-apa Pelaburan atau wang tunai yang dipegang oleh kami dan/atau penama di bawah Terma dan Syarat ini. Kami berhak untuk menerima dan bertindak, atau mengarahkan penama untuk bertindak, berdasarkan sebarang nasihat daripada peguam dan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan yang diambil atau perkara yang dilakukan dengan niat yang baik bersandarkan kepada nasihat tersebut (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan kami).

5.16.5 Kami akan memberikan kepada anda notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan untuk meminda atau mengubah mana-mana atau semua Terma dan Syarat ini.

5.16.6 Sekiranya pada bila-bila masa mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini tertakluk atau menjadi tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, atau didapati oleh mana-mana mahkamah atau badan pentadbiran bidang kuasa berwibawa sebagai menyalahi undang-undang, terbatal, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan, maka Terma dan Syarat ini akan ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang, tidak sah, terbatal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak pernah membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini dan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan itu atau pemisahannya daripada Terma dan Syarat ini.

5.16.7 Kecuali Terma dan Syarat ini menyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan bilangan tunggal akan termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya, dan perkataan yang menunjukkan jantina lelaki juga akan termasuk jantina perempuan dan berkecuali.

5.16.8 Perjanjian yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan secara muktamad patuh kepada bidang kuasa tak eksklusif mahkamah di Malaysia.

C. *PETI SIMPANAN SELAMAT*

Terma dan Syarat Peti Simpanan Selamat boleh dilihat di https://www.rhbgroup.com/personal/safe-deposit-box/index.html, hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian untuk Peti Simpanan Selamat.

D PERKHIDMATAN RHB ISLAMIC BANK BERHAD

6. Akaun Semasa

Cek dan Buku Cek

6.1 Anda hendaklah pada setiap masa menggunakan hanya cek yang dibekalkan oleh kami berhubung dengan mana-mana akaun semasa kami.

6.2 Anda hendaklah mengaku janji untuk memastikan keselamatan semua cek pada setiap masa dan untuk membuat laporan polis dengan segera dan memaklumkan kami secara bertulis berkenaan kehilangan cek dan sekiranya gagal berbuat demikian, kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa cara pengendalian terhadap cek yang hilang.

6.3 Anda hendaklah memastikan bahawa dana yang ada dalam akaun semasa anda adalah mencukupi pada setiap masa bagi pembayaran cek yang dikeluarkan.

6.4 Kami berhak menolak untuk melunaskan cek yang mana tandatangan pemegang akaun adalah berbeza daripada spesimen tandatangan yang diberikan atau cek yang tidak ditunaikan menurut cara yang boleh diterima oleh kami.

6.5 Tiada apa-apa perubahan boleh dibuat terhadap cek. Kami berhak untuk tidak melunaskan dan memulangkan cek yang menurut pendapat kami telah diubah (sama ada telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar atau selainnya). Kami juga berhak untuk tidak melunaskan apa-apa cek yang cacat atau mempunyai kesilapan teknikal termasuk cek lewat tarikh, cek yang tidak konsisten perkataan dan angkanya atau yang mempunyai tulisan tangan yang tidak dapat dibaca.

6.6 Kami akan melaksanakan apa-apa arahan yang membatalkan pembayaran cek hanya apabila surat arahan ditandatangani oleh anda diterima oleh kami. Kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kegagalan anda untuk memaklumkan kami.

6.7 Semua cek, termasuklah semua cek yang tidak digunakan, adalah tetap hak milik kami. Apabila akaun semasa ditutup, sama ada oleh anda atau kami, semua buku/helaian cek yang belum digunakan yang dikeluarkan kepada anda berkenaan dengan akaun semasa hendaklah dikembalikan kepada kami.

6.8 Cek adalah tertakluk kepada semua kaedah, peraturan, dasar dan garis panduan yang terpakaitermasuk garis panduan BNM tentang Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS).

Cek Tak Laku

6.9 Kami berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan oleh anda sekiranya dana dalam akaun semasa anda tidak mencukupi untuk pembayaran cek dan jika terdapat kesilapan teknikal yang lain (contohnya, kesilapan tulisan tangan atau kesalahan tipografi).

6.10 Kami berhak untuk menutup atau mengenakan sekatan/syarat dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasankepada anda, ke atas semua atau mana-mana akaun semasa anda dengan kami, jika ia tidak dijalankan dengan memuaskan atau telah disenaraikan dalam sistem pemantauan cek tidak laku oleh Bank.

Penyata Akaun

6.11 Penyata akaun semasa akan dihantar kepada anda bergantung kepada kekerapan pengeluaran penyata mengikut produk yang ditawarkan.

Semua akaun semasa dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

7. RHB Smart Account-i (SA-i)

Terma dan Syarat RHB Smart Account-i (SA-i)

7.1 RHB Smart Account-i dibuka kepada individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas menggunakan satu nama sahaja ("**Pemegang RHB Smart Account-i").** Akaun bersama tidak dibenarkan.

7.2 Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Pengamal Profesional, Kelab, Persatuan, Pertubuhan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan lain tidak layak membuka atau mengendalikan RHB Smart Account-i.

7.3 Untuk membuka RHB Smart Account-i, Pemegang RHB Smart Account-i dikehendaki memberikan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit yang sah untuk didaftarkan dengan Perbankan dalam Talian RHB.

7.4 Setiap pelanggan yang layak dibenarkan membuka dan mengendalikan hanya satu (1) akaun sahaja, sama ada konvensional atau Islamik.

7.5 Deposit awal yang minimum untuk membuka RHB Smart Account-i ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000).

7.6 Pencadang tidak diperlukan untuk membuka RHB Smart Account-i, melainkan untuk external account (iaitu Ringgit akaun yang dibuka oleh Bukan Pemastautin) yang membuat permohonan untuk buku cek.

7.7 Kemudahan buku cek disediakan atas permintaan. Terma dan syarat umum yang terpakai bersama-sama dengan fi dan caj akan dikenakan bagi kemudahan tersebut.

7.8 Kemudahan overdraf tidak disediakan untuk RHB Smart Account-i ini.

7.9 Pemegang RHB Smart Account-i akan mendapat ***Kadar Keuntungan Asas**, yang dikira berdasarkan baki akaun harian. Kadar Keuntungan Asas yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam RHB Smart Account-i pada hari terakhir setiap bulan.

7.10 Anda boleh membuat apa-apa transaksi yang dibenarkan seperti deposit, pengeluaran atau pemindahan melalui mana-mana kaedah berikut: Melalui kaunter (OTC), ATM, Perbankan dalam Talian RHB, Perbankan Mudah Alih RHB atau apa-apa kemudahan lain yang disediakan oleh kami.

Kadar Keuntungan Bonus

Pemegang RHB Smart Account-i yang memenuhi keperluan di bawah dalam masa satu bulan kalendar berhak mendapat kadar keuntungan bonus:

7.11 Baki Purata Bulanan ("**BPB**")* minimum diperlukan ialah RM1,000.

*BPB ditakrifkan sebagai jumlah baki kredit akaun setiap hari pada hujung hari bagi bulan/bilangan hari kalendar bulan tersebut.

7.12 Untuk menikmati kadar keuntungan bonus bagi **"BAYAR"**, "**BELANJA"** dan "**LABUR"**, Pemegang RHB Smart Account-i mestilah memenuhi keperluan untuk **"SIMPAN"** dahulu sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 1 di bawah.

7.13 Kadar Keuntungan Bonus yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam RHB Smart Account-i pada hari ke-lima belas (15) kalendar pada bulan yang berikutnya.

Jadual 1

KATEGORI	**KRITERIA KADAR BONUS	KEPERLUAN
i. SIMPAN	Kadar bonus diberikan pada akaun dengan BPB minimum RM1,000 sehingga RM100,000	Deposit minimum ialahRM2,000 dalam sebulan. Sila rujuk **Fasal 7.14** di bawah.
ii. BAYAR		Pembayaran bil minimum 3 kali secara dalam talian/ melalui perbankan mudah alih dalam sebulan. Sila rujuk **Fasal 7.15** di bawah.
iii. BELANJA		Perbelanjaan terkumpul sebanyak RM1,000 ke atas Kad Debit/-i atau Kad Kredit/-i RHB dalam sebulan. Sila rujuk **Fasal 7.16** di bawah.
iv. LABUR	Kadar bonus (kadar samarata) diberikan ke atas nilai pelaburan bersih	Pembelian produk kewangan RHB yang layak dengan jumlah minimum RM1,000 Sila rujuk **Fasal 7.17** di bawah.

**Sila merujuk kepada www.rhbgroup.com untuk kadar keuntungan asas terkini dan kadar keuntungan bonus setahun.

7.14 Merujuk kepada syarat yang dinyatakan di dalam Jadual 1 untuk kategori "**SIMPAN"**:

7.14.1 **"SIMPAN"** bermaksud jumlah simpanan baharu dalam RHB Smart Account-i yang dipegang oleh Pemegang RHB Smart Account-i. **"SIMPAN"** dibahagikan kepada dua (2) kategori sebagaimana yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

SIMPAN (JADUAL A) **(urus niaga di bawah termasuk Kadar Bonus)**		**URUS NIAGA BUKAN SIMPANAN (JADUAL B)** **(urus niaga di bawah dikecualikan daripada Kadar Bonus)**
i) Deposit Tunai ii) Deposit Pos Tunai iii) Pemindahan Kredit iv) Kredit Deposit Berjangka v) Kredit Perintah Juruwang vi) Kredit Draf Permintaan vii) Telegrafi / RENTAS/ IBG Pemindahn Kredit viii) Kewangan Segera / Pembayaran Peribadi ix) Auto kredit RHB x) Kredit Pembayaran MARA xi) Kredit Pembayaran KWSP	xii) Deposit Kiriman Wang / Pesanan Pembelian xiii) Kredit Pemindahan Dana RELFEX xiv) Kredit Pembayaran Gaji REFLEX xv) Auto kredit REFLEX xvi) Kredit MCA/-i xvii) Kredit Pendahuluan Tunai IBK xviii) Kredit ATM IBFT di RHB xix) Kredit ATM IBFT di MEPS xx) Duit Now	i) Pemindahan dana dalam akaun semasa / simpanan/-i RHB ii) Deposit Cek

7.15 Merujuk kepada syarat yang dinyatakan di dalam Jadual 1 bagi kategori **"BAYAR"**:

7.15.1 **"BAYAR"** bermaksud pembayaran yang dibuat dari RHB Smart Account-i yang dipegang oleh Pemegang RHB Smart Account-i menerusi Perbankan dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB membayar bil utiliti atau bil lain di bawah organisasi pengebilan yang turut serta. **"BAYAR"** dibahagikan kepada dua (2) kategori sebagaimana yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

BAYAR (JADUAL A) **(urus niaga di bawah termasuk Kadar Bonus)**	**BAYAR (JADUAL B)** **(urus niaga di bawah dikecualikan daripada Kadar Bonus)**
Pembayaran bil di bawah Pengebil lain dan JomPay yang dibuat kepada organisasi pengebilan menerusi Perbankan dalam Talian RHB atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB.	i) Pembayaran kepada mana-mana Kad Kredit/-i RHB ii) Pembayaran kepada mana-mana Pinjaman/Pembiayaan RHB iii) Pembayaran melalui FPX

7.15.2 Pembayaran yang dibuat dengan mendebit dari RHB Smart Account-i yang dipegang oleh Pemegang RHB Smart Account-i melalui arahan tetap/pembayaran bil berulang termasuk untuk Kadar Bonus.

7.16 Merujuk kepada syarat yang dinyatakan di dalam Jadual 1 bagi kategori **"BELANJA"**:

7.16.1 **"BELANJA"** bermaksud jumlah perbelanjaan runcit Pemegang RHB Smart Account-i. **"BELANJA"** dibahagikan kepada dua (2) kategori sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual di bawah.

PERBELANJAAN RUNCIT (JADUAL A) **(urus niaga di bawah termasuk Kadar Bonus)**	**PERBELANJAAN RUNCIT (JADUAL B)** **(urus niaga di bawah dikecualikan daripada Kadar Bonus)**	
i) Pembelian runcit tempatan dan luar negara ii) BELANJA melalui JomPAY	i) Pelan Pembayaran Mudah (EPP) ii) Pemindahan Baki (BT) iii) Cash Access iv) Baki Kad Kredit/-i yang Belum Jelas v) Caj Kewangan vi) Fi Tahunan vii) Caj Pembayaran Lewat	viii) Urus Niaga Berbalik ix) Urus Niaga yang Dipertikaikan x) Urus Niaga Kad/-i Bersifat Penipuan xi) Fi Penggantian Kad/-i xii) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) xiii) Dial-An-Instalment xiv) Fi dan Caj lain

7.16.2 Semua amaun urus niaga runcit yang dicajkan dan dimasukkan ke dalam perbelanjaan prinsipal dan tambahan (jika berkenaan) Kad Kredit/-i dan/atau Kad Debit/-i Pemegang RHB Smart Account-i dalam bulan kalendar akan dikumpulkan untuk pengiraan jumlah amaun yang dikenakan.

7.16.3 Bagi Kad Debit sedia ada atau baharu, kad tersebut perlu ditandakan sebagai yang utama bagi RHB Smart Account-i untuk layak mendapat kadar keuntungan bonus di bawah kategori **"BELANJA"**.

7.16.4 Jumlah perbelanjaan terkumpul boleh dikumpul melalui penggunaan kredit kad berganda di bawah profil pelanggan yang sama. Walau bagaimanapun, bagi kelayakan perbelanjaan runcit kad debit, RHB Smart Account-i mesti dikenal pasti sebagai akaun utama untuk Kad Debit/-i yang berkaitan.

7.16.5 "BELANJA" yang dibuat melalui JomPAY menggunakan Kad Kredit RHB dan/atau Kad Debit Pemegang RHB Smart Account melalui arahan tetap/pembayaran bil berulang **termasuk** untuk Kadar Bonus.

7.16.6 Semua urus niaga runcit dengan tarikh pos dalam bulan kalendar yang sama akan dikumpulkan untuk dikira. Jumlah urus niaga runcit yang tidak dihantar tidak akan dikira. Kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam transmisi atau kenyataan pos apa-apa urus niaga runcit. Rekod kami bagi tarikh pos mana-mana urus niaga runcit adalah mutakhir, muktamad, dan mengikat.

7.16.7 Jika terdapat apa-apa urus niaga yang tidak sah atau dipulangkan (pembatalan perbelanjaan), pengiraan keuntungan bonus bagi bulan kalendar yang sama akan mengambil kira amaun perbelanjaan bersih selepas menolak amaun yang dibatalkan. Misalnya, jika Pemegang RHB Smart Account-i berbelanja sebanyak RM2,000 pada 5 August 2020 dengan kad kredit RHB-nya, seterusnya jika berlaku urus niaga yang tidak sah bernilai RM500 ke atas kad kredit RHB-nya pada 15 August 2020, pengiraan keuntungan bonus untuk bulan August 2020 akan dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan bersih sebanyak RM1,500.

7.16.8 Jumlah berikut yang terhasil menerusi penggunaan Kad Kredit/-i dan/atau Kad Debit/-i RHB tidak dimasukkan dalam pengiraan jumlah urus niaga runcit:

i Fi dan caj kad kredit dan/atau Kad Debit (misalnya fi tahunan, caj pembayaran kewangan dan pembayaran lewat, dan sebagainya);
ii Pemindahan Baki/Pelan Pembayaran Mudah/Easy (EPP)/Cash Excess;
iii Jumlah yang ditukar kepada Pelan Ansuran/ Dial-An Instalment;
iv Urus niaga yang tidak sah, dipulangkan atau dibatalkan dalam bulan kalendar; dan
v Jumlah lain sebagaimana yang diberitahu oleh kami dari semasa ke semasa.

7.16.9 Jika Kad Kredit dan/atau Kad Debit RHB ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun pada 10hb bulan berikutnya, sama ada oleh Pemegang RHB Smart Account atau kami, maka semua jumlah yang dicajkan dan dicatatkan dalam bulan kalendar (jika ada) dibatalkan daripada pengiraan jumlah urus niaga runcit. Misalnya, jika pelanggan yang layak menamatkan Kad Kredit RHB-nya pada 7 September 2020, maka semua jumlah yang dicajkan dan dimuatkan pada Kad Kredit yang ditamatkan tersebut dari 1 Ogos 2020 hingga 31 Ogos 2020 (jika ada) dibatalkan dan tidak akan dikira.

7.17 Merujuk kepada syarat yang dinyatakan di dalam Jadual 1 bagi kategori **"LABUR"**:

7.17.1 **"LABUR"** bermaksud pembelian produk kewangan RHB dengan jumlah minimum sebanyak RM1,000 yang dikumpulkan dalam satu bulan kalendar. Pembayaran bonus akan dibayar berdasarkan jumlah pelaburan bersih.

Jumlah Pelaburan Bersih = Jumlah Keseluruhan Pelaburan – (Caj Jualan dan SST)

7.17.2 Untuk menikmati kadar keuntungan bonus, pembelian mesti dibuat menerusi RHB Islamic Bank dan atau Cawangan Perbankan Runcit RHB Bank.
7.17.3 Hanya jumlah pembelian yang disahkan bagi produk kewangan RHB dalam bulan kalendar yang sama akan dikumpulkan untuk pengiraan keuntungan bonus.
7.17.4 Keuntungan bonus hanya akan dibayar selepas Tempoh Bertenang (jika ada).
7.17.5 Urusniaga produk pelaburan RHB dalam denominasi Ringgit Malaysia seperti Pelaburan bukan-Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Skim Persaraan Persendirian (SPP) & dana Unit Amanah (UA) yang merangkumi dana yang diagihkan oleh RHB Bank dan RHB Islamic Bank, tidak termasuk dana ASNB-VP, dengan caj perkhidmatan minimum 4% dan ke atas adalah layak.

7.18 Kadar Keuntungan Asas dan Kadar Keuntungan Bonus mungkin berubah dari semasa ke semasa dan Pemegang RHB Smart Account-i boleh mendapatkan kadar terkini di laman sesawang kami di www.rhbgroup.com.
7.19 Sekiranya RHB Smart Account-i ditutup atau status RHB Smart Account-i adalah tidak aktif, Pemegang RHB Smart Account-i tidak berhak mendapat apa-apa Kadar Keuntungan Asas atau Kadar Keuntungan bonus bagi bulan kalendar tersebut.
7.20 Penyata akaun bulanan bagi RHB Smart Account-i boleh dilihat menerusi Perbankan dalam Talian RHB.

Prinsip Syariah

Komoditi Murabahah

7.21 Prinsip Syariah bagi RHB Smart Account-i ialah Komoditi Murabahah (kos campur keuntungan) melalui perundingan Tawarruq (pengewangan). Dalam prinsip ini, anda akan melantik kami sebagai ejen untuk melaksanakan semua tindakan sebagaimana yang boleh dilakukan oleh anda berkaitan pembelian barangan dan komoditi yang mematuhi Syariah dalam pasaran tempatan pada harga pembelian yang dipersetujui bersama antara anda dengan kami ("**Harga Pembelian**").
7.22 Komoditi merujuk kepada sebarang komoditi sebagaimana yang ditentukan oleh kami, yang halal dan mematuhi prinsip Syariah berasaskan "sebagaimana adanya", tanpa apa-apa representasi atau waranti daripada kami berkaitan kualiti, keadaan, kuantiti dan perihalan, dan tanpa liabiliti kepada pihak Bank bagi sebarang kerugian, ganti rugi atau perosotan yang tidak disebabkan oleh kecuaian besar, salah laku, kemungkiran sengaja atau penipuan oleh pihak Bank ("**Komoditi**").
7.23 Pemindahan Komoditi akan dibuktikan melalui e-Sijil Komoditi. Anda mempunyai hak untuk menerima penghantaran Komoditi. Sekiranya anda memilih untuk menggunakan hak ini, sila maklumkan kepada kami secara bertulis tentang niat tersebut sebelum peletakan deposit, jika gagal, kami akan menganggap bahawa anda bersetuju untuk meneruskan Transaksi Perdagangan seperti yang dinyatakan dalam klausa 7.34. Anda selanjutnya mengakui dan bersetuju bahawa anda akan menanggung apa-apa dan semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami untuk menghantar Komoditi tersebut kepada anda.
7.24 Kami akan membeli Komoditi tersebut daripada anda pada harga jualan yang terdiri daripada Harga Pembelian dan keuntungan berasaskan kaedah tunggak ("**Harga Jualan**").
7.25 Tempoh Harga Jualan adalah baki hari dari hari peletakan deposit sehingga hujung tahun tersebut ("**Tempoh**").

Pelantikan Sebagai Ejen

7.26 Anda bersetuju melantik kami dan kami bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen anda ("**Ejen**") untuk:
(a) menjalan dan melaksanakan pembelian dan jualan Komoditi menurut Terma dan Syarat ini; dan
(b) merunding urus dengan pedagang Komoditi, firma industri, pembekal dan pelanggan mereka bagi pihak anda, yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi.

7.27 Anda tidak boleh membatalkan pelantikan kami sebagai Ejen selagi RHB Smart Account-i masih aktif. Pelantikan kami sebagai Ejen akan tamat dengan penutupan RHB Smart Account-i anda.

7.28 Setiap urus niaga akan dilaksanakan oleh kami atas nama anda berasaskan pendedahan sepenuhnya. Kami sebagai Ejen akan menjaga kepentingan anda dan bertindak dengan niat baik dalam melaksanakan tanggungjawab kami dan mengendalikan urus niaga.

7.29 Kami dibenarkan untuk mewakilkan hak dan tanggungjawabnya sebagai Ejen dalam Terma dan Syarat ini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan semua tindakan yang perlu bagi melengkapkan urus niaga yang dikehendaki.

7.30 Anda dipertanggungjawabkan terhadap urus niaga perdagangan yang disebut dalam Fasal 7.34 ("**Transaksi Perdagangan**") yang disertai oleh kami sebagai Ejen, melainkan sekiranya tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan sedemikian timbul akibat kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Ejen.

7.31 Anda akan menanggung rugi kami bagi tuntutan yang pertama terhadap semua ganti rugi, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan sebarang perbelanjaan yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dialami oleh kami disebabkan pembelian dan penjualan Komoditi di bawah apa-apa urus niaga di bawah Terma dan Syarat ini sebagai Ejen, atau suatu pelanggaran oleh anda akan mana-mana obligasi anda menurut Terma dan Syarat ini melainkan jika ganti rugi, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan berkenaan adalah disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami sebagai Ejen.

7.32 Tanggung rugi yang diberikan akan mengatasi penamatan Terma dan Syarat ini dan sebarang jumlah yang kena dibayar tidak akan dikenakan apa-apa penolakan sama ada dengan cara tolak selesai tuntutan balas atau yang selainnya.

7.33 Kami tidak bertanggungjawab memasuki mana-mana urus niaga, atau mengikuti mana-mana arahan anda, jika pada pendapat kami dengan memasuki urus niaga sedemikian atau mengikuti arahan sedemikian, kami atau mana-mana sekutun kami akan melanggar atau mengingkari mana-mana undang-undang, dasar, hukum atau peraturan.

Transaksi Perdagangan

7.34 Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di Terma dan Syarat ini, Transaksi Murabahah adalah seperti berikut:
a) Pada mana-mana Hari Perniagaan, anda hendaklah membuat peletakan deposit dengan mendepositkan jumlah minimum yang diperlukan (deposit awal) untuk mengaktifkan RHB *Smart Account-i*.
b) Dengan membuat peletakan deposit, anda melantik kami sebagai Ejen dan mengarahkan kami untuk membuat transaksi pembelian Komoditi bagi amaun bersamaan dengan amaun deposit bagi sepanjang Tempoh ("**Transaksi Pembelian**").
c) Pada keesokan harinya, kami sebagai Ejen dan bagi pihak anda, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal menggunakan amaun yang telah didepositkan.
d) Selepas mendapatkan pemilikan Komoditi bagi pihak anda, kami sebagai Ejen anda kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada kami pada Harga Jualan ("**Transaksi Jualan**") berdasarkan berasaskan kaedah pembayaran tunggak.
e) Tertakluk kepada rebat, kami akan membayar Harga Jualan secara ansuran di mana Keuntungan akan dikreditkan setiap bulan dan prinsipal akan dibayar berdasarkan mekanisme tuntutan balas (seperti yang akan dinyatakan di Fasal 7.38 di bawah).
f) Pada hari terakhir Tempoh ("**Tarikh Matang**"), kami akan membayar baki tertunggak Harga Jualan tolak rebat (jika berkenaan) di bawah Transaksi Jualan dan seterusnya membuat transaksi Murabahah Komoditi melalui perundingan Tawarruq yang baru untuk tempoh baru mengikut Terma dan Syarat ini.
g) Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan.
h) Bayaran broker/perdagangan untuk membeli dan menjual Komoditi akan ditanggung oleh kami.

7.35 <u>Dagangan Komoditi</u>
Dagangan Komoditi akan diadakan pada setiap hari berdasarkan jumlah yang ada pada penghujung hari iaitu pada pukul 11.59 malam dan jumlah tersebut akan didagangkan pada hari berikutnya ("**Dagangan Komoditi**").

7.36 <u>Amaun Dagangan</u>
Amaun dagangan akan ditentukan dengan mengambil baki harian deposit terkumpul dan jumlah pengeluaran untuk hari berkenaan ("**Baki Harian**"):

a) Jika deposit harian adalah lebih besar daripada pengeluaran harian, Dagangan Komoditi akan dilakukan ke atas Baki Harian.
b) Jika pengeluaran harian adalah sama atau lebih besar daripada jumlah deposit bagi hari tersebut, jumlah dagangan akan menjadi tiada maka tiada Dagangan Komoditi akan berlaku.

7.37 Pengiraan Keuntungan

Pengiraan Harga Jualan untuk tujuan perdagangan dan Keuntungan sebenar ("**Keuntungan Sebenar**") yang diterima oleh anda adalah berdasarkan formula berikut:

Harga Jualan *= Baki Harian SA-i x (1+ CPR % x (Jumlah Hari* / 365))*	****Keuntungan Sebenar** *= Baki Terkumpul SA-i x EPR%*** x (1/365)*
**Bilangan hari akan ditentukan berdasarkan pada baki hari dari tarikh peletakan deposit sehingga hari akhir tempoh peletakan. (Pengkreditan keuntungan akan dilakukan pada setiap bulan).* *CPR: Kadar Keuntungan Kontrak* *CPR digunakan sebagai kadar siling untuk menentukan Harga Jualan. CPR semasa ialah 4.0%.*	*** Keuntungan Sebenar akan diakru setiap hari dan akan dikreditkan ke akaun pelanggan setiap bulan.* ****Kadar Keuntungan Efektif (EPR) adalah berbeza mengikut produk masing- masing.*

7.38 Rebat (Ibra')

Anda bersetuju untuk memberikan rebat berdasarkan formula yang berikut:

a) Jika pengeluaran harian lebih besar dari deposit harian:
Baki Harian x CPR x (Bilangan Hari / 365)*
b) Apabila EPR lebih rendah daripada CPR
*Baki Terkumpul SA-i x (CPR-EPR) x (Bilangan Hari**/ 365)*
c) Jika ada perubahan pada CPR
*Baki Terkumpul SA-i x CPR terdahulu x (Bilangan Hari*** / 365)*

**Baki hari dari tarikh pengeluaran sehingga Tarikh Matang*
*** Dari hari peletakan deposit hingga hari pengkreditan keuntungan*
**** Baki hari dari CPR baru hingga Tarikh Matang.*

7.39 Pemberitahuan Penyempurnaan Dagangan

Anda akan dimaklumkan melalui penyata bank berkenaan jumlah transaksi, tarikh transaksi dan kadar Keuntungan yang layak.

7.40 Mekanisma Tuntutan balas disebabkan oleh Deposit Baru dan Pengeluaran

i. Deposit baru (anda melantik kami sebagai Ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak anda) dan pengeluaran (Qard (pinjaman) daripada kami kepada anda) akan ditolak setiap hari antara satu sama lain pada penghujung hari.
ii. Sekiranya pengeluaran harian adalah lebih besar daripada deposit harian, pembayaran Harga Jualan akan dipercepatkan dan ditolak dengan amaun pengeluaran yang relevan.
iii. Meskipun di atas, sebaik sahaja anda mengarahkan kami untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan anda gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Pembelian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, anda harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar gantirugi kepada kami sepertimana tercatat dalam Fasal 7.31 di atas.
iv. Sekiranya anda membuat deposit melalui cek, kami akan mendahulukan wang sendiri untuk tujuan Dagangan Komoditi melalui Qard (pinjaman) sebelum penjelasan cek selesai. Jumlah yang didahulukan oleh kami akan ditolak daripada jumlah penjelasan selepas itu.

7.41 Arahan Pembaharuan

Anda mengarahkan dan memberi kuasa kepada kami untuk memperbaharui RHB Smart Account-i anda setelah tamat tempoh setiap Tarikh Matang tertakluk kepada penerimaan anda terhadap Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Anda hendaklah terus melantik kami sebagai Ejen anda untuk menjalankan Transaksi Perdagangan untuk tujuan pembaharuan.

Penyaluran Keuntungan kepada Amal Kebajikan

7.42 Anda diberi pilihan untuk menyalurkan peratusan tertentu keuntungan yang diperoleh daripada RHB *Smart Account-i* anda kepada amal kebajikan.

7.43 Bagi tujuan penyaluran keuntungan kepada amal kebajikan, anda melantik dan memberi kuasa kepada kami sebagai ejen untuk menyalurkan bahagian keuntungan yang diperolehi kepada badan kebajikan terpilih pada hari pengkreditan keuntungan kami berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui.

7.44 Anda perlu mengesahkan dan memilih perkara yang berikut:-

a) Peratusan keuntungan untuk disalurkan kepada amal kebajikan;

b) Pemilihan badan kebajikan. Sila rujuk kepada www.rhbgroup.com untuk senarai badan kebajikan terkini.

7.45 Anda bersetuju untuk memberikan kepada amal kebajikan berdasarkan formula berikut:

Keuntungan dari SA-i x Peratusan pembayaran keuntungan (%) = Untung dikreditkan ke dalam akaun badan amal

7.46 Anda akan dimaklumkan mengenai jumlah bahagian keuntungan yang telah disalurkan kepada amal kebajikan menerusi penyata bank anda.

7.47 Senarai badan kebajikan akan melalui proses saringan dan semakan berkala oleh Syariah untuk mengelak unsur-unsur tidak patuh Syariah. Di dalam apa-apa keadaan sekalipun, kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya badan kebajikan yang dipilih didapati terlibat dengan aktiviti tidak patuh Syariah.

RHB Smart Account-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Produk pelaburan tidak dilindungi oleh PIDM.

8. Multi Currency Account-i (MCA-i)

Terma dan Syarat Multi Currency Account-i (QMCCA-i)

8.1 Terma dan syarat umum terpakai bagi kedua- dua akaun Qard Multi Currency Current Account-i (QMCCA-i) dan Commodity Murabahah Multi Currency Account-i (CMMCA-i) (secara kolektif dirujuk sebagai “MCA-i”) yang dibuka atau akan dibuka dengan RHB Islamic Bank (Bank).

8.2 Kami berhak untuk menetapkan jenis mata wang asing yang boleh diterima. Bagi QMCCA-i, hibah (hadiah) boleh diberikan mengikut budi bicara kami. Bagi CMMCA-i, keuntungan bagi deposit tertakluk kepada tempoh pemegangan tertentu dan syarat yang perinciannya boleh dilihat sepenuhnya di www.rhbgroup.com.

8.3 Pembukaan MCA-i dengan kami akan ditakbir dengan mematuhi peruntukan Notis Dasar Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia) menurut IFSA 2013 dan pindaannya dari semasa ke semasa.

8.4 Selaras dengan Notis Dasar Pertukaran Asing, semua akaun mata wang asing yang dikendalikan oleh Pemastautin Malaysia dengan bank tempatan berlesen di Malaysia akan ditetapkan sama ada Akaun Matawang Asing Perdagangan ("**FCA Perdagangan**") atau Akaun Matawang Asing Pelaburan ("**FCA Pelaburan**") berdasarkan tujuan pembukaan akaun. Sumber dan penggunaan dana yang diluluskan bagi kedua-dua FCA Perdagangan dan FCA Pelaburan adalah seperti Notis Dasar Pertukaran Asing, peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh BNM.

Klasifikasi MCA-i adalah seperti dibawah:

i. Bagi individu, Akaun MCA-i Individu (INDA/NSCM) diklasifikasikan sebagai Pelaburan, sementara Akaun MCA-i Pelaburan Eksport Individu (INEX/ITCM) diklasifikasikan sebagai FCA Perdagangan.

ii. Bagi Entiti, Akaun MCA-i Pelaburan Eksport (EXPA/XPCM) diklasifikasikan sebagai FCA Perdagangan, sementara MCA-i Akaun Bukan Pelaburan Eksport (NEPA/EQCM) diklasifikasikan sebagai FCA Pelaburan.

8.5 Operasi, sumber dan penggunaan dana dalam FCA Perdagangan and FCA Perlaburan dengan kami akan ditadbir oleh peruntukan yang berkaitan di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing, peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM dari masa ke semasa dan pindaannya ke atasnya dari semasa ke semasa.

8.6 MCA-i adalah akaun bukan tunai. Hasil eksport dan bukan eksport hanya boleh didepositkan melalui penukaran dari RM CASA/-i, pindahan telegraf, draf bank asing, cek atau instrumen boleh niaga dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh kami. Hasil apa-apa Ringgit Malaysia atau cek mata wang asing lain, draf atau instrumen boleh niaga dan wang yang kena dibayar kepada Pemegang Akaun hendaklah dikreditkan kepada MCA-i pada kadar pertukaran yang berlaku pada tarikh pembayaran atau apa-apa kadar yang disetujui oleh anda pada tarikh pembayaran.

8.7 Tiada pengeluaran wang daripada MCA-i dibenarkan dalam apa-apa mata wang asing secara tunai di Malaysia.

8.8 Kami berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan berhubung dengan operasi MCA-i. Caj perkhidmatan yang terpakai akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini. Penyata akaun akan dikeluarkan kepada anda setiap bulan.

8.9 Kami tidak bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang berakibat daripada kiriman wang atau pindahan hasil apa-apa deposit yang ditarik balik di mana hasil sedemikian dikirim atau dipindahkan menurut arahan yang diberikan oleh anda (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan kami).

8.10 Tiada deposit boleh diserah hak, dicajkan, disandarkan atau selainnya dibebankan oleh anda dalam apa-apa cara pun kecuali dengan mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada kami.

8.11 Sekiranya pembayaran balik deposit menjadi salah di sisi undang-undang atau tertunda oleh apa-apa tindakan atau perintah kerajaan bagi mata wang yang terbabit atau negara yang deposit itu diletakkan secara alternatif, kami hendaklah tidak mengenakan liabiliti disebabkan oleh apa-apa perubahan dalam undang-undang terpakai, peraturan atau perintah kerajaan, oleh negara bagi mata wang berkenaan, atau di negara yang deposit itu diletakkan. Anda hendaklah menerima risiko tindakan undang-undang negara asing tersebut.

8.12 Bagi Pemastautin dengan pinjaman/pembiayaan domestik yang:
i. Menukar Ringgit Malaysia ke mata wang asing; atau
ii. Menggunakan dana mata wang asing dalam FCA Perdagangan,
untuk pelaburan dalam mata wang asing atau deposit ke dalam FCA Pelaburan adalah tertakluk kepada had yang dikenakan oleh BNM, iaitu sehingga RM1 juta setahun untuk akaun individu. Tiada had dikenakan untuk Pemastautin tanpa sebarang Pinjaman/Pembiayaan Ringgit Domestik. Tidak berkenaan dengan Bukan Pemastautin.

8.13 Kami berhak untuk menetapkan had komited atau had dalaman kepada MCA-i yang mungkin kurang daripada had yang layak menurut Islamic Financial Services Act 2013 dan Notis 3 Notis Dasar Pertukaran Asing. Ini juga terpakai kepada Akaun di mana tiada had telah dikenakan. Had komited atau had dalaman ini tertakluk kepada semakan berkala oleh kami.

8.14 Semua hasil mata wang asing untuk eksport barang hendaklah dikreditkan ke FCA Perdangangan sahaja.

8.15 Semua mata wang Thai Baht ("**THB**") dalam MCA-i ditakrifkan sebagai Akaun Baht Bukan Pemastautin (NRBA) untuk menampung dana THB bagi tujuan penyelesaian dalam perdagangan, perkhidmatan, pinjaman atau aktiviti pelaburan langsung di Thailand SAHAJA. MCA TIDAK menampung dana THB/penyelesaian yang tidak dalam kategori yang sama seperti Sekuriti Baht Bukan Pemastautin (NRBS).

8.16 Penukaran dana IDR dalam MCA-i kepada Ringgit Malaysia atau mata wang asing lain tertakluk kepada kedalaman pasaran atau ketersediaan rakan niaga.

8.17 Pemegang Akaun hendaklah memberi kami sebarang maklumat yang dikehendaki oleh kami dari semasa ke semasa berkaitan dengan Notis Dasar Pertukaran Asing.

8.18 Kami berhak menukar dan menghantar deposit sebagai Wang Tidak Dituntut dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang asing sebagaimana yang kami anggap sesuai pada kadar pertukaran yang berlaku.

8.19 Kami bebas pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang dari tujuh (7) hari kalendar kepada anda menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini untuk menolak selesai jumlah wang yang didepositkan atau mana-mana bahagiannya terhadap keterhutangan sedemikian di Malaysia dan luar negara, sebenar atau luar jangka, utama atau kolateral, bersesama dan berasingan tanpa mengambil kira keterhutangan sedemikian dalam mata wang yang berbeza daripada deposit dan kami diberi kuasa untuk menguatkuasakan apa-apa pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran yang akan ditentukan dan dimaklumkan secara bertulis oleh kami.

8.20 Tanpa mengambil kira terma dan syarat di atas, pembukaan dan operasi MCA-i adalah tertakluk kepada amalan perbankan dan undang-undang Malaysia, Islamic Financial Services Act 2013, peraturan dan undang-undang AIBIM, peraturan dan notis yang terpakai bagi pertukaran asing di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing termasuk apa-apa pindaan yang dibuat pada undang-undang, peraturan dan pengawalan sedemikian dari semasa ke semasa.

8.21 Semua MCA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Terma dan Syarat Commodity Murabahah Multi Currency-i (CMMCA-i)

8.22 Terma dan syarat Komoditi Murabaha Multi Currency-i terpakai bagi kedua-dua akaun deposit bertempoh dan panggilan (secara kolektif dirujuk sebagai "CMMCA-i") yang dibuka atau akan dibuka dengan kami.

8.23 CMMCA-i beroperasi menurut prinsip syariah konsep Komoditi Murabahah (kos campur keuntungan) melalui perundingan Tawarruq (pengewangan). Dalam prinsip ini, anda akan melantik kami sebagai ejen untuk melaksanakan semua tindakan sebagaimana yang boleh dilakukan oleh anda berkaitan pembelian barangan dan komoditi yang mematuhi Syariah dalam pasaran tempatan pada harga pembelian yang dipersetujui bersama antara anda dengan kami (“Harga Pembelian”).

8.24 Dengan membuat deposit dan/atau peletakan berikutnya, anda bersetuju dengan terma dan syarat ini.

8.25 Komoditi merujuk kepada mana-mana komoditi ditentukan oleh kami yang halal dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam keadaan "sepertimana sedia ada", tanpa apa-apa perwakilan atau waranti daripada kami berkenaan kualiti, keadaan, bilangan dan deskripsi dan tanpa liabiliti kepada kami bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan yang tidak boleh dikaitkan dengan kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank ("Komoditi").

8.26 Tiada transaksi komoditi boleh dilakukan dalam bentuk emas, perak, mata wang, asset yang akan dibina atau dalam proses pembinaan, asset dalam bentuk hutang secara semula jadi atau mana-mana komoditi yang tidak halal dan tidak mematuhi Syariah seperti khinzir, minuman beralkohol, tembakau dan narkotik.

8.27 Pemindahan komoditi hendaklah dibuktikan melalui e-sijil Komoditi

8.28 Pembayaran keuntungan dibayar pada matang.

8.29 Kami akan membeli Komoditi daripada anda pada harga jualan yang terdiri daripada Harga Pembelian dan keuntungan berasaskan kaedah tunggak ("Harga Jualan"). Harga jualan dikira seperti yang dinyatakan dalam klausa 8.48 dan 8.49.

8.30 Bayaran tunai dahulu hendaklah dianggap sebagai deposit jaminan (“Hamish Jiddiyah”) oleh kami untuk menjamin janji untuk membeli aset tersebut dan ia diberikan atas dasar amanah.

8.31 Sebaik sahaja memasuki kontrak jual beli, deposit jaminan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pembayaran Harga Jualan yang dipersetujui

8.32 Untuk mengelakkan keraguan, Tempoh Harga Jualan akan seperti berikut (“**Tempoh**”):

i. Bagi deposit panggilan, baki hari dari hari peletakan deposit sehingga hujung tahun tersebut.

ii. Bagi deposit bertempoh, tempoh adalah sebagaimana ditentukan oleh kami atas budi bicara kami.

8.33 Transaksi perdagangan hendaklah dilakukan dalam mata wang yang sama yang diletakkan/didagangkan oleh anda.

Pelantikan Sebagai Ejen

8.34 Anda bersetuju melantik kami dan kami bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen anda ("Ejen") untuk menjalan dan melaksanakan pembelian dan jualan Komoditi menurut Terma dan Syarat ini dan merunding urus dengan pedagang Komoditi, firma industri, pembekal (“Pembekal”)dan pelanggan mereka bagi pihak anda, yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi.

8.35 Anda tidak boleh membatalkan pelantikan kami sebagai Ejen selagi akaun masih aktif. Pelantikan kami sebagai Ejen akan tamat dengan penutupan akaun anda.

8.36 Setiap urus niaga akan dilaksanakan oleh kami atas nama anda berasaskan pendedahan sepenuhnya. Kami sebagai Ejen akan menjaga kepentingan anda dan bertindak dengan niat baik dalam melaksanakan tanggungjawab kami dan mengendalikan urus niaga.

8.37 Kami dibenarkan untuk mewakilkan hak dan tanggungjawabnya sebagai Ejen dalam Terma dan Syarat ini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan semua tindakan yang perlu bagi melengkapkan urus niaga yang dikehendaki

8.38 Anda dipertanggungjawabkan terhadap urus niaga perdagangan yang disebut dalam Klausa 8.42 (“Transaksi Perdagangan”) yang disertai oleh kami sebagai Ejen, melainkan sekiranya tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan sedemikian timbul akibat kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Ejen.

8.39 Anda akan menanggung rugi kami bagi tuntutan yang pertama terhadap semua ganti rugi, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan sebarang perbelanjaan yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dialami oleh kami disebabkan pembelian dan penjualan Komoditi di bawah apa-apa urus niaga di bawah Terma dan Syarat ini sebagai Ejen, atau suatu pelanggaran oleh anda akan mana-mana obligasi anda menurut Terma dan Syarat ini melainkan jika ganti rugi, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan berkenaan adalah disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami sebagai Ejen. Tanggung rugi yang diberikan akan mengatasi penamatan Terma dan Syarat ini dan sebarang jumlah yang kena dibayar tidak akan dikenakan apa-apa penolakan sama ada dengan cara tolak selesai tuntutan balas atau yang selainnya.

8.40 Kami tidak bertanggungjawab memasuki mana-mana urus niaga, atau mengikuti mana-mana arahan anda, jika pada pendapat kami dengan memasuki urus niaga sedemikian atau mengikuti arahan sedemikian, kami atau mana-mana sekutun kami akan melanggar atau mengingkari mana-mana undang-undang, dasar, hukum atau peraturan.

Transaksi Perdagangan

8.41 Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di Terma dan Syarat ini, Transaksi Murabahah adalah seperti berikut:

i. Pada mana-mana Hari Perniagaan, anda hendaklah membuat peletakan deposit dengan mendepositkan jumlah minimum yang diperlukan (deposit awal) untuk mengaktifkan akaun.

ii. Dengan membuat peletakan deposit, anda melantik kami sebagai Ejen dan mengarahkan kami untuk membuat transaksi pembelian Komoditi bagi amaun bersamaan dengan amaun deposit bagi sepanjang Tempoh ("Transaksi Pembelian").

iii. Secara serentak (atau pada Hari Perniagaan seterusnya), kami, sebagai Ejen untuk dan bagi pihak anda, akan membeli Komoditi pada Harga Pembelian daripada Pembekal

iv. Selepas mendapatkan pemilikan Komoditi bagi anda, kami sebagai Ejen anda kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada kami pada Harga Jualan (“Transaksi Jualan”) berdasarkan berasaskan kaedah pembayaran tunggak;

v. Transaksi jualan bagi deposit panggilan dan deposit bertempoh hendaklah dijalankan mengikut berikut:

a. Bagi deposit panggilan, adalah tertakluk kepada rebat(ibra’), kami akan membayar Harga Jualan secara ansuran di mana Keuntungan akan dikreditkan setiap bulan dan prinsipal akan dibayar berdasarkan mekanisme tuntutan balas. Pada hari terakhir Tempoh (“Tarikh Matang"), kami akan membayar baki tertunggak Harga Jualan tolak rebat (jika berkenaan) di bawah Transaksi Jualan dan seterusnya membuat transaksi Murabahah Komoditi melalui perundingan Tawarruq yang baru untuk tempoh baru mengikut Terma dan Syarat ini.

b. Bagi deposit bertempoh, pada hari terakhir Tempoh (“Tarikh Matang"), kami akan membayar kami akan membayar harga jualan tertangguh di bawah Transaksi Jualan ("Harga Jualan") menurut terma dan syarat yang mendasarinya.

vi. Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan.
vii. Bayaran broker/perdagangan untuk membeli dan menjual Komoditi akan ditanggung oleh kami.

8.42 Meskipun, sebaik sahaja anda mengarahkan kami untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan anda telah gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Belian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, anda harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar ganti rugi kepada kami sepertimana tercatat dalam Klausa 8.39.

8.43 Untuk tujuan Transaksi Perdagangan dan Terma dan Syarat ini, istilah "Hari Perniagaan" bermaksud hari (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) di mana Bank dibuka untuk tujuan perniagaan di Malaysia.

Dagangan Komoditi

8.44 Komoditi akan diadakan pada setiap hari berdasarkan jumlah yang ada pada penghujung hari iaitu pada pukul 11.59 malam dan jumlah tersebut akan didagangkan pada hari berikutnya ("Dagangan Komoditi").

Amaun Dagangan

8.45 Bagi deposit panggilan, Amaun dagangan akan ditentukan dengan mengambil baki harian deposit terkumpul dan jumlah pengeluaran untuk hari berkenaan ("Baki Harian"):
i. Jika deposit harian adalah lebih besar daripada pengeluaran harian, Dagangan Komoditi akan dilakukan ke atas Baki Harian.
ii. Jika pengeluaran harian adalah sama atau lebih besar daripada jumlah deposit bagi hari tersebut, jumlah dagangan akan menjadi tiada maka tiada Dagangan Komoditi akan berlaku.

8.46 Bagi deposit bertempoh, amaun dagangan akan ditetapkan berdasarkan amaun peletakan.

Pengiraan Keuntungan

8.47 Bagi deposit panggilan, Pengiraan Harga Jualan untuk tujuan perdagangan dan Keuntungan sebenar ("**Keuntungan Sebenar**") adalah berdasarkan formula berikut:

<u>Harga Jualan</u>

$$Harga\ Jualan = Baki\ Harian\ Deposit\ Panggilan\ \times (1 + (CPR\ \%\ \times \frac{Bilangan\ Hari^{*}}{360\ or\ 365^{**}}))$$

<u>Keuntungan Sebenar*</u>**

$$Keuntungan\ Sebenar\ = Baki\ Terkumpul\ Deposit\ Panggilan\ \times EPR\ \%^{****}\ \times \frac{1}{360\ or\ 365^{**}}$$

**Bilangan hari akan ditentukan berdasarkan pada baki hari dari tarikh peletakan deposit sehingga hari akhir tempoh peletakan seperti yang ditakrifkan di dalam klausa 8.32. (Pengkreditan keuntungan akan dilakukan pada setiap bulan).*
CPR: Kadar Keuntungan Kontrak
CPR digunakan sebagai kadar siling untuk menentukan Harga Jualan. CPR semasa ialah 7.0%. Bank berhak menurut budi bicara untuk mengubah CPR dari semasa ke semasa.
***360 or 365 adalah tertakluk kepada jenis mata wang*
**** Keuntungan Sebenar akan diakru setiap hari dan akan dikreditkan ke akaun pelanggan setiap bulan.*
****** Kadar Keuntungan Efektif (EPR) adalah berbeza mengikut mata wang.*

Rebat (Ibra')

Anda bersetuju untuk memberikan rebat berdasarkan formula yang berikut:

i. Jika pengeluaran harian lebih besar dari deposit harian:

$$Baki\ Harian\ Deposit\ Panggilan \times CPR\ \times \frac{Bilangan\ Hari^{*}}{360\ or\ 365})$$

ii. Apabila EPR lebih rendah daripada CPR

$$Baki\ Terkumpul\ Deposit\ Panggilan \times (CPR - EPR) \times \frac{Bilangan\ Hari^{**}}{360\ or\ 365})$$

iii. Jika ada perubahan pada CPR

$$Baki\ Terkumpul\ Deposit\ Panggilan\ \times (\ CPR\ terdahulu) \times \frac{Bilangan\ Hari^{***}}{360\ or\ 365})$$

** Baki hari dari tarikh pengeluaran sehingga Tarikh Matang*
*** Dari hari peletakan deposit hingga hari pengkreditan keuntungan*
**** Baki hari dari CPR baru hingga Tarikh Matang.*

8.48 Bagi deposit bertempoh, pengiraan Harga Jualan bagi tujuan perdagangan dan keuntungan sebenar diterima adalah berdasarkan formula berikut:

<u>Harga Jualan</u>

$$Harga\ Jualan = Peletakan\ Amount\ Deposit\ Bertempoh \times (1 + (EPR\ \%\ \times \frac{Bil\ Hari^{*}}{360\ or\ 365^{**}}))$$

Keuntungan Sebenar***

$$Keuntungan\ Sebenar = Peletakan\ Deposit\ Bertempoh\ \times EPR\ \%^{****} \times \frac{Bil\ Hari^{*}}{360\ or\ 365^{**}}$$

** Bilangan hari akan ditentukan berdasarkan pada peletakan tempoh seperti yang ditakrifkan di dalam klausa 8.32.*
***360 atau 365 adalah tertakluk kepada jenis mata wang.*
****Keuntungan Sebenar akan diakru setiap hari dan akan dikompaunkan dengan pilihan pembaharuan automatik.*
****** Kadar Keuntungan Efektif (EPR) adalah berbeza mengikut mata wang.*

Rebat (Ibra')

Sekiranya anda melakukan pengeluaran awal, anda bersetuju untuk memberikan rebat berdasarkan formula yang berikut:

$$Jumlah\ Rebat = Peletakan\ Amaun\ Deposit\ Bertempoh\ \times EPR\ \%^{****} \times \frac{Bil\ Hari^{*}}{360\ or\ 365^{**}}$$

Pemberitahuan Penyempurnaan Dagangan

8.49 Anda akan dimaklumkan melalui penyata bank berkenaan jumlah transaksi, tarikh transaksi dan kadar keuntungan yang layak.

Mekanisma tuntutan balas disebabkan oleh Deposit Baru dan Pengeluaran

8.50 Bagi deposit panggilan, deposit baru (anda melantik kami sebagai Ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak anda) dan pengeluaran (Qard (pinjaman) daripada kami kepada anda) akan ditolak setiap hari antara satu sama lain pada penghujung hari.

8.51 Sekiranya pengeluaran harian adalah lebih besar daripada deposit harian, pembayaran Harga Jualan akan dipercepatkan dan ditolak dengan amaun pengeluaran yang relevan.

8.52 Meskipun di atas, sebaik sahaja anda mengarahkan kami untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan anda gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Pembelian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, anda harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar gantirugi kepada kami sepertimana tercatat dalam Klausa 8.39 di atas.

Arahan Pembaharuan

8.53 Bagi deposit panggilan, kami akan memperbaharui secara automatik akaun apabila tamat setiap tarikh matang.

8.54 Bagi deposit bertempoh Melainkan arahan diterima pada tarikh peletakan deposit bertempoh atau sekurang-kurangnya dua (2) Hari Perniagaan sebelum satu deposit bertempoh matang, anda mengarahkan dan memberi kuasa kepada kami untuk memperbaharui CMMCA-i anda setelah tamat tempoh setiap Tarikh Matang tertakluk kepada penerimaan anda terhadap Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Untuk mengelakkan keraguan, Anda hendaklah terus melantik kami sebagai Ejen anda untuk menjalankan Transaksi Perdagangan untuk tujuan pembaharuan.

8.55 Deposit bertempoh akan diperbaharui secara automatik apabila matang bagi satu tempoh pemegangan yang sama bagi mata wang yang sama pada kadar faedah yang berlaku pada masa deposit itu diperbaharui. Faedah yang terakru akan dikompaunkan semasa pembaharuan dibuat.

8.56 Bagi pembaharuan deposit bertempoh, kami akan menghantar satu makluman rasmi ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang didaftar dengan kami. Maklumat baru itu akan mengatasi dan menggantikan maklumat sebelumnya.

Pengeluaran Pra-Matang

8.57 Pengeluaran wang pra-matang deposit bertempoh tidak dibenarkan melainkan di bawah keadaan berkecuali dan mengikut budi bicara kami. Di mana pengeluaran pra-matang deposit bertempoh dibenarkan oleh kami, faedah tidak akan dibayar pada deposit bertempoh tersebut.

8.58 Pengeluaran separa adalah tidak dibenarkan.

Lain-lain

8.59 Kami dan anda bersetuju dan tidak boleh menarik balik persetujuan dan mengakui bahawa pada tarikh Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini, struktur yang mendasarinya dan Transaksi Perdagangan adalah berlandaskan Syariah. Oleh kerana itu, masing-masing bersetuju bahawa tidak akan membangkitkan sebarang perselisihan berhubung pematuhan Syariah ke atas Terma dan Syarat ini dan Transaksi Perdagangan

8.60 Tertakluk kepada Klausa 8.60 di atas, kami dan anda bersetuju dan mengakui bahawa, jika selepas tarikh Terma dan Syarat ini, terdapat apa-apa pertanyaan yang timbul mengenai perkara yang melibatkan Syariah dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan Transaksi Perdagangan, pertanyaan berkenaan akan dirujuk kepada Majlis Penasihat

Syariahyang ditubuhkan di bawah Seksyen 52(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (*Penubuhan Majlis Penasihat Shariah*) untuk keputusannya, yang mana keputusan tersebut adalah muktamad dan mengikat anda dan kami sebagai pihak kepada Terma dan Syarat ini dan Transaksi Perdagangan. Kami dan anda patut mengambil semua langkah yang perlu untuk menyebabkan/mendapatkan mahkamah atau penimbang tara merujuk pertanyaan tersebut kepada Majlis Penasihat Syariah.

8.61 Dipersetujui dan diakui bahawa Terma dan Syarat ini dan setiap Transaksi Perdagangan tidak dimaksudkan untuk menjadi, dan tidak akan ditadbir oleh peraturan pertukaran Komoditi tempatan di mana Komoditi tersebut didagangkan termasuk peraturan yang ditambah atau diubah dari semasa ke semasa dan dianggap sebagai kontrak melalui kaunter.

8.62 Apa–apa yang berkaitan dengan masa adalah sangat diutamakan dalam Terma dan Syarat ini.

9. Akaun Simpanan

Buku Simpanan

9.1 Apabila buku simpanan dikeluarkan berhubung dengan akaun simpanan, anda mestilah menunjukkan buku simpanan itu apabila pengeluaran wang dibuat di mana-mana cawangan kami.

9.2 Entri dalam buku simpanan boleh dibuat sama ada dengan disahkan oleh mesin atau dimasukkan secara manual di bawah tanda tangan pegawai yang diberi kuasa oleh kami.

9.3 Baki dalam buku simpanan bukanlah baki muktamad atau baki semasa akaun simpanan kerana deposit mungkin dibuat atau item dikenakan caj tanpa membuat apa-apa entri dalam buku simpanan.

9.4 Buku simpanan yang hilang, salah letak atau rosak boleh digantikan dengan yang baru melalui surat tanggung rugi yang ditandatangan dan disetemkan dengan sempurna, tertakluk kepada pembayaran fi perkhidmatan.

Akaun Kad Debit-i *Easy*

9.5 Akaun Kad Debit-i *Easy* dibuka untuk warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun and ke atas dalan satu nama sahaja dan perlu dibuka untuk membolehkan akses kepada Kad Debit-i *Easy*. Jika anda menutup Akaun Kad Debit-i *Easy*, Kad Debit-i *Easy* secara automatik akan dibatalkan dan ditamatkan.

9.6 Sekiranya pemegang akaun menukar kewarganegaraan mereka kepada bukan warganegara Malaysia, Bank akan menghantar notis bertulis kepada pemegang akaun sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal memaklumkan pemegang akaun untuk menutup akaun secara peribadi di cawangan Bank.

9.7 Sekiranya pemegang akaun gagal menutup akaun dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis dihantar, Bank mempunyai hak untuk menutup akaun. Untuk keseluruhan baki dalam akaun, Bank boleh mengeluarkan Draf Permintaan Tempatan dan boleh menghantar Draf Permintaan Tempatan ke alamat terakhir pemegang akaun yang diketahui yang didaftarkan dengan Bank atau melalui pemindahan dana elektronik atau kiriman wang atau dengan cara lain yang Bank anggap sesuai.

Penyata Akaun

9.8 Penyata akaun simpanan akan dihantar kepada anda bergantung kepada kekerapan pengeluaran penyata mengikut produk yang ditawarkan.

Semua akaun simpanan dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

10. Akaun Semasa dan Simpanan-i Qard (Qard CASA-i)

Prinsip Syariah

Qard CASA-i adalah berdasarkan kontrak Shariah Qard. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman (Pelanggan) kepada peminjam (Bank) di mana pihak peminjam adalah terikat untuk membayar balik jumlah penggantian bersamaan dengan pemberi pinjaman. Hibah (hadiah) boleh diberikan mengikut budi bicara kami.

Nota: Ini juga terpakai untuk Akaun Semasa dan Simpanan-i Qard Basic (Qard Basic CASA-i)

11. RHB Premier Current Account-i (PCA-i)

Terma dan Syarat RHB Premier Current Account-i (PCA-i)

11.1 RHB Premier Current Account-i terbuka kepada individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (“Pemegang RHB Premier Current Account-i”). Akaun bersama dibenarkan untuk RHB Premier Current Account-i.

11.2 RHB Premier Current Account-i hanya dibenarkan dibuka oleh pelanggan Premier sahaja.

11.3 Pemilikan tunggal, perkongsian, amalan profesional, kelab, persatuan, persatuan, sekolah, perbadanan, organisasi tidak menguntungkan dan entiti perniagaan lain tidak layak untuk membuka atau mengendalikan RHB Premier Current Account-i.

11.4 Deposit permulaan minimum untuk membuka RHB Premier Current Account-i ialah Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000).

11.5 Tiada pencadang diperlukan untuk membuka RHB Premier Current Account-i.

11.6 Kemudahan buku cek disediakan atas permintaan. Terma dan syarat umum yang terpakai bersama-sama dengan fi dan caj akan dikenakan bagi kemudahan tersebut.

11.7 Kemudahan overdraf terhadap kemudahan Deposit Berjangka tersedia untuk RHB Premier Current Account-i.

11.8 Pemegang RHB Premier Current Account-i akan memperoleh Kadar Keuntungan, yang dikira berdasarkan baki akaun harian. Kadar Keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke *RHB Premier Current Account-i* pada hari terakhir setiap bulan.

11.9 Kadar Faedah dikira berdasarkan konsep "split tier". "Split tier" ialah kaedah pengiraan faedah yang memisahkan baki akaun mengikut peringkat julat baki.

11.10 Kadar Faedah dikira berdasarkan (baki akaun untuk setiap julat baki) x (setiap julat Kadar Faedah) x (jumlah bilangan hari dalam sebulan/ jumlah hari dalam setahun)

11.11 RHB Premier Current Account-i dikategorikan kepada dua klasifikasi seperti di bawah: -
(i) Tier 1: Pelanggan Premier yang memegang RHB Premier Current Account-i
(ii) Tier 2: Pelanggan Bukan Premier yang memegang RHB Premier Current Account-i

11.12 Semasa pembukaan akaun RHB Premier Current Account-i, Pelanggan Premier akan dikategorikan di bawah RHB Premier Current Account-i (Tier 1).

11.13 Jika keahlian Premier Pemegang RHB Premier Current Account-i ditamatkan, RHB Premier Current Account-i akan ditukar kepada RHB Premier Current Account-i (Tier 2) berdasarkan status pemegang akaun utama.

11.14 Penukaran RHB Premier Current Account-i antara Tier 1 dan Tier 2 akan ditukar pada 1hb, 9hb, 16hb dan 23hb setiap bulan sekiranya keahlian Premier ditamatkan.

11.15 Pemberitahuan melalui SMS akan dihantar pada hari akaun pelanggan ditukar antara Tier 1 dan Tier 2.

11.16 Sebagai contoh, pelanggan merupakan Pemegang RHB Premier Current Account-i utama dan menamatkan keahlian Premier pada 12 September 2023. RHB Premier Current Account-i Pelanggan akan ditukar kepada RHB Premier Current Account-i (Tier 2) pada 16 September 2023. Sekiranya pelanggan dinaik taraf kepada RHB Premier semula pada 27 Januari 2024 pada tahun berikutnya, pelanggan RHB Premier Current Account-i (Tier 2) akan ditukar kepada RHB Premier Current Account-i (Tier 1) pada 1 Februari 2024.

11.17 Sila rujuk ke Bahagian E (26) AMLA di bawah Bahagian A. Terma dan Syarat Standard untuk maklumat berkaitan AMLA.

11.18 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Standard Perbankan Peribadi Bank dan Terma dan Syarat Premier untuk Perkhidmatan yang ditawarkan oleh RHB Bank Berhad di https://www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html

Prinsip Syariah

Komoditi Murabahah

11. 17 Prinsip Syariah bagi RHB Premier Current Account-i ialah Komoditi Murabahah (kos campur keuntungan) melalui perundingan Tawarruq (pengewangan). Dalam prinsip ini, anda akan melantik kami sebagai ejen untuk melaksanakan semua tindakan sebagaimana yang boleh dilakukan oleh anda berkaitan pembelian barangan dan komoditi yang mematuhi Syariah dalam pasaran tempatan pada harga pembelian yang dipersetujui bersama antara anda dengan kami ("**Harga Pembelian**").

11.18 Komoditi merujuk kepada sebarang komoditi sebagaimana yang ditentukan oleh kami, yang halal dan mematuhi prinsip Syariah berasaskan "sebagaimana adanya", tanpa apa-apa representasi atau waranti daripada kami berkaitan kualiti, keadaan, kuantiti dan perihalan, dan tanpa liabiliti kepada pihak Bank bagi sebarang kerugian, ganti rugi atau perosotan yang tidak disebabkan oleh kecuaian besar, salah laku, kemungkiran sengaja atau penipuan oleh pihak Bank ("**Komoditi**").

11.19 Pemindahan Komoditi akan dibuktikan melalui e-Sijil Komoditi. Anda mempunyai hak untuk menerima penghantaran Komoditi. Sekiranya anda memilih untuk menggunakan hak ini, sila maklumkan kepada kami secara bertulis tentang niat tersebut sebelum peletakan deposit, jika gagal, kami akan menganggap bahawa anda bersetuju untuk meneruskan Transaksi Perdagangan seperti yang dinyatakan dalam klausa 11.30. Anda selanjutnya mengakui dan bersetuju bahawa anda akan menanggung apa-apa dan semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami untuk menghantar Komoditi tersebut kepada anda.

11.20 Kami akan membeli Komoditi tersebut daripada anda pada harga jualan yang terdiri daripada Harga Pembelian dan keuntungan berasaskan kaedah tunggak ("**Harga Jualan**").

11.21 Tempoh Harga Jualan adalah baki hari dari hari peletakan deposit sehingga hujung tahun tersebut ("**Tempoh**").

Pelantikan Sebagai Ejen

11.22 Anda bersetuju melantik kami dan kami bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen anda ("**Ejen**") untuk:
(a) menjalan dan melaksanakan pembelian dan jualan Komoditi menurut Terma dan Syarat ini; dan
(b) merunding urus dengan pedagang Komoditi, firma industri, pembekal dan pelanggan mereka bagi pihak anda, yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi.

11.23 Anda tidak boleh membatalkan pelantikan kami sebagai Ejen selagi RHB Premier Current Account-i masih aktif. Pelantikan kami sebagai Ejen akan tamat dengan penutupan RHB Premier Current Account-i anda.

11.24 Setiap urus niaga akan dilaksanakan oleh kami atas nama anda berasaskan pendedahan sepenuhnya. Kami sebagai Ejen akan menjaga kepentingan anda dan bertindak dengan niat baik dalam melaksanakan tanggungjawab kami dan mengendalikan urus niaga.

11.25 Kami dibenarkan untuk mewakilkan hak dan tanggungjawabnya sebagai Ejen dalam Terma dan Syarat ini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan semua tindakan yang perlu bagi melengkapkan urus niaga yang dikehendaki.

11.26 Anda dipertanggungjawabkan terhadap urus niaga perdagangan yang disebut dalam Fasal 11.30 ("**Transaksi Perdagangan**") yang disertai oleh kami sebagai Ejen, melainkan sekiranya tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan sedemikian timbul akibat kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Ejen.

11.27 Anda akan menanggung rugi kami bagi tuntutan yang pertama terhadap semua ganti rugi, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan sebarang perbelanjaan yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dialami oleh kami disebabkan pembelian dan penjualan Komoditi di bawah apa-apa urus niaga di bawah Terma dan Syarat ini sebagai Ejen, atau suatu pelanggaran oleh anda akan mana-mana obligasi anda menurut Terma dan Syarat ini melainkan jika ganti rugi, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan berkenaan adalah disebabkan oleh kecuaian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami sebagai Ejen.

11.28 Tanggung rugi yang diberikan akan mengatasi penamatan Terma dan Syarat ini dan sebarang jumlah yang kena dibayar tidak akan dikenakan apa-apa penolakan sama ada dengan cara tolak selesai tuntutan balas atau yang selainnya.

11.29 Kami tidak bertanggungjawab memasuki mana-mana urus niaga, atau mengikuti mana-mana arahan anda, jika pada pendapat kami dengan memasuki urus niaga sedemikian atau mengikuti arahan sedemikian, kami atau mana-mana sekutun kami akan melanggar atau mengingkari mana-mana undang-undang, dasar, hukum atau peraturan.

Transaksi Perdagangan

11.30 Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di Terma dan Syarat ini, Transaksi Murabahah adalah seperti berikut:

i) Pada mana-mana Hari Perniagaan, anda hendaklah membuat peletakan deposit dengan mendepositkan jumlah minimum yang diperlukan (deposit awal) untuk mengaktifkan RHB Premier Current Account-i.

j) Dengan membuat peletakan deposit, anda melantik kami sebagai Ejen dan mengarahkan kami untuk membuat transaksi pembelian Komoditi bagi amaun bersamaan dengan amaun deposit bagi sepanjang Tempoh ("**Transaksi Pembelian**").

k) Pada keesokan harinya, kami sebagai Ejen dan bagi pihak anda, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal menggunakan amaun yang telah didepositkan.

l) Selepas mendapatkan pemilikan Komoditi bagi pihak anda, kami sebagai Ejen anda kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada kami pada Harga Jualan ("**Transaksi Jualan**") berdasarkan berasaskan kaedah pembayaran tunggak.

m) Tertakluk kepada rebat, kami akan membayar Harga Jualan secara ansuran di mana Keuntungan akan dikreditkan setiap bulan dan prinsipal akan dibayar berdasarkan mekanisme tuntutan balas (seperti yang akan dinyatakan di Fasal 11.34 di bawah).

n) Pada hari terakhir Tempoh ("**Tarikh Matang**"), kami akan membayar baki tertunggak Harga Jualan tolak rebat (jika berkenaan) di bawah Transaksi Jualan dan seterusnya membuat transaksi Komoditi Murabahah melalui perundingan Tawarruq yang baru untuk tempoh baru mengikut Terma dan Syarat ini.

o) Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan.

p) Bayaran broker/perdagangan untuk membeli dan menjual Komoditi akan ditanggung oleh kami.

11.31 <u>Dagangan Komoditi</u>

Dagangan Komoditi akan diadakan pada setiap hari berdasarkan jumlah yang ada pada penghujung hari iaitu pada pukul 11.59 malam dan jumlah tersebut akan didagangkan pada hari berikutnya ("**Dagangan Komoditi**").

11.32 <u>Amaun Dagangan</u>

Amaun dagangan akan ditentukan dengan mengambil baki harian deposit terkumpul dan jumlah pengeluaran untuk hari berkenaan ("**Baki Harian**"):

a) Jika deposit harian adalah lebih besar daripada pengeluaran harian, Dagangan Komoditi akan dilakukan ke atas Baki Harian.

b) Jika pengeluaran harian adalah sama atau lebih besar daripada jumlah deposit bagi hari tersebut, jumlah dagangan akan menjadi tiada maka tiada Dagangan Komoditi akan berlaku.

11.33 Pengiraan Keuntungan

Pengiraan Harga Jualan untuk tujuan perdagangan dan Keuntungan sebenar ("**Keuntungan Sebenar**") yang diterima oleh anda adalah berdasarkan formula berikut:

Harga Jualan *= Baki Harian PCA-i x (1+ CPR % x (Jumlah Hari* / 365))*	****Keuntungan Sebenar** *= Baki Terkumpul PCA-i x EPR%*** x (1/365)*
**Bilangan hari akan ditentukan berdasarkan pada baki hari dari tarikh peletakan deposit sehingga hari akhir tempoh peletakan. (Pengkreditan keuntungan akan dilakukan pada setiap bulan).* *CPR: Kadar Keuntungan Kontrak* *CPR digunakan sebagai kadar siling untuk menentukan Harga Jualan. CPR semasa ialah 4.0%.*	*** Keuntungan Sebenar akan diakru setiap hari dan akan dikreditkan ke akaun pelanggan setiap bulan.* ****Kadar Keuntungan Efektif (EPR) adalah berbeza mengikut produk masing- masing.*

11.34 Rebat (Ibra')

Anda bersetuju untuk memberikan rebat berdasarkan formula yang berikut:

d) Jika pengeluaran harian lebih besar dari deposit harian:
Baki Harian x CPR x (Bilangan Hari / 365)*

e) Apabila EPR lebih rendah daripada CPR
*Baki Terkumpul PCA-i x (CPR-EPR) x (Bilangan Hari**/ 365)*

f) Jika ada perubahan pada CPR
*Baki Terkumpul PCA-i x CPR terdahulu x (Bilangan Hari*** / 365)*

**Baki hari dari tarikh pengeluaran sehingga Tarikh Matang*
*** Dari hari peletakan deposit hingga hari pengkreditan keuntungan*
**** Baki hari dari CPR baru hingga Tarikh Matang.*

11.35 Pemberitahuan Penyempurnaan Dagangan

Anda akan dimaklumkan melalui penyata bank berkenaan jumlah transaksi, tarikh transaksi dan kadar Keuntungan yang layak.

11.36 Mekanisma Tuntutan balas disebabkan oleh Deposit Baru dan Pengeluaran

v. Deposit baru (anda melantik kami sebagai Ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak anda) dan pengeluaran (Qard (pinjaman) daripada kami kepada anda) akan ditolak setiap hari antara satu sama lain pada penghujung hari.
vi. Sekiranya pengeluaran harian adalah lebih besar daripada deposit harian, pembayaran Harga Jualan akan dipercepatkan dan ditolak dengan amaun pengeluaran yang relevan.
vii. Meskipun di atas, sebaik sahaja anda mengarahkan kami untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan anda gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Pembelian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, anda harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar gantirugi kepada kami sepertimana tercatat dalam Fasal 11.27 di atas.
viii. Sekiranya anda membuat deposit melalui cek, kami akan mendahulukan wang sendiri untuk tujuan Dagangan Komoditi melalui Qard (pinjaman) sebelum penjelasan cek selesai. Jumlah yang didahulukan oleh kami akan ditolak daripada jumlah penjelasan selepas itu.

11.37 Arahan Pembaharuan

Anda mengarahkan dan memberi kuasa kepada kami untuk memperbaharui RHB Premier Current Account-i anda setelah tamat tempoh setiap Tarikh Matang tertakluk kepada penerimaan anda terhadap Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Anda hendaklah terus melantik kami sebagai Ejen anda untuk menjalankan Transaksi Perdagangan untuk tujuan pembaharuan.

Penyaluran Keuntungan kepada Amal Kebajikan

11.38 Anda diberi pilihan untuk menyalurkan peratusan tertentu keuntungan yang diperoleh daripada *PCA-i* anda kepada amal kebajikan.

11.39 Bagi tujuan penyaluran keuntungan kepada amal kebajikan, anda melantik dan memberi kuasa kepada kami sebagai ejen untuk menyalurkan bahagian keuntungan yang diperolehi kepada badan kebajikan terpilih pada hari pengkreditan keuntungan kami berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui.

11.40 Anda perlu mengesahkan dan memilih perkara yang berikut:-

a) Peratusan keuntungan untuk disalurkan kepada amal kebajikan;
b) Pemilihan badan kebajikan. Sila rujuk kepada www.rhbgroup.com untuk senarai badan kebajikan terkini.

11.41 Anda bersetuju untuk memberikan kepada amal kebajikan berdasarkan formula berikut:

Keuntungan dari PCA-i x Peratusan pembayaran keuntungan (%) = Untung dikreditkan ke dalam akaun badan amal

11.42 Anda akan dimaklumkan mengenai jumlah bahagian keuntungan yang telah disalurkan kepada amal kebajikan menerusi penyata bank anda.

